

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

MAGNET

Kekayaan & Kejayaan

“Formula terbukti berjaya untuk menarik kebahagiaan, kekayaan,
kejayaan & keberkatan ke dalam hidup anda”

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

MAGNET

Kekayaan & Kejayaan

“Formula terbukti berjaya untuk menarik kebahagiaan, kekayaan,
kejayaan & keberkatan ke dalam hidup anda”

AZIZAN OSMAN PUBLICATIONS
2015

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

Hak cipta © Azizan Osman Publications Sdn Bhd
Cetakan Keenam 2015

Hak cipta terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis Azizan Osman Publications Sdn Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Azizan Osman, 1974- :

Magnet Kekayaan & Kejayaan / Azizan Osman

ISBN 978-967-11735-7-2

1. Motivation (Psychology). 2. Success. 3. Wealth.

1. Aqif Azizan, 1990-. II. Judul

158.1

Penerbit sedaya upaya memastikan buku yang diterbit ini berautoriti dari segi topik yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku tidak boleh menganggap memberikan khidmat perundangan, atau khidmat profesional yang lain kepada pembaca. Sekiranya memerlukan khidmat dan bantuan pakar, sila dapatkan nasihat bertauliah dan berkelayakan.

Diterbit / Dicetak /
Diedar Oleh

Azizan Osman Publications Sdn Bhd

No 74, Jalan Badminton 13/29

Seksyen 13, 40100 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 5524 2966 | Fax : 03 5524 1966

www.richworks.com.my

Pengurus

Zafrol Rizal Bin Mat

jerry@richworks.com.my

Editor Pengurusan

Abie Abdullah

abie@richworks.com.my

Susun Atur

Aizzuan Mohamad Ali

aizzuan@richworks.com.my

Kulit / Grafik

Hasnita Ahmad

hasnita@richworks.com.my

Penulis

Azizan Osman

Kandungan

Prakata Penulis	vii
BAB 1	
Transformasi Hidup 60 Saat	1
BAB 2	
Kejayaan Membuatkan Manusia Mengenal Diri, Agama dan Tuhan	11
BAB 3	
Memberi Untuk Menerima <i>(The More You Give The More You Get)</i>	21
BAB 4	
Formula Kekayaan Jutawaan M.E.S.T.I	27
BAB 5	
Magnet Kehidupan	53
BAB 6	
Mitos Tentang Wang	79
BAB 7	
Trauma Manusia	91
BAB 8	
Keperluan Manusia Untuk Berjaya	127
BAB 9	
Deklarasi Minda Jutawan	147
BAB 10	
Transformasi Hidup Anda Sekarang	169

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

Prakata Penulis

Selawat dan salam ke atas junjungan baginda Rasulullah SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya.

Adakah anda hidup sebagai seorang yang sentiasa 'menarik' banyak peluang kekayaan dan kejayaan ke dalam hidup anda atau sentiasa 'menolak' banyak peluang yang bermanfaat?

Adakah anda hidup sebagai seorang yang sentiasa 'menarik' banyak peluang penyelesaian atau banyak 'menarik' banyak masalah yang tidak putus-putus?

Manusia umpama sebuah 'magnet' yang mempunyai daya tarikan untuk merealisasikan banyak impian atau terus hidup tanpa matlamat.

Hadis riwayat Abu Hurairah r.a. katanya:

Rasulullah SAW bersabda:

"Allah SWT berfirman: Aku adalah berdasarkan kepada sangkaan hamba-Ku terhadap-Ku. Aku bersamanya ketika dia mengingati-Ku. Apabila dia mengingatiKu dalam dirinya, nescaya aku juga akan mengingatinya dalam diri-Ku. Apabila dia mengingati-Ku dalam suatu kaum, nescaya Aku juga akan mengingatinya dalam suatu kaum yang lebih baik daripada mereka. Apabila dia mendekati-Ku

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

dalam jarak sejengkal, nescaya Aku akan mendekatinya dengan jarak sehasta. Apabila dia mendekati-Ku sehasta, nescaya Aku akan mendekatinya dengan jarak sedepa. Apabila dia datang kepada-Ku dalam keadaan berjalan seperti biasa, nescaya Aku akan datang kepadanya dalam keadaan berlari-lari anak."

– H.R. Abu Hurairah

Buku Magnet Kekayaan & Kejayaan (MKK) ini merupakan intipati asas sedutan kepada salah satu program latihan intensif yang saya asaskan sejak tahun 2009. Ia merupakan program 4 hari seminar Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) (Sebelum ini dikenali sebagai Intensif Mentor Kekayaan & Kejayaan) yang telah membantu transformasi kehidupan ratusan ribu peserta yang hadir. Buku ini diharap dapat membantu anda untuk transformasi pemikiran dan perasaan anda untuk menjadi magnet kepada segala kebaikan bagi mencapai impian hidup lebih bahagia, sihat, kaya, berjaya dan mudah-mudahan diberkati Allah SWT.

Apa sahaja formula yang saya kongsi merupakan formula terbukti berjaya kepada saya dan mereka yang telah menggunakannya secara bersungguh-sungguh dan luar biasa.

Ia adalah hasil daripada pengalaman jatuh bangun saya sendiri dari seorang yang pernah melalui 'zaman kegelapan' di dalam perniagaan dan pelaburan satu ketika dahulu sehingga saya 'terjumpa' cahaya di dalam perjalanan transformasi hidup saya. Cahaya itu adalah ilmu yang di dapati dengan belajar dari kesilapan diri sendiri serta hasil daripada berguru dengan mereka yang telah terbukti berjaya di dalam bidang mereka.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

Sebenarnya kita tidak akan 'terjumpa' kejayaan secara tidak sengaja kerana tidak akan bergerak sesuatu zarah melainkan dengan izin Allah SWT serta doronganNya. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana setiap sesuatu perkara itu telah diaturkan oleh Dia yang Maha Kuasa mengikut apa yang kita fikirkan, apa yang kita rasa, apa yang kita katakan dan apa yang kita lakukan, sebagaimana hadis yang saya kongsi di atas. Kita boleh menjadi 'magnet' kepada apa yang kita impikan dan lakukan kerana semuanya adalah doa di susuli dengan tindakan.

Terima kasih buat mereka yang telah mendidik saya sepanjang perjalanan kehidupan saya selama ini. Saya tidak akan menjadi sebagaimana saya hari ini jika bukan kerana doa dan keberkatan ilmu dari semua guru-guru saya. Saya bersyukur kerana mempunyai guru yang luar biasa secara khusus atau tidak langsung khususnya guru pertama saya iaitu ibu saya Hajah Mariah binti Ahmad yang telah mendidik saya sejak dari dalam kandungan sehingga saya dewasa dan sentiasa bersama saya di dalam susah atau senang. Terima kasih juga buat arwah ayah saya, Haji Osman bin Yusop yang merupakan inspirasi sifat kepimpinan yang saya miliki sejak kecil lagi. Tidak lupa juga buat isteri saya, Hasdiana Ahmad yang menjadi tulang-belakang saya serta ibu mertua saya Puan Asnah Ahmad, adik-beradik saya dan ipar-duai saya yang banyak memberikan saya sokongan kepada saya selama ini. Saya juga ingin memanjatkan ucapan terima kasih kepada semua guru dan mursyid saya serta keluarga mereka yang masih hidup atau yang telah kembali ke rahmatullah. Terima kasih buat setiap seorang yang pernah membantu saya di dalam hidup saya serta tidak lupa juga kepada setiap ahli kakitangan pengurusan dan staf, Richworks Group of Companies. Rakan-rakan seperjuangan

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

saya, anak murid saya iaitu setiap seorang peserta yang pernah menghadiri seminar-seminar saya. Dan tidak lupa juga, saudara Aqif Azizan yang menjadi inspirasi saya dan membantu saya untuk menyusun atur setiap ilmu dan pengalaman saya sebaik mungkin di dalam buku ini.

Saya doakan sesiapa sahaja yang membaca dan mengamalkan ilmu di dalamnya akan dimakbulkan segala hajat, dipermudahkan segala urusan serta mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Semoga anda menjadi Magnet Kekayaan & Kejayaan.

Al-Fatihah untuk semua.

Azizan Osman

Penulis, Usahawan, Jurulatih Kekayaan & Kejayaan

azizan@azizanosman.com

BAB SATU
1

Transformasi Hidup
60 Detik

Sabda Rasulullah SAW,

*“Sebaik-baik usaha untuk mendapat rezeki adalah bekerja
dengan tangan sendiri. (iaitu menjadi usahawan)”*

– Imam Ahmad dan Al-Baihaqi

Saya memilih untuk mengutarakan beberapa soalan kepada anda sebagai memulakan Bab Pengenalan di dalam buku saya kali ini. Berikan perhatian anda kepada soalan-soalan yang diutarakan dan fikirkan jawapannya secara jujur dan ikhlas.

Ambil masa anda dan tuliskan jawapannya di ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu kongsi jawapannya dengan sesiapa pun. Namun, jika anda memilih untuk berkongsi dengan suami/isteri atau sesiapa sahaja, saya menggalakkannya kerana, ia bukan sahaja dapat menjadikan anda lebih memahami diri dan pasangan anda, ia juga dapat mengeratkan lagi perhubungan di antara anda berdua.

Berikut adalah 20 soalan permulaan bagi membantu anda merintis jalan menjadikan kehidupan anda luar biasa hebat.

Soalan Transformasi Hidup 60 Saat.

Sila jawab soalan-soalan di bawah ini dengan jujur.

Soalan 1:

Apakah yang anda impikan di dalam kehidupan anda?

.....
.....

Soalan 2:

Sudahkah anda berterima kasih kepada setiap orang yang telah membantu anda hari ini?

.....
.....

Soalan 3:

Adakah anda rasa ada sesuatu yang mulai 'hilang' di dalam kehidupan anda sekarang?

.....
.....

Soalan 4:

Bagaimanakah anda dapat menjadikan kehidupan anda lebih bahagia?

.....
.....

Soalan 5:

Adakah anda berfikiran terbuka?

.....
.....

Soalan 6:

Adakah anda menghargai apa yang telah dilakukan oleh orang lain terhadap anda dalam hidup ini?

.....
.....

Soalan 7:

Adakah anda khuatir dengan apa yang difikirkan orang lain terhadap diri anda?

.....
.....

Soalan 8:

Adakah anda seorang yang cepat tersinggung atau hanya memikirkan diri anda sendiri?

Adakah anda juga seorang pendendam?

.....
.....

Soalan 9:

Adakah anda sering membenarkan fikiran negatif orang lain mempengaruhi hidup anda?

.....
.....

Soalan 10:

Adakah anda boleh memaafkan diri anda sendiri di atas segala kesilapan anda di masa lalu?

.....
.....

Soalan 11:

Adakah anda sering tersenyum?

.....
.....

Soalan 12:

Adakah anda seorang yang berfikiran positif?

.....
.....

Soalan 13:

Apakah erti kejayaan bagi diri anda?

.....
.....

Soalan 14:

Apakah tiga kekuatan terbesar anda?

.....
.....

Soalan 15:

Bagaimanakah hidup anda dalam waktu 5 tahun, 10 tahun atau 20 tahun akan datang?

5 tahun lagi :

.....

10 tahun lagi :

.....

20 tahun lagi :

.....

Soalan 16:

Adakah anda menyayangi diri anda sendiri?

.....
.....

Soalan 17:

Adakah anda telah menggunakan waktu yang telah diberikan kepada anda dengan sebaik- baiknya?

.....
.....

Soalan 18:

Apakah perkara yang boleh anda lakukan sekarang yang boleh memberi perubahan yang besar di dalam kehidupan anda?

.....
.....

Soalan 19:

Sudikah anda membenarkan diri anda menjadi seorang yang gagal? Adakah anda telah belajar daripada kegagalan-kegagalan tersebut?

.....
.....

Soalan 20:

Adakah anda mempunyai seorang idola? Siapa dan mengapa beliau menjadi idola anda?

.....
.....

Sudahkah anda menjawab semua soalan di atas? Jawapan anda memberi gambaran awal bagaimana anda menghargai dan meyakini diri anda di dalam menjalani kehidupan anda selama ini.

1.1 Manusia Mempunyai Pilihan

Prinsip utama yang perlu anda pegang sehingga ke akhir halaman buku ini adalah setiap seseorang daripada anda semua mempunyai pilihan di dalam hidup ini. Anda boleh memilih untuk berubah daripada hidup biasa-biasa kepada hidup yang luar biasa hebat. Anda juga boleh memilih untuk menjadi seorang manusia yang hebat dan bermanfaat atau pun manusia yang gagal dan kecewa. Anda boleh merancang serta berusaha, dan anda mampu meraih apa sahaja yang anda impikan semuanya, dengan izin Allah SWT.

Pada zaman Saidina Umar Ibn al-Khattab r.a menjadi khalifah, seorang pencuri telah ditangkap, lalu dibawa ke hadapan Khalifah Umar untuk diadili. Saidina Umar bertanya: *“Kenapa kamu mencuri?”* Lalu dijawab oleh pencuri tersebut *“Ya Amirul Mukminin! Aku mencuri kerana Allah telah mentakdirkan aku sebagai pencuri, lalu akupun mencuri.”*

Saidina Umar pun memerintahkan supaya memotong tangan si pencuri serta menyebatnya. Pencuri itu tidak berpuas hati lalu bertanya: *“Mana ada hukuman seperti ini di dalam Al-Quran? Al-Quran hanya memerintahkan supaya memotong tangan sahaja.”* Saidina Umar r.a menjawab: *“Kamu dipotong tangan kerana kamu mencuri dan kamu disebut kerana kamu berdusta terhadap Allah SWT. Kamu telah jadikan qadar dan qada sebagai alasan untuk menyalahkan takdir Allah.”*

Kisah Saidina Umar tadi menunjukkan bahawa manusia sebenarnya berupaya membuat pilihan. Kedua-dua amal yang baik atau yang buruk walaupun merupakan Qada dan Qadar dari Allah SWT, adalah hasil daripada usaha dan pilihan yang dibuat oleh hambaNya. Jika dinisbahkan perkara keji atau tidak baik itu kepada Allah SWT, ia adalah merupakan satu pendustaan terhadap Allah SWT sebagaimana firmanNya di dalam Surah Al-A'raf, ayat 28.

Kita sering mendengar, apabila seseorang yang telah berjaya, contohnya di dalam bisnes, ditanya tentang faktor kejayaan, mereka pasti menjawab bahawa mereka telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan telah membuat pengurusan yang terbaik. Walau bagaimanapun, apabila mereka menemui kegagalan atau jalan buntu, mereka dengan mudah berkata bahawa ia adalah takdir yang telah ditentukan, walhal, pilihan itu berada di tangan mereka. Lazimnya, apabila berlaku sesuatu yang tidak baik, ia selalu dikaitkan dengan takdir, dan apabila terdapat sesuatu yang baik, mereka berkata bahawa ia adalah berkat usaha diri mereka sendiri.

Maka apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, ia segera berdoa kepada Kami; kemudian bila Kami memberikannya sesuatu nikmat dari Kami, berkata lah ia: Aku diberikan nikmat ini hanyalah disebabkan pengetahuan yang ada padaku. Bahkan pemberian nikmat yang tersebut adalah ujian, akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat itu.

– Surah Az-Zumar, ayat 49

Jika anda mahu kehidupan anda menjadi luar biasa hebat, tindakan anda juga perlu luar biasa cepat dan hebat. Saya seringkali memaklumkan kepada para peserta di dalam

seminar-seminar yang saya jalankan, bahawa saya jauh lebih bertenaga berbanding mereka walaupun saya yang berdiri dan bercakap sepanjang hari di atas pentas. Mengapa mereka yang hanya duduk dan mendengar tidak mempunyai tenaga seperti saya? Mudah sangat mereka rasa mengantuk, sekejap-sekejap hendak ke tandas, dan ada yang demam walaupun hanya duduk seharian di dalam dewan? Mengapa saya boleh berdiri, melompat dan bercakap berhari-hari dan mereka tidak boleh? Itulah bezanya di antara tindakan yang biasa-biasa dan tindakan yang luar biasa, dan itulah juga yang membezakan di antara saya dengan anda semua iaitu: **SAYA AKAN LAKUKAN APA SAHAJA UNTUK BERJAYA.**

Tidak ada kejayaan tanpa usaha. Kejayaan itu adalah milik semua orang. Pengorbanan, masa dan sentiasa mencari peluang untuk berusaha bersungguh-sungguh adalah jalan ke arah kejayaan. Ingatlah, jika anda tidak tahu ke mana arah yang hendak anda tuju, anda menjadi seperti sehelai daun kering yang sedang diterbangkan oleh angin.

1.2 Bergembira Menelaah Naskah Ini

Prinsip kedua ialah raikan saat anda menelaah buku ini kerana saya telah menulisnya untuk berkongsi dengan anda segala pengalaman dan pengetahuan saya tentang kejayaan. Saya percaya, pasti ada yang boleh anda manfaatkan dari perkongsian saya ini, Insya' Allah.

Justeru itu, raikanlah peluang anda untuk membaca dan menelaah sebuah jalinan ilmu pengetahuan dan pengalaman dengan gembira. Cuba anda perhatikan jutawan-jutawan seperti Syed Mokhtar Al-Bukhary, Tony Fernandes, Richard Branson dan ramai lagi. Mereka adalah orang yang berjaya dan

bergembira dengan apa yang mereka sedang lakukan.

Apabila kita berjaya, getaran yang kita hasilkan adalah positif. Kita juga dapat belajar dengan lebih mudah, cepat dan berkesan serta dapat mengadaptasikan ilmu itu dengan lebih pantas ke dalam kehidupan harian kita.

1.3 Botol Air Ajaib

Pastikan anda membawa bersama botol air ajaib ketika menelaah naskah ini. Mengapa saya berkata sedemikian? Ini adalah kerana anda bakal menempuhi satu perjalanan yang hebat. Ilmu yang bakal diterangkan di dalam buku ini akan membawa anda mengimbuai kembali kehidupan anda selama ini. Bayangkan bahawa anda bakal 'berjalan jauh'. Bekalan air anda membantu badan anda menjadi lebih selesa, tenang dan bersedia untuk menerima ledakan ilmu baru. Di sepanjang pembacaan ini, minda anda dipenuhi dengan perkara positif dan jika terdapat minda negatif yang masuk, minda positif anda akan menyingkirkannya keluar.

Minda anda sebenarnya akan bekerja dengan lebih keras dan rajin lagi lantas memerlukan lebih banyak air di dalam badan. Jikalau air berkurangan di dalam badan, suhu badan anda meningkat. Di dalam masa yang sama badan anda juga akan berusaha untuk menyingkirkan semua sel toksik dari badan anda dan botol air ajaib akan membantu anda mempermudah proses tersebut.

Sudahkah anda bersedia untuk menikmati perjalanan ini?

Selamat membaca.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB 2

Kejayaan Membuatkan Manusia Mengenal Diri, Agama dan Tuhan

Apakah kepentingan kejayaan di dalam konteks kekayaan dan menjadi seorang jutawan? Saya telah bertemu bermacam-macam ragam manusia yang menjulang konsep bahawa manusia perlu kepada kekayaan sementara ramai juga yang berpendapat sebaliknya.

Di dalam bab ini, saya ingin mengupas dengan lebih lanjut lagi mengenai bagaimana kejayaan membawa manusia mengenal dirinya, agamanya dan Tuhan. Saya melihat ramai individu yang pada awalnya hidup jauh dari Tuhan dan nikmat agama, tetapi mula berubah selepas mereka sedar kepentingan kejayaan di dalam kehidupan masing-masing.

Rasulullah SAW bersabda,

“Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa parasmu; akan tetapi Ia memandang kepada hati dan amal perbuatanmu.”

– At-Tabrani dan Al-Baihaqi

Diri manusia dijadikan daripada 2 unsur iaitu jasad (jasmani) dan batin (rohani) dan kita perlu mengenali kedua-dua unsur ini secara mendalam. Perjalanan untuk mengenal diri ini bukanlah semata-mata mengenal rupa paras, tetapi apa yang lebih penting ialah mengenal watak batin yakni jiwa, fikiran,

kebolehan, kecenderungan, watak, nafsu dan kekuatan seorang insan yang bernama manusia itu.

Dengan mengetahui sifat-sifat yang ada, anda dapat berlatih untuk menghargai diri anda dan meletakkannya di tempat yang sesuai. Jika tidak, terjadilah kerosakan di muka bumi ini kerana anda telah melakukan sesuatu yang tidak sesuai dengan jiwa anda, justeru berlakulah krisis jiwa, kemungkaran dan ketegangan fikiran hingga hilanglah nikmat kebahagiaan.

2.1 Mengenal Diri

Majoriti dari anda yang bekerja makan gaji di bandar-bandar besar keluar bekerja seawal 7 pagi dan sampai di rumah sekitar pukul 6 petang setiap hari. Ini tidak termasuk bekerja lebih masa, berkursus di luar daerah dan juga terlibat dalam beberapa program anjuran syarikat. Apabila anda pulang ke rumah, anda pula sibuk menguruskan hal keluarga, membantu anak-anak menyiapkan kerja sekolah, mempersiapkan keperluan keluarga untuk hari seterusnya, dan termasuk menyiapkan kerja pejabat. Anda hanya dapat tidur sekitar jam 11 malam untuk menghilangkan penat dan selepas itu bangkit semula sekitar jam 5 pagi untuk mengulangi rutin harian yang sama. Sebagai contoh, jika anda mula bekerja pada usia 24 tahun dan bersara pada usia 56 tahun, ini bermaksud anda akan mengulangi rutin yang serupa selama 32 tahun.

Soalan saya: Adakah anda punya masa untuk diri anda sendiri bagi merenung lebih jauh ke hadapan dan mengenali diri anda sendiri? Atau,

Soalan kedua: Adakah anda sudahpun mengenali diri anda sendiri?

Kesibukan hidup seharian membataskan anda daripada merenung kejadian dan tujuan sebenar anda dilahirkan di atas muka bumi ini. Apakah perkaitannya dengan kejayaan di dalam konteks menjadi kaya dan jutawan? Kekayaan itu melibatkan unsur wang, bisnes, syarikat; apakah perkaitannya faktor kekayaan ini dengan kesibukan rutin harian anda?

Lebih Masa Yang Berkualiti

Di peringkat awal bisnes, anda sememangnya tersangat sibuk berbanding mereka yang bekerja makan gaji. Banyak perkara yang perlu anda uruskan. Kehidupan anda pada masa itu, tidak jauh berbeza dengan rutin harian mereka yang makan gaji. Ada waktunya, anda jauh lebih sibuk daripada mereka, di mana anda kadang-kadang terpaksa bekerja keras sehingga hujung minggu. Hanya bezanya, anda bekerja keras untuk anda dan keluarga dan bukannya untuk orang lain. Apabila bisnes mula berkembang dengan izinNya, anda mampu melantik pegawai dan kakitangan yang berkualiti bagi membantu menguruskan perniagaan anda. Anda boleh membenarkan syarikat anda diurus oleh orang lain ketika anda tiada di pejabat. Anda mempunyai masa terluang yang lebih berkualiti untuk anda gunakan bagi mengenal diri anda sendiri.

Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian kecuali, orang yang beriman dan beramal soleh dan, mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

– Surah Al-Asr, ayat 1 - 3

Pernahkah anda bertanya soalan-soalan ini kepada diri anda:

Siapakah aku?

Mengapakah aku dilahirkan ke dunia ini?

Apakah tujuan sebenar aku dilahirkan di dunia ini?

Apakah sebenarnya yang aku cari dalam kehidupan ini?

Ke manakah hala tuju selepas aku meninggal dunia kelak?

Menerusi kekayaan, anda mampu 'membeli' ruang dan masa untuk menghargai serta menginsafi diri anda sendiri. Pelbagai persoalan berkonsep spiritual yang tidak sempat anda ajukan kepada diri anda selama ini, kini boleh anda fikir dan renungkan semasak-masaknya. Jika dahulu anda tidak mempunyai masa untuk anda dan keluarga, kini anda mempunyai banyak masa merancang kebahagiaan keluarga anda. Kekayaan mengundang ruang dan peluang untuk anda duduk dan berfikir mengenai kehidupan.

Subhanallah. Hebatnya nikmat menjadi kaya. Menerusi cara ini, anda mampu mengenal diri, merenong persoalan-persoalan spiritual dan ketuhanan serta menunaikan tanggungjawab anda sebagai hamba kepada Tuhan Pencipta alam ini. Bagaimana? Saya yakin anda mahu mengetahui bagaimana kekayaan membawa kepada keinsafan kejayaan diri.

Saya melihat bahawa kejayaan dalam konteks kekayaan ini telah membuka banyak peluang dan ruang kepada saya memberi dan membantu lebih ramai manusia supaya berjaya. Mereka bukan sahaja dapat membantu memajukan diri mereka sendiri, malah mereka juga mampu membantu keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Jumlah individu yang telah saya bantu di masa dahulu tidaklah ramai, tetapi hari ini jumlahnya semakin bertambah selari dengan pertambahan ruang dan peluang yang saya ada. Saya dapat membantu lebih ramai orang dan

saya sangat bersyukur dan bergembira dapat melakukannya.

Selain itu, bayangkan, apabila anda mempunyai bisnis yang berjaya, anda dapat membuka banyak peluang pekerjaan kepada pasaran ekonomi negara dan antarabangsa. Masyarakat berpeluang bekerja di bawah syarikat anda dan mereka dapat menyara kehidupan keluarga mereka. Alangkah baiknya jika anda mempunyai peluang dan ruang melakukan kesemua kebaikan ini, dan semua ini hanyalah dapat dicapai apabila anda sudah kaya dan berjaya – konteks kekayaan dan jutawan.

2.2 Mengenal Agama / Kemanisan Beragama

Dan ingatlah! Aku tidak menciptakan Jin dan Manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

– Surah Adz Dzariyaat, ayat 56

Selain membahagiakan orang lain, anda juga berpeluang memikirkan lain-lain perkara kebaikan dunia dan akhirat anda. Sebagai seorang Islam, kita digalakkan membuat kebaikan dan meninggalkan segala kejahatan. Anda sedar bahawa segala rezeki kekayaan yang anda perolehi sebenarnya datang dari Tuhan Yang Maha Agung kerana tanpa izinNya tak mungkin anda boleh memiliki anugerah kekayaan yang anda sedang nikmati walaupun anda bekerja sekeras-kerasnya siang dan malam. Anda mula merasa syukur dan berterima kasih kepada Tuhan di atas limpahan rezeki itu.

Dalam masa yang sama, anda juga dapat mengenal agama Islam dan mempunyai lebih masa membaca dan mengkaji sejarah Islam. Anda dapat merenung dan memahami maksud kitab-kitab tafsir yang hebat dan lain-lain buku ibadah. Anda juga dapat mengetahui sirah perjalanan dan perjuangan

Rasulullah SAW serta membaca perjuangan para sahabat Nabi dan sahabat-sahabat Baginda.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna jika anda masih lagi melakukan apa yang sedang anda buat sekarang ini, anda tidak boleh belajar mengenal diri dan agama. Saya tidak menafikan bahawa masih ada ramai orang sedang berusaha mempelajari ilmu agama mengikut kemampuan masing-masing. Kedudukan ekonomi yang kukuh dan stabil memberi ruang untuk anda mengatur masa hadapan dengan lebih baik. Anda tidak perlu terkejar-kejar di dalam melaksanakan sesuatu. Anda sendiri boleh menganjurkan kelas agama di rumah atau membawa ustaz yang anda gemari bercuti bersama seluruh ahli keluarga anda, sambil 'bersembang-sembang' hal agama. Jika dahulu anda sibuk menguruskan keperluan kerjaya anda, kini anda punya masa untuk fokus kepada tanggungjawab anda sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini.

Menyumbang Demi Agama

Dan sesiapa bertaqwa kepada Allah dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala perkara yang menyusahkan; serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas dihatinya.

– Surah At-Talaaq, ayat 2 - 3

Harta hasil kekayaan yang kita perolehi bukanlah untuk disimpan atau untuk digunakan sendiri sahaja. Rasulullah SAW menegaskan bahawa harta yang boleh dibawa sebagai bekalan ke alam akhirat adalah sedekah jariah dan ilmu yang telah dimanfaatkan. Kita wajib bersedekah dan menyumbang apa sahaja sama ada dalam bentuk wang, tenaga atau masa kepada

masyarakat dan agama. Derma dan sumbangan pada jalan Allah SWT bukan sahaja mendapat ketenangan jiwa, malah mampu membuka lebih banyak pintu rezeki dan kejayaan dalam kehidupan, asalkan niatnya ikhlas dan tidak riak.

Kekayaan adalah satu alat untuk kita menderma atau berzakat sebanyak-banyaknya kepada rumah kebajikan dan program-program kebajikan serta kepada orang yang memerlukan. Kita juga boleh mewakafkan harta dan menyumbang dana bagi pembinaan masjid/surau, sekolah, pusat kesihatan dan lain-lain kemudahan awam dan asas. Kita hidup untuk menjadi manusia yang berguna dan bermanfaat serta membuat kebajikan kepada orang lain.

Tunggak ekonomi sesuatu institusi, dari sebuah keluarga hinggalah ke sebuah negara bergantung kepada kekayaan institusi tersebut. Kekayaan negara sebenarnya bergantung kepada kekayaan rakyat. Lebih makmur ekonomi rakyat, maka lebih makmurlah ekonomi negara.

Oleh itu kita perlu menjadi kaya-raya kerana kita harus menjadi khalifah yang berjaya memakmurkan serta memelihara kesempurnaan alam dan keseimbangan sekalian makhluk ciptaan Allah termasuk haiwan dan alam sekitarnya. Kita mesti membantu masyarakat supaya dunia ini boleh menjadi tempat tinggal yang lebih aman, bahagia dan sejahtera. Kesemua hasrat baik ini dapat kita penuhi jika kita mempunyai sumber kekayaan yang kukuh dan stabil.

2.3 Mengenal Tuhan

Sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah serta mematuhi segala perintahNya, sedang ia berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan peroleh pahala di sisi Tuhannya, dan tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.

– Surah Al-Baqarah, ayat 38

Kehebatan tertinggi meraih kejayaan di dunia adalah kemanisan iman mengenal Tuhan dengan lebih dekat lagi. Saya dapati ramai jutawan dan multi-jutawan Islam kekal tawaduk walaupun mereka sudah kaya raya dan berjaya. Mereka sedar bahawa rezeki, kejayaan dan kekayaan itu datangnya dari pencipta Allah SWT dan mereka sangar bersyukur di atas limpahan nikmat kurniaan itu. Hati mereka tenang dan wajah mereka bercahaya kerana jiwa mereka terpaut pada kasih sayang Ilahi. Anehnya, walaupun kaya, mereka juga tidak sombong dan banyak menderma dan berzakat demi menjamin kebahagiaan akhirat mereka kelak. Mereka bertambah kagum dengan kebesaran Allah SWT dan kini, Alhamdulillah, bibir mereka tidak lekang daripada ucapan zikrullah dan selawat serta salam kepada Rasulullah SAW.

Kejayaan dan kekayaan di dunia memberikan kita ruang melihat betapa agungnya kuasa Allah SWT, Tuhan Pencipta seluruh alam. Hanya dengan izinNya, kita berjaya di dunia dan meraih kekayaan serta dapat merasa kehidupan yang jauh lebih selesa dari orang lain. Semua kekayaan yang kita raih adalah rezeki pemberian Allah SWT dengan izinNya. Kita hanyalah sebagai perantara untuk mengagihkan kekayaan kita itu kepada lebih ramai orang yang memerlukannya di dalam masyarakat negara ini. Menjadi kaya bukannya satu dosa dan

tidak juga menjadikan kita lupa diri. Malah, dengan menjadi kaya, kita boleh membuka lebih banyak ruang menambah pahala, beribadah dan memohon moga diampunkan segala dosa-dosa. Ia juga boleh mengingatkan kita bahawa kehidupan ini adalah sementara sahaja dan yang kekal itu hanyalah Allah SWT.

Justeru, para pembaca yang saya hormati sekalian, prinsip dan matlamat sebenar kita menjadi kaya di dunia adalah demi membina kehidupan akhirat yang lebih bahagia. Kita menjadi kaya di dunia bagi membuka lebih banyak ruang mengenal diri, mengenal agama dan seterusnya menuju kepada makrifat Pencipta kita, Allah SWT.

Semoga dengan kekayaan melimpah-ruah yang dianugerahkan, kita dapat membantu lebih ramai orang, membantu lebih banyak syarikat serta dapat menghulurkan lebih banyak sumbangan zakat dan dana kepada mereka yang memerlukan demi kemakmuran negara dan agama.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB TIGA

3

Memberi Untuk Menerima *(The More You Give The More You Get)*

*“The easiest way to get what you want,
is to help others get what they want.”*

– Deepak Chopra

Apabila anda memiliki bisnes sendiri, anda mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap kelancaran keseluruhan operasinya. Percaya atau tidak, semakin banyak anda memberi semakin cepat dan mudah anda mencapai segala impian-impian anda. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi orang yang tidak yakin dengan idea bahawa semakin banyak kita memberi, semakin cepat kita berjaya. Malah, kebanyakan ahli bisnes masih hidup dikelilingi oleh mitos atau kepercayaan ‘miskin’ sepanjang hidup mereka.

Mitos ‘miskin’ di kalangan ahli bisnes sejak berzaman dahulu ialah; satu-satunya cara untuk maju ke hadapan di dalam bisnes adalah dengan cara menipu, mencuri, merampas sesuatu atau yang lebih teruk lagi ‘menindas’ orang lain dalam usaha mencapai ke puncak.

Sebenarnya, mitos ini tidak betul sama sekali.

Cara yang terbaik dan lebih efektif serta membawa pulangan yang sangat besar untuk maju ke hadapan dalam bisnes, dalam jangka masa panjang, adalah dengan membantu orang lain. Semakin ramai orang yang anda bantu, semakin maju bisnes anda dan semakin banyak kejayaan yang bakal anda raih.

Apabila anda memberikan servis atau produk yang membantu menyelesaikan masalah seseorang, pelanggan yang berpuas hati pasti berkongsi tentang hal tersebut dengan orang lain di persekitaran mereka seperti keluarga, rakan-rakan dan jiran. Dengan itu, lebih ramai pelanggan yang tahu tentang bisnes anda dan seterusnya, membuka lebih banyak peluang kepada prospek dan jualan bisnes anda di masa hadapan.

Nilai peribadi dan harga diri anda turut meningkat sejajar dengan sikap anda yang suka membantu orang ramai menyelesaikan masalah mereka. Nilai peribadi yang tinggi mencerminkan reputasi bisnes anda yang dikagumi oleh masyarakat.

3.1 Rule of Reciprocation : Peraturan Membalas Balik

Robert Cialdini di dalam buku *The Psychology of Persuasion* yang membincangkan prinsip *The Rule of Reciprocation*, menyatakan bahawa kita mesti membalas atau 'membayar' semula setiap kebaikan yang diberikan orang lain kepada diri kita.

Apabila seseorang memberikan sesuatu kepada orang lain, individu yang menerima itu terdorong untuk 'membayar' semula kebaikan tersebut menerusi pelbagai cara seperti wang ringgit, servis, tenaga, masa, sokongan atau peluang bisnes.

Jadi, apakah yang boleh anda adaptasikan daripada peraturan ini di dalam bisnes anda? Sebagai contoh, anda boleh menyediakan perkhidmatan atau produk percuma kepada pelanggan untuk satu jangka masa yang tertentu. Contoh yang lain, anda boleh mengadakan 'kedai terbuka' dan menjemput para pelanggan untuk merasai kek yang anda jual di kedai anda atau membuka tawaran menggunting rambut percuma dari jam 4 - 5 petang pada setiap hari Isnin.

Anda juga boleh mempromosikan produk atau servis orang lain di laman web atau laman sosial anda secara percuma.

Memberi atau berkongsi dengan masyarakat secara percuma menyebabkan bisnes anda lebih cepat dikenali di dalam pasaran. Masyarakat mula berminat dan datang semula ke kedai atau premis anda dengan sendirinya. Kenapa? Sebabnya, aturan alam memang sebegini. Jika hari ini anda memberi, esok lusa anda menerima pula. Cuma, sangat penting untuk anda memastikan yang perkhidmatan atau produk yang anda berikan kepada pelanggan mestilah berkualiti walaupun ia adalah percuma. Dengan cara itu, para pelanggan boleh merasai kesungguhan anda membantu atau menambah nilai kepada mereka dan mereka sudah pasti tidak teragak-agak untuk mendapatkan perkhidmatan anda lagi di masa akan datang.

Adalah tidak mustahil untuk anda meraih jualan yang tinggi dengan berkat membantu orang ramai. Ada di kalangan peserta saya yang berjaya melipat gandakan hasil pendapatan mereka sebanyak 400% dan lebih, hanya dengan mengamalkan konsep 'membayar' ini – iaitu berkongsi dengan masyarakat tentang produk atau servis secara percuma.

3.2 Maklumat di Hujung Jari

Urus niaga bisnes berlaku setiap hari. Ianya agak rutin, *rigid* dan tidak ada banyak perbezaan. Jadi apakah yang hendak dikongsikan tentang bisnes anda kepada orang ramai jika hari-hari berlalu hanya biasa-biasa sahaja? Sebenarnya, setiap perusahaan punya keunikan dan kelainan yang tersendiri. Sesuatu produk adalah berbeza dengan satu produk yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab anda mengetengahkan keistimewaan produk dan servis anda kepada masyarakat.

Berita yang menarik juga merupakan sumber yang baik kepada para penulis dan wartawan. Setiap pemilik bisnes juga pasti suka jika para jurnalis menulis berita mengenai mereka atau bisnes mereka. Terpapar di dada-dada akhbar atau majalah merupakan satu strategi pemasaran berimpak besar di dalam sesuatu bisnes. Selain meraih pemasaran percuma, anda juga dapat membina hubungan baik dengan pihak media yang mana sangat penting untuk jangka masa panjang bisnes anda.

Pengiklanan di media massa seperti elektronik dan surat khabar juga boleh melibatkan pelaburan yang agak tinggi. Walau bagaimanapun, apalah hendak dibandingkan kos pelaburan tadi dengan reputasi dan imej syarikat yang positif, hasil daripada paparan berita tersebut.

Hari ini, banyak kumpulan media sama ada surat khabar, majalah atau stesen radio dan televisyen terlibat dengan pelbagai aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan. Sebenarnya, memang itulah peranan utama media iaitu mendekati masyarakat dan menyalurkan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan. Selalunya, kumpulan media ini mendapatkan sumbangan berbentuk wang ringgit, barangan, tenaga atau sebagainya dari

syarikat-syarikat swasta dan perniagaan. Inilah masanya anda membantu mereka yang kurang bernasib baik dan dalam masa yang sama mendapat pendedahan media secara percuma. Media menjadi orang tengah menjalinkan hubungan di antara masyarakat dengan anda, golongan usahawan dan peniaga yang membantu memakmurkan ekonomi negara.

Jika anda mahu meningkatkan nilai bisnes syarikat dan diri anda, menyumbanglah lebih banyak kepada komuniti. Bukan sahaja ia akan tersebar melalui mulut ke mulut orang ramai, ia juga mampu membina impak yang positif terhadap bisnes anda.

3.3 Hikmah Memberi Menambah Kebahagiaan

Apabila anda berasa bahagia, anda menjadi lebih produktif. Sebagai usahawan, anda merupakan enjin kepada bisnes, maka penting untuk anda kekal gembira dan produktif.

Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah nikmatKu kepadamu dan, jika kamu mengingkari nikmatKu, maka sesungguhnya, azabKu amat pedih.

– Surah Ibrahim, ayat 7

Sehingga tahap ini, penyebab utama saya melakukan apa yang saya lakukan saat ini ialah kerana saya sangat percaya bahawa bisnes saya membolehkan saya membantu orang lain, dan bukannya menjadikan saya kaya semata-mata. Percayalah, dengan membantu orang lain, kekayaan datang melimpah ruah dalam kehidupan kita.

Negara ini memerlukan lebih ramai jutawan dan multi-jutawan, yang mampu menyumbang semula kepada masyarakat supaya dunia ini menjadi lebih baik buat semua. Dunia memerlukan anda semua menjadi jutawan dengan cepat.

“How wonderful it is that nobody need to wait a single moment before starting to improve the world.”

– Anne Frank

BAB EMPAT

Formula Kekayaan Jutawan M.E.S.T.I

Rasulullah SAW bersabda,

*“Ahli perniagaan muslim yang amanah dan jujur akan berkumpul
di hari akhirat bersama para-para Syuhada.”*

– Ibnu Majah

Saya mempunyai formula kejayaan dan kekayaan tersendiri yang sangat berkesan untuk menjamin hasil yang maksimum di dalam bisnes anda. Formula ciptaan saya ini, yang saya percaya dan pegang dari mula saya menjalankan bisnes sehingga berjaya ke hari ini ialah M.E.S.T.I.

M.E.S.T.I adalah akronim kepada 5 prinsip utama yang sangat berkesan untuk berjaya jika diamalkan dengan betul.

Ia bermaksud seperti di bawah:

M - Mentor

E - Ilmu

S - Sistem/Strategi

T - Tindakan

I – Impian

4.1 Mentor

Pernahkah sesekali dalam perjalanan bisnes, anda hilang arah, keliru atau tertekan? Ada ketikanya juga anda mempunyai persoalan yang memerlukan jawapan. Anda tidak tahu bagaimana hendak bermula dan ada masanya anda rasa berputus asa. Pernahkah anda rasa sedemikian, tidak kiralah sama ada perusahaan anda itu kecil atau besar?

Jawapannya mestilah YA. Saya pasti anda semua pernah merasakan sedemikian. Sebenarnya, dari satu sudut yang positif, anda perlu punya rasa tidak keruan seperti di atas tadi supaya anda tahu di mana kedudukan bisnes anda sebenarnya. Anda juga perlu tahu bahawa semestinya ada cara atau kaedah, yang perlu anda pelajari untuk membawa anda dan bisnes anda keluar dari semua situasi demikian. Oleh sebab itulah, perkara yang paling utama dan penting yang anda perlukan ialah seorang mentor, jurulatih, *coach* atau *trainer* yang *proven success* atau telah terbukti kejayaannya untuk membantu memandu anda menjalankan bisnes anda supaya berjaya.

Kepentingan Mentor Dalam Bisnes

Faktor utama mengapa ahli perniagaan perlu mempunyai mentor adalah supaya dapat belajar daripada mereka selok-belok perniagaan, dan belajar suatu ilmu yang tidak boleh didapati dari mana-mana buku atau kuliah pengajian.

Apabila mula berniaga, anda mempunyai banyak persoalan; mengapa dan bagaimana untuk menjayakan bisnes anda. Seperti yang saya katakan tadi, jawapan untuk soalan-soalan anda itu tidak ada dalam mana-mana buku. Malah, jika ditanya kepada para pensyarah yang berkenaan dalam bidang ini sekalipun, mungkin mereka tidak mampu untuk memberikan

jawapan yang tepat. Saya bukan memandang rendah kepada golongan akademik yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan diri saya sendiri dan masyarakat secara amnya, tetapi jawapan yang diperlukan oleh anda semua sebagai ahli perniagaan mestilah berbentuk praktikal, bukannya teori.

Anda perlu merujuk mereka yang pernah melalui sendiri jerih-perit berniaga. Anda perlu belajar daripada pengalaman mereka, supaya anda boleh mengelak daripada melakukan kesilapan yang sama. Orang selalu berkata, perniagaan ini seperti *trial and error*, tetapi saya pula mempunyai kepercayaan yang berbeza. Bagi saya, berniaga ialah *try and adjust*. Sebab itu pengalaman mentor anda sangat penting untuk dijadikan kes kajian. Jadi, janganlah hairan jika mentor anda mengambil masa 10 tahun untuk membina empayar bisnesnya dan anda pula mengambil masa yang lebih singkat, kerana anda hanya mengambil pengajaran yang positif dari pengalaman jatuh bangun mereka, tanpa anda perlu melalui pengalaman buruknya sendiri.

Secara peribadi, saya telah menempuh kegagalan demi kegagalan satu ketika dahulu. Pada fikiran saya semasa itu, belajar dan mendapat gred yang baik dalam subjek pemasaran semasa di universiti sudah memadai. Walau bagaimanapun, suatu hari, salah seorang daripada mentor saya yang berbangsa Cina telah menegur saya. Katanya saya bodoh kerana belajar bisnes daripada orang yang langsung tidak tahu bagaimana hendak mempraktikkan apa yang diajarkannya.

Bayangkan, kita ingin menjadi seorang pemain skuasy profesional yang berjaya tetapi belajar dengan seorang pemain skuasy amatir yang baru beberapa bulan berjinak-jinak

dalam arena ini. Bolehkah begitu? Bandingkan pula jika kita belajar dari seorang ahli skuasy profesional yang sudah ada pengalaman berpuluh tahun dan pernah meraih pelbagai kejayaan di peringkat antarabangsa. Mana satu pilihan anda? Mana satu yang anda rasa boleh membantu anda mencapai impian anda?

Atau mungkin anda ingin belajar sendiri berpandukan buku dan latihan tanpa seorang jurulatih? Kosnya pasti lebih rendah dan orang selalu berkata, *practice makes perfect*. Mana satu sekalipun yang anda pilih, anda pasti berjaya juga akhirnya dengan syarat anda tidak berhenti berusaha. Cuma, yang membezakan setiap pilihan ini ialah bilakah masanya anda akan pandai bermain skuasy itu? Jika hanya pandai bermain mungkin tidak lama, tetapi untuk mencapai impian anda menjadi pemain skuasy profesional yang berjaya di peringkat dunia, dengan hanya berjurulatihkan pemain skuasy amatir atau berlatih sendiri, mengambil masa yang sangat lama. Sebaliknya jika anda belajar dengan seorang guru atau mentor, anda mungkin dapat mencapai impian anda dengan lebih cepat kerana beliau mengajar anda selok belok perniagaan mengikut pengalaman kejayaannya.

Seorang mentor adalah sangat penting bagi kelancaran permulaan dan perkembangan bisnes anda. Seorang mentor mengetahui apa yang anda tidak ketahui. Dalam anda memilih mentor, ada karakter tertentu yang wajib anda kenalpasti terlebih dahulu sebelum seseorang itu layak untuk anda contohi. Karakter atau ciri-ciri seorang mentor mestilah;

They walk the talk.

Terbukti berjaya dalam bisnes mereka.

Kebolehan berkomunikasi, berilmu dan bekerjasama dengan baik.

They Walk the Talk

Perkara paling penting adalah, mentor itu mestilah seorang yang melakukan apa yang mereka ucapkan. Jika mereka percaya dan berpegang kepada satu-satu prinsip atau formula, mereka mesti mempraktikkan prinsip dan formula tersebut dengan jelasnya.

Contoh paling mudah, komponen jualan dan pemasaran adalah yang paling utama di dalam sesebuah organisasi syarikat perniagaan. Tumpuan yang harus diberikan kepada aspek jualan dan pemasaran mestilah sekurang-kurangnya 60% lebih utama daripada komponen lain seperti pentadbiran, perakaunan dan operasi syarikat. Jika anda ingin mengambil seorang mentor untuk membantu anda di dalam bisnes, mentor tersebut mestilah mengepalai komponen jualan dan pemasaran di syarikat anda. Beliau mestilah orang yang sangat hebat dalam memasarkan, mempromosi serta menjual produk atau servis anda kerana pemasaran dan jualan ialah nyawa syarikat anda. Jangan sesekali meletakkan mentor anda mentadbir syarikat. Walaupun ianya penting, kerja pentadbiran bukanlah keutamaan bisnes anda kerana ia tidak menambah pendapatan malah menyusutkannya lagi.

Mereka Berjaya Dalam Bisnes Sendiri

Calon yang anda pilih menjadi mentor hendaklah seorang yang telah terbukti kejayaannya di dalam bidang yang diceburinya. Sebagai contoh, jika anda mahu membuka kedai kek yang maju, anda perlu berguru daripada seseorang yang juga berada dalam industri yang sama. Paling penting, calon mentor bisnes kedai kek anda itu mestilah telah berkembang maju dan berdaya saing. Jika tidak, dia bukan calon ideal anda. Jika mereka sendiri tidak mampu memajukan bisnes mereka, bagaimana pula mereka mampu membantu anda memajukan bisnes anda?

Contoh lain, jika anda dari industri jualan langsung pula, cari seorang mentor yang mempunyai pendapatan yang tertinggi dalam syarikat tersebut. Jika calon mentor anda itu membuat pendapatan sebanyak RM2000 sebulan, anda boleh jangkakan yang anda hanya mendapat pendapatan sebanyak RM200 sebulan sahaja. Itu adalah nisbah kira-kira yang mudah.

Kebolehan Berkomunikasi, Belajar dan Bekerjasama

Tidakkah engkau melihat bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan iaitu, kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang akar tunjangnya tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada setiap masa dengan izin Tuhannya.

– Surah Ibrahim, ayat 24 - 25

Jika anda mahu belajar daripada seseorang, pastikan anda memilih seseorang yang anda selesa bekerjasama dengannya. Personalitinya mesti sesuai dengan karakter anda dan anda boleh berkomunikasi secara baik dengannya untuk menuntut ilmu daripadanya. Apabila anda memilih mentor, anda

juga mesti bersedia untuk 'menyerah' diri, iaitu anda mesti berfikiran terbuka dan bersedia untuk menerima perubahan sama ada kecil atau besar.

Saya tidak pula bermaksud bahawa kesemua ciri di atas ini wajib dipenuhi, namun idealnya begitulah. Mungkin di peringkat awal, anda merasa kurang selesa apabila ada orang yang mengarahkan anda itu dan ini. Perubahan jadual dan rutin harian anda bukan hanya memberi kesan kepada syarikat, malah mungkin turut mengheret kehidupan peribadi anda. Anda mesti sedar bahawa bukan mudah untuk anda menolak diri anda sendiri ke tahap yang lebih tinggi. Rasa tidak selesa itu perlu ada kerana dengan rasa itulah anda bergerak dan terus bergerak ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Satu lagi aspek penting yang mesti dititikberatkan ialah kemampuan anda untuk berkomunikasi dengan baik dan berkesan. Sangat penting untuk mentor anda memahami ke mana hala tuju syarikat anda dan anda pula memahami misi beliau supaya destinasi dan target anda dan mentor akhirnya adalah seiring.

Berkomunikasi bukanlah hanya di antara anda dan mentor anda sahaja. Ia juga melibatkan komunikasi di antara anda, mentor dan pasukan yang lain di dalam organisasi anda mahupun organisasi yang lain. Gabungan kerjasama ini perlulah selari dan sejaraj bagi mencapai hasil yang maksimum.

Pelajar yang hebat adalah pelajar yang taat dan percaya kepada mentornya manakala mentor yang hebat pula ialah seorang mentor yang sabar dan terus jujur memimpin pelajarannya sehingga berjaya.

Kebaikan Hidup Bermentor

Selain daripada mempunyai seseorang yang boleh menasihati kita, memberi pandangan tulus kepada anda, kebaikan mempunyai mentor yang lain termasuklah:

- Anda boleh belajar daripada mereka.
- Anda berpeluang bekerjasama dengan mereka.
- Anda dapat mempromosikan jenama mereka.

Mempunyai mentor bukannya bererti hubungan satu hala sahaja. Tidak semestinya anda '*absorb*' sepanjang masa daripada mereka. Anda juga seharusnya boleh bertukar informasi dengan mentor anda. Pasti ada pengetahuan atau pengalaman anda yang boleh anda kongsi dengan mentor yang mana mungkin menarik hatinya untuk bekerjasama dengan anda di dalam bentuk yang lain pula.

Sembilan Langkah Mengenal Mentor Ideal

Langkah #1

Kenal pasti beberapa orang individu yang anda kagumi. Perhatikan dengan teliti prinsip dan formula kejayaan mereka termasuk gaya hidup, bisnes, personaliti dan sebagainya yang mereka miliki.

Langkah #2

Semak jika mereka mempunyai laman sesawang dan/atau akaun media sosial atau blog. Jika ada, ikuti perkembangan mereka. Perhatikan jika anda menggemari perkara yang mereka gemari. Lihat keserasian cara mereka bekerja dengan cara anda bekerja.

Langkah #3

Perkenalkan diri anda kepada mereka. Maklumkan kepada mereka apa yang anda kagumi dan bagaimana mereka menginspirasi anda. Setiap manusia suka dihargai dan dihormati.

Ambil masa dan bersabar sehingga anda berjaya menarik perhatian mereka, kemudian perlahan-lahan dan secara bijaksana mula zahirkan niat anda secara peribadi.

Langkah #4

Promosikan jenama mereka. Terlibat secara tidak langsung dalam rancangan bisnes dan kehidupan mereka sekadar yang bersesuaian. Selalu hadir dalam mana-mana majlis atau keraian anjuran mentor (pastikan anda mendapat jemputan). Murah hati menawarkan sebarang bantuan yang bersesuaian, dengan niat yang ikhlas kepada mentor jika diperlukan. Satu perhubungan di antara mentor dan mentee itu harus bermula dengan jelas supaya ia dapat berakhir dengan satu kerjasama yang kekal di dalam satu perhubungan yang positif.

Langkah #5

Hormati masa mereka. Sekiranya kita punya kesempatan untuk bercakap dengan beliau secara peribadi, gunakan peluang itu sebaiknya dengan cara yang berfaedah. Tanyalah soalan yang betul-betul berkualiti kerana soalan yang berkualiti membawa kepada jawapan yang berkualiti juga. Ingat, bagaimana anda melontarkan pertanyaan boleh mencerminkan karakter anda. Jangan rosakkan imej anda pada pertemuan yang pertama dengan mentor anda.

Langkah #6

Jadilah pelajar yang terbaik. Tonjolkan karakter dan keperibadian yang positif. Belajar merendahkan diri. Dalam proses mentoring ini, anda harus membuka minda dan hati menerima ilmu dan sebarang teguran atau pandangan baru, dan bersedia untuk berubah. Dengan ini, barulah usaha anda dan mentor membuahkan hasil.

Langkah #7

Satu langkah yang sangat bijak menarik perhatian mentor ialah; menulis mengenai mentor anda di laman sosial anda. Beri sedikit ulasan menarik mengenai topik-topik atau isu yang dibincangkan oleh mereka. Anda juga boleh berkongsi tentang cerita kejayaan mereka sebagai satu inspirasi bukan hanya untuk anda malah rakan-rakan anda yang lain. Jika anda mempunyai blog, tidak ada salahnya menulis mengenai calon-calon mentor anda. Kongsi tips atau formula kejayaan mereka dan terangkan bagaimana formula tersebut berjaya memberi perubahan dalam hidup anda.

Langkah #8

Zahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada mentor anda sama ada secara peribadi mahu pun terbuka. Dengan berterima kasih, anda sebenarnya mendidik jiwa anda untuk sentiasa rasa bersyukur kepada Allah SWT yang telah mengizinkan anda bertemu dengan mentor anda.

Langkah #9

Ulang. Ulanglah kesemua langkah-langkah di atas secara sabar dan istiqamah sehingga ia menjadi satu kesinambungan. Masanya akan sampai apabila anda bertemu dengan mentor yang tepat dan sesuai membimbing anda ke jalan kejayaan

menuju impian anda.

4.2 'ELMU'

'Elmu' adalah kunci kejayaan. Tidak ada apa-apa yang boleh anda lakukan dengan baik dan berjaya tanpa menggunakan ilmu? Apa sahaja yang mahu anda lakukan dalam kehidupan ini memerlukan ilmu pengetahuan supaya anda boleh menghasilkan sesuatu pekerjaan dengan cemerlang. Begitu juga dalam bisnes. Berniaga tanpa ilmu ibarat kereta tanpa petrol. Di sini, saya tidak bermaksud ilmu sebagai ilmu seperti lazimnya, tetapi 'elmu'. Apa beza di antara keduanya? "ELMU" ialah Ilmu + Emosi. Apa kaitannya ilmu dan emosi dan mengapa emosi penting dalam bisnes?

Mengapa Emosi?

Apa juga bentuk produk atau servis yang anda tawarkan, dalam bisnes anda mesti berurusan dengan manusia. Jika anda menjual makanan kucing, anda berurusan dengan tuan kucing, iaitu seorang manusia. Setakat hari ini belum ada lagi sebarang jenis perniagaan yang tidak melibatkan manusia. Manusia mempunyai emosi, satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan. Pendek kata, jika anda kenal emosi manusia atau pelanggan, anda cepat berjaya.

Jika anda berniaga dengan emosi yang gembira, pelanggan pun gembira dan suka berinteraksi dengan anda.

Sebagai contoh, anda menjual *cupcake*. Melangkah masuk sahaja seorang pelanggan ke dalam kedai, anda harus menyambutnya dengan ucapan selamat, bertanya khabar dan terus memberi bantuan kepada pelanggan. Pasti anda

mahu mereka mencuba produk anda, berminat pada produk anda, membelinya dan terus menjadi pelanggan tetap anda. Bukankah begitu yang anda mahukan? Oleh itu, terangkan kepada pelanggan jenis-jenis *cupcakes* yang anda ada. Kongsikan serba sedikit keunikan dan keistimewaan *cupcakes* anda kepada mereka. Lebih baik lagi jika anda memberi pelanggan mencuba *cupcakes* tersebut dengan percuma. Berilah mereka sedikit ruang membuat keputusan tanpa paksaan. Yang paling penting, sentiasa senyum, tidak kira dalam apa keadaan sekalipun.

Sebenarnya, pelanggan tidak membeli daripada anda. Andalah yang perlu terlebih dahulu 'membeli' emosi pelanggan. Jika anda berjaya menangani emosi pelanggan, pasti produk anda berjaya terjual. Tetapi, jika anda gagal terlebih dahulu 'membeli' emosi pelanggan, sedesap manapun *cupcakes* anda, ia tidak membawa apa-apa makna. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa kualiti produk atau servis itu tidak penting. Anda harus faham bahawa kekuatan emosi boleh menjadikan yang buruk itu nampak baik, dan sebaliknya. Jika anda mempunyai ilmu emosi yang betul, ditambah dengan kualiti produk yang terbaik, pastinya pelanggan kekal setia dengan anda.

Seorang ahli perniagaan yang hebat mestilah boleh membaca air muka pelanggan ataupun klien mereka dengan cepat. Ubah persepsi anda sekarang. Betul, kedai anda, bisnes anda, cara anda, tetapi, sedikit tolak ansur pasti membawa lebih keuntungan jangka panjang kepada anda. Orang selalu kata, "*the customer is always right.*" Saya bersetuju dengan prinsip ini tetapi tidak sepenuhnya kerana saya pasti ada situasi yang kita sebagai pemilik syarikat atau bisnes, yang terikat dengan terma atau syarat tertentu yang meletakkan batasan kepada kehendak

pelanggan. Jadi, apa cara untuk mengatasi situasi sebegini? Adakah semua kehendak pelanggan mesti dituruti sehingga menjejaskan syarikat atau bisnes? Tidak. Tujuan berniaga adalah untuk berkongsi nikmat keuntungan secara beramai-ramai.

Dalam situasi yang sebegini, kepakaran menguruskan emosi pelanggan adalah sangat penting. Seorang ahli perniagaan yang hebat mesti bijak memastikan etika atau polisi syarikat tidak dilanggar dan, pada masa yang sama, hati pelanggan juga tidak terguris; ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung pula tidak selera.

Sentiasa sematkan di dalam hati yang tujuan utama kita berniaga, selain untuk mengimarahkan ekonomi setempat dan negara, adalah untuk membantu masyarakat. Mudah-mudahan dengan memberikan servis dan menyediakan produk yang hebat, masyarakat kita dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan berkualiti.

4.3 Sistem

Setiap bisnes yang berjaya pasti mempunyai sistemnya yang tersendiri. Tidak kira sama ada anda baru dalam industri atau sudah lama berniaga tetapi masih belum mempunyai sistem yang berkesan, buatlah sedikit kajian ke atas perniagaan lain yang telah berjaya. Perhatikan sistem yang digunakan oleh mereka dan cuba sesuaikan dengan bisnes anda melalui teknik, *try and adjust*.

Teknik ini bukan sahaja menjimatkan masa malahan dapat mengurangkan risiko kegagalan anda. Sebagai contoh, jika anda mahu membuka sebuah kedai kek, perhatikan sistem

dan konsep yang digunakan oleh jenama Secret Recipe. Walau bagaimanapun, anda tidak semestinya menjadikan jenama yang terkenal sahaja sebagai model perniagaan anda. Jenama-jenama lain seperti King's Confectionery dan Bisou Bake Shop juga mempunyai sistem yang bagus. Apa yang penting ialah model yang anda pilih untuk dijadikan kajian kes mestilah satu model perniagaan yang telah terbukti berjaya.

Antara perkara penting yang wajib anda pelajari dari sistem model perniagaan yang anda pilih ialah *Standard Operating Procedure (SOP)* bisnes mereka. Bagaimana mereka memberikan khidmat layanan pelanggan, menguruskan operasi kedai, menyusun atur kedai, budaya bekerja syarikat dan sebagainya.

Sesungguhnya Allah SWT suka seseorang pekerja yang apabila ia bekerja, ia meningkatkan mutu kerjanya.

– Hadis dari Al-Baihaqi

Saya sendiri sedang mengusahakan berpuluh buah syarikat tetapi saya tidak perlu berada di pejabat setiap hari. Urusan syarikat saya dikendalikan sepenuhnya oleh Pengarah-pengarah syarikat dan para pegawai yang saya percayai dengan diketuai oleh seorang Pengurus Besar. Melalui satu sistem yang tepat dan berkesan, saya dapat memastikan bahawa saya tidak ketinggalan dengan setiap perkembangan syarikat. Sistem yang sama juga membolehkan saya berkomunikasi tanpa had dengan mana-mana organ syarikat pada bila-bila masa. Kehadiran saya di pejabat tidak lagi relevan melainkan apabila diperlukan atau seperti yang dijadualkan. Fleksibiliti masa yang saya ada membolehkan saya lebih fokus kepada perkara yang lebih utama seperti pemasaran dan jualan yang saya percaya

Jika anda mahu menjadi usahawan yang teratas dalam industri anda, bertindaklah dengan pantas, super pantas! Contohnya, anda memiliki sebuah butik dan kebiasaannya perniagaan anda mula beroperasi pada jam 10 pagi. Tukar rutin anda! Buka butik seawal jam 7 pagi. Adakah ada pelanggan yang datang? Mungkin tidak ada orang yang rajin datang ke butik awal pagi seperti itu. Lebih baik mereka ke kedai makan bersarapan pagi. Mengapa pula mereka hendak pergi ke butik anda? Jadi, tanggungjawab anda adalah untuk mencipta sebab. Mungkin anda boleh beri potongan harga runtuh sehingga 70% kepada pelanggan yang datang dari jam 7 hingga 10 pagi. Bermula sahaja jam 10 pagi, harga produk kembali kepada yang asal. Atau anda boleh memilih 10 orang pelanggan yang datang paling awal dan memberi mereka konsultasi percuma tentang pakaian dan personaliti. Berikan juga beberapa lagi barangan secara percuma seperti tudung, set *make-up* atau sebagainya. Paling penting, sediakan sarapan pagi yang ringkas untuk para pelanggan yang datang tadi, pasti mereka sangat gembira.

Ingat, apa pun yang anda usahakan haruslah dibuat secara berterusan. Kadang-kadang apa yang anda usahakan mendapat hasil dalam sekelip mata. Ada kala pula, hasilnya mengambil masa bertahun-tahun. Apa yang penting, anda harus mengambil tindakan yang pantas dan berterusan.

Fast action, fast result. Massive action, massive result.

4.5 Impian

Orang bertanya kepada Rasulullah SAW,
“Amal manakah yang paling dicintai Allah?”

Rasulullah menjawab,

“Amal yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit dan mengikut kemampuan.”

– Imam Al-Bukhari

Kepercayaan biasa orang ramai ialah angan-angan itu tidak ubah seperti bermimpi. Pada mereka, angan-angan hanyalah untuk mereka yang tidak berpijak di bumi yang nyata. Walau bagaimanapun, ramai yang tidak tahu bahawa angan-angan sebenarnya boleh bertukar menjadi kenyataan. Memasang angan-angan atau impian adalah permulaan bagi sesuatu proses kejayaan. Memiliki sebuah impian yang jelas adalah penting kerana dengan impian kita boleh mula bertindak. Impian adalah ibarat destinasi yang dituju manakala tindakan pula ibarat anda sedang memandu kereta. Jika anda tidak pasti ke mana destinasi yang hendak dituju, pastilah anda tidak sampai ke mana- manapun. Jika anda memandu laju sekalipun tetapi anda tidak tahu di mana hendak berhenti, berapa jauh lagi perjalanan anda, berapa banyak lagi petrol yang diperlukan, berapa banyak bekalan makanan yang hendak dibawa dan berapa banyak lagi wang yang perlu dibelanjakan, apakah yang akan terjadi akhirnya? Adakah anda hanya terus memandu, memandu dan terus memandu... Begitulah pentingnya mempunyai impian. Impian yang jelas membantu anda bertindak dengan cepat dan tepat untuk mencapainya. Jadikan impian anda sebagai matlamat hidup anda.

Terdapat 3 cara mudah yang boleh anda praktikkan untuk mencapai impian anda dengan cepat iaitu;

- Ikhlasikan niat melakukan sesuatu perkara.
- Fikirkan kejayaan yang bakal diperolehi hasil daripada usaha yang dilakukan.
- Elakkan berfikir perkara-perkara yang negatif. Ini menjadi batu penghalang besar dalam usaha anda mencapai matlamat hidup.

Cara Menulis Matlamat

*“Aim for the Stars, but if you fall,
you will land on the Moon.”*

Jika anda ingin mempunyai matlamat atau impian di dalam hidup anda, pastikan anda telah menulisnya sebagai panduan untuk anda mengambil tindakan yang sewajarnya. Di sini, saya kongsi beberapa aspek yang perlu diambil kira untuk anda membina matlamat yang jelas;

Karier - Fikirkan impian yang ingin anda capai dalam bidang kerjaya. Apakah tahap tertinggi yang mahu anda capai? Anda ingin menjadi Bos? Memasang angan-angan menjadi bos adalah terlalu umum. Anda hendaklah mengenalpasti jenis jawatan yang anda impikan dengan jelas. Sebagai contoh, jika sebelum ini anda ialah seorang eksekutif, anda boleh meletakkan jawatan Pengurus sebagai sasaran yang harus anda capai.

Kewangan - Berapa banyakkah simpanan wang tunai yang anda inginkan? Berapa banyak pula yang anda perlukan untuk perbelanjaan setahun sekiranya anda tidak bekerja? Bandingkan pendapatan anda hari ini dengan pendapatan anda 10 tahun lagi. Tuliskan dalam angka yang jelas supaya impian anda ini

bukan setakat jelas di mata tetapi juga di minda anda.

Pendidikan - Apakah tahap pendidikan anda sekarang dan di manakah anda mahu berada 10 tahun akan datang? Adakah terdapat sebarang kemahiran atau skil tertentu yang mahu anda kuasai? Bagi memudahkan anda mengenalpasti impian anda dalam aspek ini, cuba bayangkan siapakah yang anda ingin jadi dalam tempoh 10 tahun dari sekarang? Jika anda melihat diri anda sebagai seorang ahli korporat yang berjaya dan tersohor di seluruh Asia, apakah ilmu, skil dan kemahiran yang anda harus ada? Sebagai contoh, anda mestilah mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan Mandarin, mempunyai kepakaran dalam aspek jualan dan pemasaran, kemahiran *public speaking*, berkarisma serta mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi. Inilah di antara skil dan kemahiran utama yang harus anda kuasai.

Keluarga - Apakah status anda sekarang dan apa pula status keluarga anda dalam masa 10 tahun akan datang? Jika anda sudah berkeluarga, berapa ramai cahaya mata yang anda mahukan dalam keluarga anda? Bayangkan, bagaimana anda mahu anak-anak anda membesar. Apakah pula sumbangan anda kepada keluarga anda? Bayangkan, apa yang ingin anda hadiahkan kepada kedua-dua ibu bapa anda. Ibu bapa, anak-anak, pasangan dan seluruh ahli keluarga yang lain adalah entiti yang sangat dekat di hati kita. Membahagiakan mereka mestilah menjadi keutamaan anda kerana kebahagiaan mereka adalah kebahagiaan anda dan merupakan dorongan yang paling kuat untuk anda mencapai kejayaan.

Sikap - Cermin diri anda hari ini dan kenalpasti apakah perubahan yang harus anda lakukan supaya anda menjadi orang yang lebih berkualiti. Jika selama ini anda susah bangun pagi, berusaha mengubah tabiat tersebut. Kenalpasti apakah sikap dan karakter yang harus anda bina untuk mencapai kejayaan. Pemurah dan ringan tulang juga merupakan satu sikap positif yang dimiliki oleh orang yang telah berjaya. Tetapkan satu sasaran apakah jenis bantuan yang anda ingin berikan untuk masa hadapan. Dengan kekuatan kewangan yang anda ada, anda boleh terlibat dengan mana-mana badan sosial dan kebajikan yang anda minati seperti Aman Palestin dan Islamic Relief Malaysia.

Fizikal - Adakah anda mempunyai sebarang matlamat fizikal yang anda inginkan? Contoh matlamat fizikal ialah berat dan bentuk badan yang ideal, atau tahap kesihatan yang lebih baik. Jika pada waktu ini tahap kesihatan anda kurang baik, sasarkan apa yang harus anda lakukan untuk mendapat gaya hidup yang lebih sihat. Mempunyai personaliti yang menarik dan bersesuaian dengan kerjaya anda juga merupakan salah satu antara perubahan fizikal yang boleh anda sasarkan.

Kegembiraan - Apakah perkara yang sangat anda inginkan yang boleh menggembirakan anda seperti membeli kereta mewah dan rumah idaman anda, menunaikan umrah dan haji serta melancong ke seluruh dunia. Perincikan impian anda.

Kebajikan - Kebajikan ialah salah satu daripada aspek penting yang mesti anda sasarkan di masa hadapan. Jika hari ini anda banyak menerima daripada memberi, sematkan di dalam hati untuk mengubah senario tersebut. Jika kebiasaannya pula anda selalu bersedekah dalam jumlah yang kecil, pasang impian

Setelah anda bersedia, buka mata dan teruskan menulis 10 matlamat utama anda pada halaman di bawah ini:

10 Matlamat Hidup Saya

1.
.....
.....
.....

2.
.....
.....
.....

3.
.....
.....
.....

4.
.....
.....
.....

5.
.....
.....
.....

6.
.....
.....
.....

7.
.....
.....
.....

8.
.....
.....
.....

9.
.....
.....
.....

10.
.....
.....
.....

Baca kembali satu persatu matlamat anda. Sekiranya ia masih kabur, perjelaskan dengan lebih terperinci.

Pejamkan mata anda sekali lagi dan gambarkan setiap matlamat itu di dalam fikiran anda. Sekiranya impian anda ialah memiliki sebuah rumah banglo, tutup mata dan gambarkan rumah banglo tersebut di dalam minda anda. Anda mesti bayangkan setiap perincian banglo tersebut seperti jendela, halaman rumah, ruang-ruang bilik di dalamnya, garaj kereta dan sebagainya.

Bayangkan Matlamat Itu

Jika matlamat anda ialah mendapatkan bentuk badan yang ideal, bayangkan pakaian yang anda pakai. Bayangkan dengan jelas rekaan pakaian tersebut, saiz dan warnanya. Lihat diri anda dalam pakaian itu seolah-olah anda sudah berjaya mencapai berat badan ideal anda.

Jika matlamat anda ingin mengendalikan berpuluh syarikat, bayangkan diri anda menghadiri mesyuarat pemegang saham dan anda menaiki kereta yang dipandu oleh pemandu peribadi anda. Anda sedang duduk di dalam ruang pejabat yang indah dan selesa serta mempunyai ramai pekerja. Bayangkan sejelajelasnya.

Sesudah itu, bayangkan pula bahawa anda sudah mencapai kejayaan peribadi yang anda impikan. Anda sekarang seorang yang telah berjaya. Keluarga anda juga semuanya berjaya. Anda memiliki perniagaan dan kejayaan yang luar biasa. Kewangan anda luar biasa. Anda mempunyai pendidikan yang tinggi dan sebagainya. Semua matlamat yang telah anda tulis tadi telah tercapai. Cubalah anda bayangkan.

Bayangan ini perlu benar-benar jelas, seperti sudah terjadi. Anda dapat melihat wajah anda dengan jelas dalam bayangan ini. Anda dapat melihat diri anda yang berjaya dengan pancaran auranya yang hebat.

Anda merasa sangat gembira pada saat ini kerana semua impian anda sudah tercapai. Anda telah dapat membantu lebih ramai manusia. Anda dapat memberi dan menyumbang lebih banyak kepada masyarakat. Anda gembira dan sangat bersyukur kerana semuanya menjadi kenyataan.

Jika anda boleh merasa persekitaran yang menyokong gambaran anda, itu lebih baik. Anda dapat melihat dengan jelas diri anda dan kejayaan di sekeliling anda.

Beritahu kepada diri anda, bahawa anda tidak mempunyai apa-apa halangan lagi dan anda boleh mencapai semua impian anda sekarang. Buka mata dan baca sekali lagi matlamat-matlamat tadi. Inilah matlamat yang bakal anda capai dalam tempoh masa yang telah anda tetapkan.

Anda sudah tidak ada apa-apa halangan dan tidak ada lagi perkara-perkara yang mungkin menarik anda ke belakang. Anda telah memprogramkan diri anda dan anda telah nampak diri anda berjaya di masa hadapan.

Secara ringkas, formula kejayaan M.E.S.T.I adalah pertama, mencari Mentor dalam industri; kedua, belajar Ilmu untuk menguruskan emosi manusia; ketiga, membina Sistem bisnes berdasarkan sistem yang sudah berjaya; keempat, mengambil Tindakan dengan serta merta – *fast action fast result* dan yang terakhir adalah mempunyai Impian yang jelas.

Kebanyakan ‘anak murid’ saya yang sudah berjaya seringkali mempromosikan formula M.E.S.T.I di mana sahaja mereka berada. Mereka telah membuktikan bahawa M.E.S.T.I mampu membawa perubahan luar biasa hebat ke dalam hidup mereka.

Allah Azza Wajalla tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan atas apa yang diusahakannya dan, ia juga menanggung dosa atas kejahatan yang diusahakannya.

– Surah Al-Baqarah, ayat 286

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB LIMA

5

Magnet Kehidupan

Terdapat 4 jenis magnet kehidupan yang sering saya sebut berulang kali di dalam semua seminar saya iaitu: -

- Pemikiran;
- Perasaan;
- Komunikasi; dan
- Tindakan.

Jika anda berjaya mengubah serta mengawal 4 jenis magnet tersebut, maka anda memperolehi perubahan yang sangat luarbiasa di dalam keseluruhan kehidupan anda.

5.1 Pemikiran

Kebanyakan orang yang saya jumpa masih mempunyai pemikiran yang cetek, sempit dan miskin. Adakah anda biasa mendengar dialog-dialog seperti ini “...dah bukan rezeki saya?” atau “...sudah takdir saya?”. Atau “...saya hanya layak untuk kehidupan yang serba sederhana ini sahaja?” dan “...saya memang malang hari ini?”

Apabila saya mendengar dialog seperti ini, saya pasti bertanya, “Bagaimanakah anda mengetahui bahawa itu takdir anda?” Pernahkah anda melihat buku takdir anda serta mengetahui segala perinciannya? Sebenarnya, cara pemikiran

ini adalah merupakan satu cara berfikir yang tidak sihat. Jikalau anda sedang menjalani kehidupan yang sempit dan serba kekurangan, bergaji kecil, dan seolah-olah 'pasrah' dengan takdir, anda ibarat menyalahkan Pencipta anda. Di dalam Al-Quran ada menyatakan bahawa Allah Azza Wajalla tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang mahu mengubah nasib mereka sendiri (Surah Ar-Raad, ayat 11, Al-Quranul Kareem). Oleh itu, anda perlu berusaha mengubah nasib anda menjadi berjaya, dengan pertolonganNya.

Manusia diizinkan olehNya lahir ke dunia ini sebagai juara dan bukan untuk gagal dan kemudian menyalahkan takdir. Anda juga tidak dilahirkan dengan sia-sia tetapi sebaliknya adalah untuk mengimarahkan dunia ini. Setiap seorang daripada kita mempunyai potensi yang berbeza-beza di atas dunia dengan peranan yang tersendiri. Jadi apakah peranan anda dalam kehidupan ini? Siapakah yang patut menentukan hala tuju hidup anda jika bukan anda sendiri. Percayalah, walaupun anda berusaha membawa diri anda ke peringkat yang lebih tinggi, pasti akan ada yang memilih untuk tinggal di belakang. Jika anda menjadi bos, masih ada orang yang menjadi pekerja kerana pengalaman dan proses kehidupan setiap seorang daripada kita adalah berbeza. Saya ingin mengajukan satu soalan. Jika kita semua berniaga, adakah pelanggan kita berkurangan? Jawabnya tidak! Jika seluruh dunia ini berniaga sekalipun, masih tetap ada orang yang membeli dari anda. Pelanggan dan pembeli tidak mungkin berkurangan.

Saya seringkali mendengar orang yang menyatakan bahawa, *"Gaji saya RM3,000 sebulan dan sudah 20 tahun saya hidup begini tetapi saya selesa dan sangat bersyukur kerana ramai orang lain yang lebih bernasib malang daripada saya."* Adakah kenyataan

ini bermaksud orang yang bergaji besar itu tidak bersyukur? Adakah kerana mempunyai matlamat dan impian mengesap lebih banyak kejayaan dan kekayaan maka seseorang itu dilabel sebagai 'tidak pernah merasa cukup'?

Perhatikan dunia hari ini. Peperangan berlaku di sana sini di mana, yang kuat menindas yang lemah. Rata-rata orang yang lemah dan tertindas itu adalah mereka yang seagama dan sebangsa dengan kita. Apakah yang harus kita lakukan untuk membantu mereka? Sebagai seorang yang sangat bersyukur, apa yang boleh anda lakukan untuk membantu mereka yang sangat lemah ini? Jikalau anda ingin menyumbangkan wang sekalipun, pendapatan bulanan anda sendiri pun hanya cukup menampung diri sendiri sahaja. Anda ingin menyumbangkan doa anda? Cukupkah setakat anda berdoa sahaja?

Doa, walaupun adalah senjata bagi umat Islam tetapi, adakah dengan segala kelebihan dan keistimewaan yang diberikan kepada anda olehNya, cukupkah sekadar anda hanya berperanan sebagai penyumbang doa semata-mata? Bukankah anda dilahirkan sebagai seorang juara dan anda juga harus mati sebagai seorang juara. Seorang juara tidak hanya mampu tunduk dan pasrah tanpa berusaha. Kaum kita lemah kerana ekonomi kita pincang. Kita juga lemah kerana kita tidak berilmu. Beritahu saya, bukannya berniaga itu satu tuntutan agama? Beritahu saya bukannya pemasaran dan Islam itu berjalan seiring?

Saya mahu anda faham, bahawa untuk mengubah kehidupan anda perkara pertama yang harus anda ubah ialah cara anda berfikir. Buanglah semua kepercayaan yang karut tentang kekayaan dan kejayaan. Fokuskan minda anda mencapai

satu sasaran dalam kerjaya dan kehidupan anda. Tidak ada salahnya untuk anda mempunyai jutaan mahupun berbilion angka dalam angan-angan anda kerana angan-angan itu tidak sama sekali membuatkan anda jauh daripada syurga.

Kemiskinan atau kekayaan bukan penentu untuk hari akhir kita. Janji Allah adalah, hanya taqwa yang membezakan darjat kita semua di sisiNya. Oleh itu, tiada salahnya jika kita menjadi kaya, berjaya dan bertaqwa. Adakah kekayaan menyebabkan kita hilang rasa takut pada Allah? Tidak sama sekali! Sebenarnya, apa yang mendekatkan kita denganNya adalah amalan kita. Pilihannya terletak di tangan kita sendiri. Jika kita memilih menjadikan kekayaan dan kejayaan sebagai jambatan untuk kita mendekatiNya, maka beruntunglah kita.

Wahai orang-orang yang beriman. Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kau tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya, sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa...

– Surah Al-Hujaraat, ayat 12

Satu perkara lagi yang sangat penting saya tekankan di sini ialah jangan sesekali menyempitkan pemikiran anda kepada “*Saya hanya layak memandu kereta kecil sahaja*” atau “*Kami sekeluarga memang miskin sejak dahulu lagi.*” Jika ini adalah apa yang anda percaya dan fikirkan, maka itulah yang terjadi kepada anda dalam realitinya. Apa yang kita fikirkan dan apa yang kita percaya juga merupakan satu bentuk doa. Allah SWT itu mengikut sangkaan hambaNya. Bersangka baiklah kepadaNya. Ini bermakna bukan salah sesiapa jika hidup anda tidak berubah kerana itu adalah apa yang anda fikir, percaya dan doa selama ini. Hidup ini penuh dengan ujian dan pilihan. Anda dilahirkan

sebagai satu ciptaan yang paling sempurna dan terhebat tetapi anda memilih menjalani kehidupan anda sebagai seorang yang gagal. Anda memilih duduk di bawah walaupun sebenarnya anda dicipta sebagai kaum yang sepatutnya berada di atas. Anda pilih untuk hidup ditindas walaupun sebenarnya anda dilahirkan sebagai johan.

Anda sebenarnya tidak yakin bahawa Tuhan itu Maha Kaya. Anda tidak yakin yang Dia Maha Berkuasa dan Maha Mengasihani. Sebab itu anda tidak ambil tindakan mengubah hidup anda. Anda lebih rela menuding jari pada kerajaan, kepada masyarakat, kepada takdir daripada tunduk mengakui kesilapan diri anda sendiri. Bukannya perlu wang berjuta untuk anda mengakui kesilapan anda dan mula bertindak. Anda hanya perlu mengubah perkara yang paling rapat dalam diri anda sendiri iaitu cara anda berfikir. Oleh itu, sematkan dalam hati yang anda boleh berjaya. Percaya dan yakin bahawa anda harus hidup untuk kaya dan berjaya supaya anda boleh berbakti kepada diri, keluarga, bangsa dan agama anda.

Kekayaan hanya datang apabila anda mempunyai minda yang kaya. Apabila minda anda kaya, hati anda juga kaya. Begitu juga dengan pertuturan dan tindakan anda. Apabila minda, hati, pertuturan dan tindakan seseorang itu adalah selari dengan yang satu maka dia tidak akan tersasar. Marilah kita menjadi orang kaya yang berjaya. Berjaya bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat nanti.

Think Big – Berfikiran Besar

“I like thinking Big. If you’re going to be thinking anything, you might as well Think Big.”

– Donald Trump

Apakah yang dimaksudkan dengan berfikiran besar? Jika anda mempunyai pemikiran yang hebat, servis yang bagus, idea yang boleh dibangunkan atau potensi diri yang tersendiri, anda sebenarnya bukan sahaja bertanggungjawab kepada diri anda sendiri malah anda juga bertanggungjawab kepada masyarakat untuk memastikan semua idea, servis, produk dan kepakaran anda tadi boleh disebar. Orang yang berfikiran besar memastikan kepakaran mereka digunakan sepenuhnya ke peringkat yang lebih tinggi atau global.

Orang yang berfikiran besar, mestilah memiliki karakter seperti berikut:

Visi - Anda mesti mempunyai matlamat yang jelas ke mana destinasi yang hendak anda tuju. Apabila anda berani untuk mempunyai matlamat atau visi, anda juga mesti berani meletakkan sasaran yang besar. Anda harus mampu melihat diri anda mencapai matlamat dan visi tersebut. Impian bukan hanya sekadar untuk diangan-angankan, tetapi adalah untuk dijadikan satu kenyataan.

Keberanian - Aspek ini merupakan satu kelemahan kepada ramai orang. Anda boleh memasang impian, anda boleh berangan-angan tetapi anda lebih suka untuk terus bermimpi kerana mimpi itu selalunya indah dan kenyataan pula selalunya sangat pedih dan mengecewakan. Orang yang berani berfikiran besar, bukan setakat berani memasang impian tetapi

juga berani mengambil tindakan serta menghadapi sebarang kemungkinan. Orang yang berfikiran besar juga tidak pernah takut mengambil risiko sebaliknya risiko menjadi satu motivasi dan kayu ukur mereka mencapai kejayaan.

Anda sebenarnya mampu mencapai apa sahaja yang anda inginkan. Mulalah berfikiran besar, buat pilihan terbaik anda dan berikan komitmen. Hukum alam ini sangat mudah. Jika anda mahukan sesuatu, fokus dan terus berusaha, 'kehidupan' pasti tidak mengecewakan anda. Lebih banyak yang anda minta, lebih kuat anda perlu fokus dan berusaha, maka banyaklah pula hasil yang anda perolehi. Janganlah anda berfikiran kecil, sempit dan cukup dengan sedikit. Bersyukurlah dan berusaha dengan sabar serta berfikiran besar untuk menjadi orang yang berjaya.

'Kehidupan' ini punya lebih dari cukup untuk semua orang di dalam dunia ini. Jauhkan diri anda daripada berfikiran sempit dengan kata-kata seperti, "*...kalau semua orang hendak kaya, siapa pula yang hendak menjadi orang miskin? dan dalam dunia ini mesti ada orang kaya dan orang miskin. Jadi, biarlah saya yang menjadi orang miskin itu...*" Walaupun ramai orang kata wang ringgit, harta dan kuasa adalah punca dunia bergolak hari ini, tetapi, dengan menjadi miskin, tiada berwang dan kuasa juga tidak menjadikan dunia lebih aman. Dengan kekayaan dan kejayaan yang anda miliki, jika anda berjaya, anda punya pilihan yang banyak untuk membantu dan menyumbang kepada masyarakat.

Rasulullah SAW bersabda,

“Orang yang cerdas ialah orang yang selalu memperhitungkan dirinya dan ia suka beramal untuk bekalan sesudah mati, sedangkan orang yang lemah (tidak cerdas) ialah orang yang selalu mengikut hawa nafsunya dan hanya banyak berangan-angan kepada Allah SWT (untuk mendapat kebahagiaan dan pengampunan daripadaNya tanpa ia beramal soleh.)”

– At-Tirmizi

Menerusi matlamat yang besar, minda kaya anda mampu mempunyai arah yang mahu ia fokus dan tuju. Sifat suka berfikiran besar ini membantu anda menjadi lebih kreatif bagi mencapai sesuatu yang luar biasa dan di luar jangkauan anda. Sebagai contoh, minda kaya anda mengimpikan untuk memandu sebuah kereta Ferrari. Impian ini mungkin sangat besar dan mustahil pada asalnya, tetapi dengan keyakinan dan keberanian yang bersungguh-sungguh untuk bertindak dan terus berusaha, sebuah Ferrari pasti bukan lagi sekadar hanya dalam mimpi anda sahaja. Lebih kuat anda berusaha menuju ke destinasi anda, semakin hampir anda dengan impian dan matlamat anda. Jika sekalipun sebuah Ferrari tidak dapat direalisasikan, sekurang-kurangnya pasti dapat memandu sebuah BMW, Mercedes Benz atau lain-lain kereta yang seumpamanya. Walaupun tidak mendapat apa yang dicita-citakan, sudah pasti hasilnya adalah lebih baik daripada apa yang sedang anda nikmati sekarang ini. Apa yang harus anda lakukan seterusnya, adalah adjust dan terus berusaha sehingga anda akhirnya berjaya mencapai impian anda yang sebenar.

Mulalah BERFIKIRAN BESAR dari sekarang! Minda yang berfikiran besar menetapkan matlamat setinggi bintang di langit, sehinggakan walau di mana sekalipun anda berada di

dunia ini, anda tetap dapat melihat impian anda.

5.2 Perasaan Emosi

Minda anda sering tersekat dengan, *“Ala susah....”* Fikiran anda pula disertai dengan emosi, *“Asyik susah sahaja...”* Bicara anda berbunyi, *“Aku susah...”* Status Facebook anda pula, *“Aku susah...”* dan semua ini berkali-kali diulang dalam sehari. Beritahu saya apa akan terjadi dengan hidup anda jika anda terus berperasaan sedemikian? Jika anda gagal dalam hidup, siapa yang patut disalahkan? Saya tahu, di sekeliling anda hari ini ada banyak perkara negatif yang sedang menarik anda ke bawah dan tidak banyak yang boleh anda lakukan untuk mengubah semua itu. Tetapi, adakah adil untuk anda hanya menerima dan membiarkan sahaja persekitaran anda menentukan kehidupan anda sehari-hari?

Anda sememangnya tidak boleh mengubah apa yang berlaku di sekeliling anda tetapi anda sangat mampu mengubah apa yang datang dari dalam diri anda sendiri. Sebab itu, apa yang anda fikir, apa yang anda rasa, apa yang anda cakap dan apa yang anda lakukan adalah sangat penting. Setiap apa yang anda fikir, rasa, cakap dan lakukan adalah merupakan satu doa. Jika positif, apa yang anda fikir dan cakap, maka positiflah juga hasil yang anda dapat. Jika baik tingkah laku dan perbuatan anda, maka baiklah juga hasil yang anda terima.

Rasulullah SAW bersabda,

“Tidak akan lurus keimanan seorang hamba, sehingga lurus hatinya dan tidak akan lurus hatinya, sehingga lurus lidahnya.”

– Imam Ahmad

Orang yang berjaya tidak mengeluh. Percayalah, sesiapa yang suka memulakan harinya dengan keluhan pasti memusnahkan seluruh harinya itu kerana apa yang anda rasa dan katakan adalah doa. Jika yang diminta susah, memang susahlah yang menjelma nanti.

Apabila setiap hari anda mengulangi perkara yang sama, lama-kelamaan minda anda mula 'percaya' bahawa apa yang anda ulangi itu adalah benar. Jika hari-hari anda mengeluh tentang kemiskinan, minda anda 'terima' dengan sangat pantas bahawa anda memang miskin. Apabila minda anda telah menerima dan percaya bahawa anda ialah seorang yang miskin, selamanya anda hidup dalam kemiskinan. Walau anda bekerja 25 jam sehari sekalipun, anda tetap kekal miskin. Oleh itu, untuk mengubah hidup anda, anda perlu pertama sekali mengubah apa yang anda percaya. Untuk mengubah apa yang anda percaya, anda perlu mengubah apa yang anda rasa, dan untuk mengubah apa yang anda rasa, anda perlu memulakan hari anda untuk berbicara dengan kata-kata yang baik.

Ramai orang cepat menuding jari serta menyalahkan orang lain apabila menempuh kegagalan. Mereka merungut dan mengeluh bahawa mereka ditipu dan diperdaya oleh orang lain dan mereka bernasib malang. Sebenarnya, mereka tidak sedar bahawa mereka sedang menipu diri mereka sendiri. Mereka sibuk menyalahkan orang lain mensabotaj mereka walhal mereka lupa bahawa yang sebenarnya merekalah yang sedang mensabotaj hidup mereka sendiri. Perasaan kecewa, sedih, benci, marah, perit, terluka dan sebagainya adalah racun dalam minda anda. Adakah anda harus terus melayan semua perasaan ini? Bagaimanakah harus anda menanganinya?

Pusingan hidup ini adalah sama dengan kitaran alam semulajadi. Ada hari yang panas dan ada hari mendung. Ada hari tengkujuh dan ada hari kemaraunya. Begitu juga dengan hidup kita. Hari ini anda mungkin menangis, esok mungkin anda ketawa. Jadi, anda mestilah pandai memilih di mana hendak meletakkan fokus anda. Jika anda sedang sakit sekalipun, janganlah fokus kepada kesakitan itu. Walau apapun, setiap kejadian itu telah ditentukan oleh Tuhan dan pasti ada hikmahnya. Jika anda sakit, lakukan apa sahaja untuk memperbaiki tahap kesihatan anda. Tetapi, ubah fokus anda daripada bersedih meratapi kesakitan anda kepada sesuatu yang lebih positif. Sebagai contoh, bersyukurlah dengan nikmat sakit itu kerana sekurang-kurangnya, ia akan dapat merapatkan lagi hubungan anda dengan yang Maha Pencipta. Dia menjadikan kesakitan tersebut sebagai satu ujian untuk mendidik anda tentang nikmat memiliki kesihatan yang mungkin selama ini anda telah lalaikan. Kesakitan itu juga, sebenarnya mendidik jiwa kita yang 'keras' supaya menjadi lebih lembut, bertimbang rasa dan lebih memahami. Malah, bagi sesetengah orang, kesakitan memberi ruang untuk mereka berehat dari kesibukan duniawi dan mula menimbang-nibangkan persediaan menuju ke alam yang lebih kekal nanti.

Lazimkan diri anda untuk fokus kepada kegembiraan dan kebahagiaan yang anda mahukan. Lihat sekeliling anda serta nikmati setiap kurniaanNya. Seseungguhnya, kehidupan adalah satu nikmat yang wajib kita syukuri dan berterima kasih. Sebab itu, anda punya banyak sebab untuk bangun setiap pagi dan bergembira kerana anda masih punya satu lagi hari untuk membuat yang terbaik dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, ramai antara kita hari ini masih memulakan hari dengan keluhan dan bukan kesyukuran. Percaya atau tidak,

jika seawal pagi lagi emosi negatif yang anda lepaskan, maka emosi negatif juga yang anda tarik semula dalam kehidupan anda di sepanjang hari tersebut.

Sebaliknya, apabila anda bergembira, emosi positif anda menarik lebih banyak perkara positif ke dalam kehidupan anda. Apabila anda bersyukur dengan kehadiran hari yang baru, anda mula melihat banyak perkara positif dalam kehidupan anda. Anda sedar bahawa anda diberi peluang hidup satu hari lagi dan mungkin hari ini adalah hari terakhir anda, lalu anda mempunyai banyak sebab meraikan hari ini serta menjalani hidup dengan perasaan syukur dan positif.

5.3 Komunikasi

Mengapa seringkali di dalam seminar saya, saya meminta para peserta bercakap kepada orang sebelah, "*Saya kaya dan berjaya.*" Untuk berjaya seseorang perlu pandai berkomunikasi secara berkesan. Sebenarnya ianya sangat mudah. Semudah memulakannya dengan percakapan harian kita. Seperti yang saya jelaskan sebelum ini, percakapan kita juga adalah merupakan satu doa. Anda hanya perlu berbicara dengan bahasa positif hari-hari. Kata-kata positif yang keluar dari mulut anda bukan hanya didengar oleh manusia malah seluruh alam mendengarnya dan turut mendoakan untuk anda sekali.

Likes Attract Likes

Pada saya, pepatah 'Enggang dengan enggang, pipit dengan pipit' adalah betul. Pada hakikatnya, bukan manusia yang mengasing-asingkan siapa 'enggang' dan siapa 'pipit' tetapi proses kehidupan inilah yang meletakkan di mana kita sepatutnya berada. Oleh sebab itu, orang berjaya biasanya tertarik dengan orang yang berjaya manakala orang yang gagal

pula berkawan dengan orang yang gagal juga.

Apa yang membuat kita tertarik kepada seseorang sangat bergantung dengan cara kita berkomunikasi. Kita hanya mudah bercakap atau berkomunikasi dengan orang yang mempunyai gaya bahasa yang sama dengan kita juga. Di dalam hal ini, orang positif hanya bercakap dengan orang yang positif sahaja. Jadi, jika kita ingin menarik orang-orang yang berkualiti ke dalam hidup kita, kita terlebih dahulu mesti menampilkan gaya bahasa dan tutur kata yang positif. Sebagai contoh, jika anda mahukan seorang pasangan yang memahami dan penyayang, anda terlebih dahulu harus menjadi seorang individu yang memahami dan penyayang. Di dalam konteks yang sama, untuk mendidik anak menjadi anak yang hebat, kita terlebih dahulu mesti menjadi ibu bapa yang lebih hebat.

Begitu juga di dalam bisnes. Untuk membina bisnes yang berjaya, semak dahulu diri anda sebagai tuan punya dan pengelola bisnes tersebut. Perhatikanlah apa gaya bahasa yang anda gunakan, serta apa yang ada dalam fikiran anda. Adakah anda seorang yang berfikiran positif dan selalu menghargai serta mensyukuri kehidupan anda sendiri? Adakah anda suka memuji atau selalu mengeji dan adakah anda seorang yang cepat percaya atau mudah kecewa? Semua inilah yang menentukan masa depan bisnes anda. Ini adalah kerana diri anda adalah modal paling penting dan utama di dalam apa jua perniagaan anda.

Jika kekayaan yang ingin anda tarik, anda sendiri perlu meletakkan faktor kekayaan itu ke dalam minda anda kerana semuanya bermula dari dalam minda anda. Jika anda percaya anda kaya, maka kayalah anda. Sebaliknya, jika anda tanamkan

dalam minda anda tentang kemiskinan, anda memang tetap jadi miskin. Maka, jika anda berkata, “...*aku kaya dan berjaya...*” apakah tarikan signal yang diterima oleh minda anda? Pada hakikatnya, minda anda menerima signal yang mengatakan bahawa anda ialah seorang yang kaya dan berjaya. Sekalipun jika anda belum lagi betul-betul kaya dan berjaya, sekurang-kurangnya minda anda telah mempunyai kepercayaan yang baru iaitu anda sekarang ialah seorang yang kaya dan berjaya. Untuk menjadikan signal itu satu kenyataan anda perlu hanya bertindak dan fokus kepada matlamat anda – AKU KAYA DAN BERJAYA.

Cuba perhatikan, ada atau tidak rakan sejawat anda di pejabat yang selalu mendapat pujian ketua atau orang ramai dan siapa pula yang selalu menjadi punca kemarahan ramai. Bagaimanakah pencapaian kerja masing-masing? Semuanya kembali semula kepada bagaimana kita mendidik minda kita dengan apa yang kita cakap, apa yang kita rasa, apa yang kita fikir dan apa yang kita lakukan.

Prinsip ini menjelaskan mengapa ramai antara kita yang bekerja siang malam, 24 jam seminggu tetapi masih hidup seperti kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Anda kuat bekerja, anda rajin berusaha tetapi dalam hati anda masih lagi berbisik, “...*dah nasib aku macam ni, memang malang. Kerja penat, jadi kuli je...*” Siapa sebenarnya yang memilih takdir hidup anda sekarang?

5.4 Tindakan

“Nothing happens in this world until YOU take action. All power is from within and therefore under our control. You must step up and take action for anything in order to Change.”

– T Shea Ellison

Dunia memberi tindak balas terhadap apa yang anda niat atau fikirkan. Ia juga akan bertindak balas kepada setiap tindakan yang anda lakukan. Peliknya ramai manusia meluangkan banyak masa membuat kajian, menganalisa, merancang dan menyusun gerak kerja tetapi tidak mengambil apa-apa tindakan. Apabila anda bertindak, anda sebenarnya menggerakkan semua emosi untuk menarik impian anda supaya menjadi semakin hampir kepada anda. Hanya dengan bertindak, anda boleh membuktikan kepada semua orang yang impian anda bukan lagi satu angan-angan sebaliknya ia akan menjadi kenyataan. Tiada siapa yang boleh meremehkan impian anda lagi, malah mereka yang dahulunya tidak percaya dengan mimpi anda mungkin kini sudah memasang mimpi yang sama. Semakin ramai pula yang mula mendekati anda kerana kini mereka sedar akan kesungguhan dan keberanian anda. Sesuatu tindakan itu sebenarnya bukan hanya berlaku untuk anda tetapi juga boleh menjadi pendorong kepada ramai orang di sekeliling anda.

Apa yang anda fikir, tahu atau apa yang anda percaya menjadi sia-sia jika tidak disusuli dengan tindakan. Hanya dengan melalui sesuatu tindakan, anda mempelajari apa yang tidak dapat anda baca daripada mana-mana buku atau pelajari di mana-mana dewan kuliah. Tindakan menterjemahkan impian yang selama ini anda simpan dalam minda dan hati anda. Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah yang pertama di mana, langkah yang pertama itu ialah satu tindakan. Selepas

langkah yang awal anda harus melakukan siri *adjusting* yang menjadi kayu ukur secepat mana atau sebesar mana anda mencapai impian anda. Fokus yang jelas, sistem minda yang teratur dan tindakan yang konsisten dan bersungguh-sungguh pasti membuahkan hasil yang terbaik.

“What we think or what we know or what we believe is, in the end, of little consequence. The only consequence is

WHAT WE DO.”

– John Ruskin

Dalam perjalanan menggapai bintang atau cita-cita yang tinggi, pasti ada banyak rintangan dan jatuh bangunnya. Hanya selepas anda benar-benar melaluinya sendiri, anda sedar bahawa perkara yang dahulunya sukar, menjadi lebih mudah dan perkara yang dulunya sangat mustahil, sudah menjadi mungkin. Lebih banyak anda bertindak, lebih banyak juga anda lakukan perkara-perkara yang positif maka, lebih banyaklah perkara-perkara baik yang muncul dalam hidup anda.

Talk is Cheap - Cakap-Cakap itu Murah

Ramai orang boleh atau pandai bercakap, tetapi tidak ramai yang boleh bercakap dan bertindak. Orang yang berjaya ialah orang yang *walk the talk* serta mempunyai sistem minda yang teratur. Setiap apa yang difikirkannya, apa yang dirasainya dan apa yang keluar daripada mulutnya adalah selari serta disusuli dengan tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, orang yang paling berjaya antara mereka ialah orang yang apabila mereka bertindak, mereka bertindak dengan pantas. Oleh itu, lebih cepat anda bertindak, lebih cepat anda belajar untuk memperbaiki usaha anda, dan lebih cepat anda belajar, lebih cepat anda mendapat hasilnya.

Suka saya memetik hukum graviti Newton yang pertama iaitu, *“A body in motion remains in motion unless it is acted on by an external force. A body at rest, remains at rest.”* Seperti yang saya jelaskan sebelum ini, betapa pentingnya anda mempunyai fikiran yang besar. Berfikiran besar mendorong seseorang itu berani mempunyai matlamat yang besar. Namun, semua ini hanya kekal dalam minda sebagai satu mimpi dan hanya menjadi realiti apabila tindakan diambil. Bertindakialah perkara yang paling sukar dilakukan oleh ramai orang kerana, inilah masanya untuk berdepan dengan realiti sebenar perjalanan mencapai impian anda dan ramai orang takut menghadapi realiti ini. Sebenarnya, ia tidaklah sukar sangat.

Anda hanya perlu mulakan dengan satu tindakan yang paling kecil dan mudah. Apabila anda telah mula, teruskan dan jangan sesekali berhenti. Lakukannya secara perlahan-lahan dahulu secara berterusan, sehingga tindakan anda itu menjadi satu momentum dan anda sendiri tanpa anda sedari, bahawa anda telah menambah kelajuan anda dengan sendirinya.

Belajar untuk mengambil tindakan ini adalah sama seperti anda sedang belajar memandu kereta. Mula-mula, anda berasa takut dan teragak-agak. Anda dapati agak sukar anda mengawal kereta dan dalam masa yang sama anda harus mematuhi pelbagai peraturan jalan raya. Tetapi, lama-kelamaan anda semakin mahir dengan selok-belok jalan raya dan tanpa sedar anda sudah memandu dengan yakin dan sampai ke destinasi anda dengan selamat. Begitulah juga prosesnya dalam mencapai impian anda. Anda hanya harus bertindak dan bersabar kerana di sepanjang perjalanan itu pasti ada halangan dan dugaan. Anda tidak seharusnya berhenti berusaha. Anda hanya perlu terus berusaha dan belajar memperbaiki serta menukar strategi

perniagaan anda, jika perlu, sehingga anda sendiri tidak sedar yang anda telah sampai kepada matlamat anda.

Mulalah mengambil tindakan yang pantas. Hanya dengan bertindak pantas anda tahu sama ada anda berada di landasan yang betul atau tidak demi mencapai impian anda. Jika anda merasa takut, penawarnya ialah bertindak. Apabila anda telah benar-benar berhadapan dengan ketakutan anda itu, barulah anda berjaya mengatasinya. Ketakutan sebenarnya hanya wujud di dalam diri anda. Sebab itulah, selagi impian anda hanya tersimpan di dalam fikiran, ketakutan anda mengganggu dan mungkin menewaskan impian tersebut. Hanya tindakan sahaja yang boleh menyelamatkan impian anda kerana tindakan berfungsi merealisasikan sesuatu yang masih lagi tidak wujud. Impian adalah angan-angan dan hanya menjadi kenyataan apabila sesuatu tindakan diambil.

Kerana Negatif Setitik, Rosak Minda Sebelanga

Dalam seminar saya, saya ada membuat satu demonstrasi di atas pentas. Ia melibatkan segelas air yang dicampurkan dengan beberapa titisan air kopi. Eksperimen ini khusus untuk menunjukkan bagaimana sistem minda manusia itu berfungsi.

Apabila segelas air dicampur dengan air kopi, sekelip mata sahaja air yang jernih itu bertukar menjadi hitam. Untuk mengembalikan kejernihan air tersebut, sekurang-kurangnya satu baldi air yang bersih diperlukan untuk dicurahkan ke dalam gelas tadi. Kesimpulan dari eksperimen ini menjelaskan bahawa, satu perkara negatif yang sangat kecil sudah mampu mencemari sistem minda anda yang sebenarnya sangat jernih dan bersih ketika dilahirkan. Jika eksperimen tadi memerlukan seabdi air, bayangkan pula berapa banyak usaha yang perlu

dilakukan untuk menyingkirkan satu titik perkara negatif yang telah melekat di dalam sistem minda anda. Bayangkan pula, jika sistem minda anda telah dicemari perkara negatif untuk satu tempoh yang sangat lama. Jika hanya beberapa titik air kopi memerlukan sebaloi air jernih, bagaimana pula dengan sistem minda yang telah dicemari untuk masa yang lama dan tidak pernah dibersihkan?

Apakah kepentingan membersihkan minda anda daripada kekotoran? Situasinya adalah, dalam kehidupan ini jika minda anda rosak, maka seluruh hidup anda juga rosak. Minda yang kotor menghasilkan fikiran yang kotor, perasaan yang kotor, kata-kata yang kotor dan tingkah laku yang kotor. Jika anda masih ingat, saya telah jelaskan dari awal lagi bahawa semuanya bermula dari dalam minda anda. Begitulah pentingnya menjaga minda anda dari tercemar. Jadi, bagaimanakah untuk melindungi dan menjaga minda anda? Sebelum itu kita harus kenal pasti terlebih dahulu bagaimana minda itu boleh dicemari.

Ketika baru dilahirkan, minda seorang bayi itu adalah jernih, bersih dan belum lagi mempunyai sistem yang tertentu. Seorang bayi adalah ibarat kain putih di mana ibu bapa yang akan mewarnakannya. Jadi, faktor pertama yang menentukan sistem yang mula bercambah di dalam minda anak-anak ialah pengaruh ibu bapa dan ahli keluarganya. Apa yang didengari oleh bayi itu setiap hari akan terprogram di dalam mindanya. Ada pengkaji yang mengatakan bahawa masa yang terbaik mengajar anak kecil memahami dan bertutur dalam pelbagai bahasa adalah semasa ia masih bayi kerana kemampuan untuk mindanya menerima semua itu adalah pada tahap maksima. Begitu jugalah jika ibu bapa bertengkar di hadapan bayi,

walaupun anda sangka bayi itu mungkin tidak faham tentang butir pertengkarannya atau bayi itu sedang lena tidur, ia masih terprogram di dalam mindanya. Ibu yang menonton TV sambil meriba bayi, juga mempengaruhi proses membina minda bayi tersebut.

Kita lazim mengatakan kepada anak kita yang semakin membesar, “...bila besar nanti belajar rajin-rajin supaya jadi orang yang kaya dan berjaya...” Ini adalah baik kerana di dalam minda anak tersebut sudah mula tertanam dengan elemen positif seperti belajar, rajin, kaya dan berjaya. Walau bagaimanapun, ibu bapa jugalah yang kadangkala berkata kepada anak mereka bahawa, “...orang tu orang kaya. Dia tak suka dengan kita sebab kita miskin..”, “...kita orang susah, buatlah cara susah..”, atau “...awak ni asyik nak duit je...tahu tak satu hari nanti duit tu yang akan merosakkan diri awak..”. Jadi, kalau anak kita rosak kerana duit, siapa yang salah? Jika anak kita hidup susah, itu salah siapa? Kalau anak kita hari ini asyik berteleku di hadapan TV, tidak menghiraukan kerja sekolah atau aktiviti lain, itu salah siapa? Berapa ramai ibu bapa yang menjadikan TV sebagai umpan meleakakan anak supaya mereka tidak mengganggu ibu bapanya melakukan kerja lain? Dan hari ini anak kita belajar dari TV... bahasa mereka bahasa TV, fikiran mereka juga seligat fikiran kartun yang mereka idolakan di dalam TV.

Beginilah proses bagaimana minda seseorang itu dibentuk. Kita semua dilahirkan sebagai seorang juara, dilahirkan dengan sistem minda yang jernih dan sempurna. Keadaan di sekeliling kehidupan kita mempengaruhi pemikiran kita menyebabkan hasilnya, kita menjadi siapa kita hari ini. Jika kita dipengaruhi dengan keadaan yang negatif, maka kita menjadi individu yang negatif, sempit fikiran, penakut, selalu gagal dan bernasib

malang. Selepas berpuluh-puluh tahun kita hidup dengan sistem minda negatif yang sama, kita akhirnya mungkin menyalahkan Tuhan atas takdir hidup kita. Kita lupa pada awal kejadian kita, kita dilahirkan sebagai seorang johan dan mula mengenal dunia, dengan jiwa yang bersih. Kita lupa bahawa sewaktu kecil kita tidak pernah kenal erti takut. Apabila mula pandai bertatih, kita sudah mahu memanjat tangga. Sekali terjatuh, kita bangun lagi dan terus memanjat sehingga berjaya. Pada waktu itu kita tidak kenal erti penat dan putus asa.

Walau bagaimanapun, hari ini selepas bertingkat sekolah kita menuntut, dan berderet ijazah yang kita genggam, kita menjadi semakin pengecut. Kita takut untuk cuba mendaki tangga impian sebab kita takut terjatuh. Kita takut kita terluka dan berdarah. Kita takut jika kita gagal kita berputus asa dan mungkin kecewa. Seorang bayi memang tidak ada perasaan negatif seperti takut walaupun ia telah jatuh berpuluh kali. Sebab itulah mereka berjaya merangkak, berjalan dan akhirnya dapat berlari. Kalau dahulu apabila kita masih bayi takut terjatuh, mungkin hingga hari ini kita masih merangkak lagi. Ternyata, ilmu yang kita tuntut sejak di tadika hingga ke universiti masih tidak cukup menjadi bekalan untuk kita mengejar cita-cita. Ilmu bertahun itu masih tidak cukup kuat untuk kita menyingkirkan kotoran hitam yang telah bertahun-tahun melekat di dalam minda kita.

Minda kita adalah seumpama sebuah magnet. Minda yang sangat hebat mampu menarik apa sahaja, sama ada unsur positif mahupun negatif. Tanggungjawab memilih sama ada inginkan tarikan minda positif atau negatif terletak di tangan anda sendiri. Jika minda anda asyik diasak dengan keluh kesah, kecewa dan tidak berpuas hati, pastilah lebih banyak

tarikan negatif yang menjelma di dalam hidup anda. Jika anda juga selalu bersangka buruk, suka menabur fitnah atau menjaja cerita tentang orang lain, apa sebenarnya yang anda sedang cuba tanam ke dalam minda anda? Apa pula yang anda sebenarnya sedang tarik ke dalam hidup anda? Lihat di sekeliling anda, pasti ada individu dekat anda yang mempunyai sikap seperti ini. Perhatikan bagaimana kehidupan mereka. Adakah mereka bahagia? Saya pasti anda sendiri tahu jawapannya.

Orang yang berjaya ialah orang yang sentiasa memelihara minda dan hatinya. Mereka tidak ada masa mengambil tahu perihal orang lain. Apa yang utama bagi mereka ialah menambah nilai kepada orang ramai dan bukannya menilai orang ramai. Orang yang berjaya hanya berkawan dengan orang yang berjaya sahaja. Mereka memang memilih bulu sebabnya, mereka tidak mahu menarik perkara yang negatif ke dalam hidup mereka dan sentiasa mahu bercakap tentang perkara-perkara yang baik dan positif sahaja. Ini bukan bermakna mereka ingin mengasingkan diri mereka dari golongan miskin atau kurang bernasib baik. Mereka sebenarnya lebih dekat dengan golongan ini berbanding orang lain kerana merekalah yang memilih untuk memikul tanggungjawab menjana ekonomi untuk disumbangkan kepada golongan yang miskin dan memerlukan ini. Yang cuba mereka jauhi sebenarnya ialah mereka yang miskin minda hati dan jiwanya. Mereka yang selalu berbahasa negatif dan mereka apabila dipertanggungjawabkan dengan sesuatu amanah, mempunyai banyak alasan. Rasulullah sendiri selalu berpesan bahawa; *"...kita adalah siapa kawan-kawan kita..."*

Jika anda dibesarkan di dalam persekitaran yang menyebabkan sistem minda anda telah tercemar, bertindaklah sekarang menjernihkan minda anda kembali. Anda tidak perlu

menyalahkan orang tua mahupun ahli keluarga anda kerana mereka juga tidak faham mengenai konsep minda dengan kehidupan ini. Adalah yang sekarang ini bertanggungjawab untuk mengubah sistem minda anda sendiri dan memastikan anak-anak dan generasi anda seterusnya mempunyai sistem minda yang hebat. Ambillah tanggungjawab ini sebagai satu amanah daripada yang Maha Mencipta untuk mengubah kehidupan diri dan keluarga anda kepada keadaan yang lebih baik dan positif.

Impak Persekitaran Dengan Kejayaan

Rasulullah SAW bersabda,

“Sesungguhnya perumpamaan berkawan dengan orang yang soleh dengan orang yang jahat adalah seperti seorang penjual minyak wangi dan seorang peniup dapur tukang besi. Orang yang menjual minyak wangi akan memberi atau menjual kepada kamu atau kamu akan dapat bau harum daripadanya. Manakala si peniup dapur tukang besi akan sama ada membakar pakaianmu atau kamu akan mendapat bau yang tidak enak.”

– Muslim

Dahulu saya tidak faham mengapa orang kaya hanya berdamping dengan orang kaya sahaja. Saya juga berpendapat bahawa orang yang kaya itu sombong dan susah untuk didekati. Sehingga saya mengubah persepsi tersebut, barulah saya faham bahawa yang menyebabkan orang kaya begitu adalah kerana sistem minda mereka berbeza dengan orang yang belum kaya. Orang berjaya sangat berhati-hati dengan siapa mereka berkawan kerana mereka faham bahawa persekitaran sangat mempengaruhi kehidupan mereka. Orang yang suka mencipta hasil tidak mungkin boleh duduk semeja dengan orang yang suka mencipta alasan. Perbezaannya adalah, golongan

yang pertama fokus kepada pertanyaan BAGAIMANA, manakala golongan yang kedua pula fokus kepada pertanyaan MENGAPA.

Orang berjaya terus mencari jalan menjadikan matlamat mereka satu kenyataan. Orang yang gagal pula sebaliknya mencari sebab mengapa sesuatu itu tidak dapat dilaksanakan.

Saringlah calon sahabat-sahabat anda dengan teliti. Asingkan kategori yang positif dengan yang negatif supaya sistem minda anda boleh beroperasi sebaiknya apabila berhadapan dengan persekitaran dan situasi yang tertentu. Sebagai contoh, jika ahli keluarga terdekat anda bersikap tidak membina, fikirkan bagaimana anda boleh mengelak daripada mereka dengan baik. Kenalpasti mereka ini dan bersedialah menapis setiap apa yang anda terima daripada mereka secara berhemah. Bersilaturahimlah dengan sabar dan bijaksana dengan keluarga, sahabat dan jiran anda tanpa menjejaskan sikap positif dan baik sangka yang anda sedang miliki.

Pendek kata, pilihlah kawan yang suka bercerita mengenai kejayaan. Bermesralah dengan mereka yang berbicara secara sopan, positif dan baik-baik sahaja. Pilihlah kawan yang apabila dilanda musibah, sentiasa tenang dan bersangka baik kepada Tuhan yang sedang mengujinya. Individu yang berjaya ialah individu yang tidak pernah merungut, mengeluh atau menyalahkan sesiapa. Mereka sentiasa cermin diri sendiri dan sentiasa bercakap perkara-perkara yang baik kerana mereka percaya bahawa apa yang mereka cakap dan apa yang mereka fikir, itulah apa yang akan terjadi. Orang berjaya juga tidak suka beralasan. Mereka tidak gemar menggunakan perkataan seperti, 'nantilah', 'tengok dululah' atau 'lain kalilah' kerana

pilihan kata-kata itu hanya keluar daripada mulut orang yang gagal sahaja. Orang yang berjaya juga tidak suka menunggu. Walaupun mereka tidak mempunyai masa, mereka tetap mencipta masa itu!

Begitulah kuatnya pengaruh persekitaran di dalam kehidupan dan kepada masa depan anda. Ubahlah diri anda terlebih dahulu sebelum anda berfikir untuk mengubah orang lain. Jaga dan lindungi sistem minda anda dan pilih persekitaran yang positif untuk anda. Eksperimen segelas air jernih dengan setitis air kopi tadi jelas menunjukkan betapa sukarnya kita menyingkirkan elemen negatif dari minda kita, jika kita sendiri tidak mengambil langkah-langkah awal mencegahnya. Ingatlah dan sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa minda anda ialah di mana segala-galanya bermula. Jika bermulanya anda dengan nilai positif, maka positiflah hasilnya dan begitulah pula sebaliknya.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

B A B E N A M

Mitos Tentang Wang

Pernahkah anda dengar bahawa kekayaan boleh menyebabkan ramai orang hilang pedoman? Mungkin ada antara anda yang pernah melihatnya sendiri, individu yang dahulunya baik kini telah berubah sikap apabila menjadi kaya. Ada juga suami atau isteri yang berubah sikap setelah berjaya dan anak-anak yang melupakan ibu bapa dan keluarga setelah menemui kejayaan. Ramai juga lagi yang sanggup menipu untuk mengejar kekayaan. Adakah benar harta kekayaan boleh menjadi penyebab kepada kehancuran akhlak manusia? Tetapi, bagaimana pula dengan ajaran Islam yang mengatakan bahawa kefakiran itu boleh membawa kepada kekufuran? Bagaimana pula dengan kewajipan berzakat, berwakaf atau bersedekah yang digalakkan oleh agama Islam jika menjadi kaya serta berharta itu berdosa atau merupakan satu kesalahan?

Saya setuju jika anda katakan bahawa harta dan wang ringgit tidak boleh membeli kebahagiaan dan boleh membuat seseorang hilang pedoman. Betul! Memang kebahagiaan itu tidak boleh dijual beli dan bukan juga terletak kepada apa yang kita miliki. Sebaliknya kebahagiaan itu letaknya pada nikmat rasa kesyukuran itu. Walau bagaimanapun, hukum dunia menetapkan bahawa dari sekecil-kecil institusi seperti sebuah keluarga sehinggalah kepada institusi yang lebih besar seperti

sebuah negara berpaksikan ekonomi dan wang ringgit sebagai tunjang utama untuk memiliki kebahagiaan duniawi. Realitinya, wang ringgit memang tidak boleh membeli kebahagiaan dan ketenangan tetapi untuk mencapai kebahagiaan mahupun ketenangan, anda memerlukan wang ringgit sebagai alat utamanya. Walau bagaimanapun, jika digunakan kekayaan fizikal ini mengikut tuntutan agama yang sebenar, saya yakin bahawa wang juga boleh membawa anda menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.

6.1 Mitos 1: Wang Adalah Punca Kejahatan

Kebanyakan orang masih percaya bahawa kekayaan adalah punca kejahatan. Ada kes di mana, seorang suami yang dahulunya bertanggungjawab dan penyayang berubah mementingkan diri sendiri dan semakin sibuk hingga mengenyepikan kepentingan keluarga, setelah mendapat projek bernilai jutaan ringgit. Keadaan ini menyebabkan para isteri lebih rela hidup susah daripada kehilangan suami mereka. Ada juga individu yang menjauhkan hidup dari ibu bapa dan keluarganya sendiri dan malu untuk mengaku siapa dan dari mana dia berasal. Status baru yang disandangnya menyebabkan dia lupa diri.

Rasulullah SAW bersabda,

“Tangan yang berada di atas lebih baik daripada tangan yang berada di bawah. Tangan yang berada di atas adalah yang memberi manakala yang berada di bawah adalah yang meminta.”

– Muslim

Walaupun bagaimanapun, ramai individu yang terlibat dengan pelbagai aktiviti kebajikan dan kemanusiaan hari ini adalah jutawan dan orang yang berwang. Ada antara kenalan

saya yang menyumbangkan separuh daripada pendapatan bulanannya secara konsisten untuk sebuah persatuan kebajikan yang menjaga lebih 2,000 orang anak yatim. Ramai juga yang mewakafkan harta mereka untuk perjuangan agama yang mereka anuti, MasyaAllah. Jika bukan kerana keberkatan rezeki yang mereka perolehi, bagaimana mungkin mereka dapat membantu serta menyumbang kepada orang-orang yang yang lemah dan tidak mampu itu.

Hidup dalam perspektif manusia yang pelbagai ini, saya akui menjadi orang kaya, kadang-kala tidak mudah. Ini adalah kerana apabila mereka menyumbang secara terbuka, mereka pula dituduh seolah-olah telah mengabaikan tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Sebenarnya orang yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, sama ada dalam sedar atau tidak, adalah lebih dekat dengan masyarakat sekalipun pelbagai tanggapan dan buruk sangka yang dilemparkan kepada mereka. Ini adalah kerana, jutawan atau orang yang berpendapatan tinggi mampu menyumbang harta mereka atau berzakat dengan banyak setanding dengan kemampuan mereka untuk diinfak kepada mereka yang memerlukan.

Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan bahawa wang juga boleh menggelapkan mata seseorang, tak kira yang kaya atau yang miskin. Kerana wang, orang miskin sanggup mencuri dan merompak manakala yang kaya pula mengambil rasuah kerana tamak dan ingin menjadi lebih kaya. Sama ada individu itu memilih melakukan jenayah, menjadi derhaka kepada ibu bapanya atau mengabaikan keluarganya, adalah pilihan masing-masing. Jika kita terpanggil untuk melakukan kebaikan, sama ada kita miskin atau kaya bukanlah penghalang atau ukurannya.

Anda harus ingat, wang adalah hanya sekeping kertas, yang tidak boleh berkata-kata atau boleh mempengaruhi anda menjadi negatif. Ia sebenarnya bergantung kepada apa yang ada di dalam sistem minda anda. Jika anda hidup di dalam rahmat selama ini, setiap sen yang diperolehi anda hargai dan syukuri. Malah, anda terus berusaha lagi untuk memperbaiki diri supaya lebih banyak lagi kekayaan dan kejayaan yang dapat anda himpun untuk disumbangkan kembali kepada masyarakat dan negara.

Wang juga, merupakan satu alat atau instrumen yang diberikan nilai. Dunia ini tidak menjadi lebih aman walaupun wang dihapuskan sepenuhnya tetapi, kehidupan kita boleh menjadi lebih baik sekiranya kita menggunakan alat ini dengan ilmu dan secara berhikmah. Islam sendiri mendidik kita supaya menjadi ummah yang punya kekuatan ekonomi. Islam tidak pernah mengasingkan muamalat dari perihal agama. Malahan, muamalat adalah sebahagian daripada Islam itu sendiri. Terpulanglah kepada manusia untuk memilih sama ada hendak menggunakan wang untuk kebaikan atau sebaliknya.

Manusia Mampu Berubah

Individu yang meletakkan kesalahan kepada kekayaan sebenarnya ialah individu yang tidak bertanggungjawab. Bagaimana mungkin sesuatu objek yang tidak bernyawa itu boleh dipertanggungjawabkan ke atas kegagalan hidup seorang manusia yang mempunyai akal untuk berfikir. Manusia mempunyai kuasa memilih tindakan yang hendak diambilnya di atas sekeping wang kertas. Kita yang memberi nilai kepadanya, serta menentukan rupa, kualiti serta gambar yang tertera di atasnya. Orang yang mengatakan wang adalah punca kejahatan sebenarnya ialah orang yang lemah dan kecewa.

Mereka kecewa dengan kelemahan diri sendiri sehingga harus meletakkan kesalahan itu kepada sesuatu yang lain. Semua ini hanyalah alasan dan jalan keluar untuk orang gagal merasa lega, merasakan yang kesilapan mereka itu ada justifikasinya. Malang sungguh nasib seseorang apabila dilahirkan sebagai juara tetapi hidup sebagai pengecut serta menyalahkan objek yang tidak bernyawa.

Kembali kepada prinsip asal, semuanya bermula dari dalam minda anda. Minda anda adalah umpama 'magnet' yang mampu menarik kedua-dua unsur positif dan negatif dengan mudah dan cepat. Selagi anda percaya yang kekayaan ialah punca kepincangan dunia ini maka selagi itulah anda ada 'kebocoran'. Fikiran yang negatif pasti hanya menarik lebih banyak perkara negatif ke dalam hidup anda. Memilih untuk menuduh wang ke atas setiap kegagalan anda hanya akan menarik lebih banyak situasi yang merugikan dalam hidup. Oleh kerana anda 'memandang serong' kepada kekayaan, wang nampaknya seolah-olah memusuhi anda. Bukankah janji Tuhan telah mengatakan bahawa hidup ini adalah seperti mana sangkaan hambaNya?

6.2 Mitos 2: Miskin Adalah Lebih Baik Daripada Kaya

Sepanjang saya berkecimpung dalam industri yang saya ceburi ini, saya dapati ramai orang sangat selesa dengan kehidupan mereka hari ini, sekalipun mereka terpaksa kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Ada di antara mereka yang ingin menukar nasib hidup mereka tetapi impian itu hanyalah di bibir sahaja. Minda dan hati mereka sebenarnya tidak pernah yakin yang mereka boleh menjadi kaya dan berjaya. Sebenarnya, mereka bukan tidak percaya dengan kemampuan mereka, tetapi mereka tidak yakin dengan kebesaran Dia yang

Maha Mengetahui. Jika salah kata-kata saya ini, saya mohon maaf tetapi inilah apa yang saya percaya selama ini. Ramai yang percaya, selama berpuluh tahun ini bahawa mereka telah biasa hidup miskin jadi, bagaimana mungkin mereka jadi kaya dengan tiba-tiba? Kenapa tidak? Bukankah Dia yang maha mengizinkan apa sahaja boleh berlaku. Jika Allah Taala izinkan hidup anda berubah, maka berubahlah hidup anda. Jika Dia telah mengizinkan bahawa menjadi lebih kaya itu adalah lebih baik untuk anda, kenapa anda harus berasa takut? Jika anda memang tidak layak untuk melayari kehidupan sebagai seorang kaya, sesungguhnya Dia jualah yang lebih mengetahuinya.

Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada kedua ibu bapa kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah untuk mereka; Wahai Tuhanku, cucurilah rahmat kepada kedua ibu bapaku sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayang mereka memelihara dan mendidikku semasa aku kecil.

– Surah Al-Isra', ayat 23 - 24

Saya ingin berkongsi sedikit berkenaan kehidupan saya hari ini, Syukur Alhamdulillah. Tidak cukup bumi ini untuk saya bersujud syukur dengan segala limpahan rahmat dan nikmat yang telah dikurniakan kepada saya dan keluarga. Diberikanya 'penghormatan' untuk saya melihat wajah ibu setiap hari adalah satu mukjizat dari Tuhan untuk saya. Saya akui, bahawa saya seorang anak yang sibuk dan kadangkala lalai dan alpa dalam menjaga hati seorang ibu. Walau bagaimanapun, selagi ada hayat dikandung badan, saya penuhi segala permintaannya sebanyak mana yang saya mampu. Apa sahaja yang menggembirakannya, menggembirakan saya juga. Memang ia tidak pernah sempurna, tetapi saya berusaha menjadikannya yang terbaik. Harta dan kekayaan tidak mungkin boleh

membeli hati ibu saya sepenuhnya, tetapi dengan kekayaan yang dikurniakan Tuhan, saya telah menjadikannya sebagai satu alat untuk menggembarakan ibu.

Bukan rumah setinggi 8 tingkat yang beliau mahukan atau kereta menjalar yang beliau harapkan, bukan juga emas melilit badan yang beliau dambakan. Di usia ini, beliau hanya mahu berkongsi nikmat rezeki itu bersama semua ahli keluarga lain, yang mungkin masih diuji dengan kesempitan wang. Beliau banyak menyumbang kepada masjid dan surau, madrasah dan sekolah tahfiz yang mengadakan majlis-majlis zikir dan selawat. Di dalam keluarga saya, beliau menjadi orang pertama yang menghulurkan infak setiap kali ada ulama-ulama besar dari pelbagai negara datang ke tempat kami.

Sebenarnya, kekayaan yang saya kejar hari ini adalah semata-mata untuk memenuhi kehendak 'hobi' ibu saya yang unik ini. Saya ingin memohon maaf seandainya perkongsian saya dianggap sebagai riak oleh anda. Semoga Allah pelihara hati saya daripada perkara tersebut. Saya dengan ikhlasnya hanya mahu anda tahu bahawa kekayaan tidak sesekali menjauhkan kita dari Allah Taala dan RasulNya. Pada hakikatnya, kekayaan boleh menjadikan kita lebih dekat denganNya, melainkan kita yang memilih untuk memalingkan diri dan hati kita dari rahmat kasih sayangNya. Semoga Allah Taala sentiasa merahmati kedua ibu dan arwah ayah saya. Demi Dia yang maha berkuasa, segala yang saya usahakan hari ini adalah semata-mata untuk keduanya.

Sebenarnya, pada pandangan dan pengalaman saya, mempunyai wang yang banyak adalah sangat baik. Tahukah anda bahawa kebanyakan masjid dan tahfiz di Malaysia berjaya

dibina atas sumbangan mereka yang mempunyai kekuatan kewangan yang kukuh? Tahukah anda juga, bahawa banyak sekolah tahfiz ditaja oleh orang yang kaya? Sebab itulah, jika anda perhatikan, ada banyak perniagaan yang semakin maju dan berjaya walaupun terdapat persaingan yang sangat sengit. Di antara rahsia kejayaan ini ialah mereka telah banyak menginfakkan keuntungan perniagaan mereka ke jalan Allah melalui kewajipan berzakat dan bersedekah. Sumbangan mereka yang sekecil ini telah mendapat balasan yang berlipat ganda dari Allah Taala selaras dengan firmanNya di dalam surah Al-Baqarah ayat 261, bahawa bandingan orang yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan, tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai menghasilkan seratus biji buah.

Mempunyai banyak harta tidak pula bererti anda boleh berbelanja sesuka hati sebenarnya. Malah, semakin kaya seseorang itu, semakin dia menghargai setiap sen yang dimilikinya. Kekayaan bukan untuk anda membeli jenama tetapi kekayaan ialah untuk anda membeli pilihan. Oleh kerana anda punyai wang yang berlebihan, anda mempunyai kebebasan untuk memilih apa yang terbaik untuk anda. Anda boleh memilih pendidikan yang terbaik untuk anak-anak anda. Berbeza dengan zaman saya dahulu, jika kita mahu melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara ataupun tempatan, kita terpaksa berebut tempat untuk mendapat tajaan kerajaan atau syarikat-syarikat korporat. Hari ini, Alhamdulillah, jika anda ada kewangan yang kukuh anda boleh menghantar anak anda belajar ke mana sahaja di pelusuk dunia ini kerana, anda adalah ibu bapa yang mempunyai pilihan.

Di dalam masa yang sama, bagaimana anda menghabiskan masa lapang bersama keluarga juga akan menjadi lebih berkualiti kerana anda mampu memilih. Jika kebiasaannya anak-anak hanya menghabiskan masa cuti sekolah di depan televisyen, dengan kemampuan kewangan yang anda ada, anda boleh menghantar mereka ke mana-mana program cuti sekolah yang banyak ditawarkan di pasaran. Malah, anak-anak juga boleh menggunakan masa cuti tersebut untuk menuntut skil-skil kemahiran tertentu seperti *public speaking*, drama, NLP, pengkomputeran dan sebagainya. Saya memilih aktiviti berenang, memanah dan berkuda sebagai sukan asas yang harus dipelajari oleh semua anak-anak saya. Di sepanjang cuti sekolah, jadual mereka akan dipenuhi dengan aktiviti yang telah saya rancangkan ini. Bukan nilai kemewahan yang hendak saya terapkan kepada anak-anak saya. Cuma, saya percaya, selain daripada ilmu yang dipelajari di dalam bilik darjah, terdapat banyak lagi ilmu yang harus anak-anak boleh timba di luar. Semua ilmu, skil dan kemahiran ini hanya boleh mereka pelajari melalui pengalaman yang boleh mereka tempuhi di sepanjang kursus atau aktiviti yang mereka hadiri itu. Selain untuk membahagiakan dan membalas jasa orang tua, saya juga mengejar kekayaan demi masa depan anak-anak saya. Saya tidak hanya meninggalkan wang dan harta kepada mereka, malah dengan wang dan harta yang saya ada hari ini, saya juga pastikan mereka mendapat menimba ilmu sebanyak yang mungkin.

6.3 Mitos 3: Wang Penyebab Manusia Lupa Diri

Sebagai manusia biasa, memang sangat mudah iman seseorang terpedaya jika dilambakkan dengan kekayaan harta dan kemewahan. Walau bagaimanapun, apabila kita bercakap tentang soal iman dan hati, adakah adil untuk kita membuat

kesimpulan seolah-olah orang kaya itu sahaja yang mudah hanyut imannya. Adakah orang yang tidak kaya itu tidak lupa diri? Seperti yang saya telah jelaskan sebelum ini, kekayaan hanyalah satu alat perantaraan di antara manusia dan dunia. Ia tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi seseorang itu melainkan, anda sendiri yang mengizinkan hati anda diperdayakan oleh bisikan syaitan.

Hidup di dunia yang serba tidak sempurna ini, saya tidak nafikan bahawa ada orang kaya yang lupa pada tanggungjawabnya dan ada juga yang menggunakan kekayaan hanya untuk kepentingan peribadi mereka semata-mata. Malah, tidak kurang juga ada orang miskin yang tidak mengenang budi dan tidak mempunyai harga diri. Pokok pangkalnya terletak pada diri kita sendiri. Saya juga mempunyai kenalan kaya yang menjadikan tawaduk, solat dhuha serta tahajud, rahsia kekayaan mereka. Mereka sangat menitikberatkan keberkatan punca rezeki mereka supaya tidak terdapat elemen-elemen yang syubhah ataupun haram. Mereka ini juga adalah orang yang sentiasa menghidupkan roh cinta Rasulullah dengan mengadakan majlis-majlis selawat di sepanjang tahun.

Seperti yang saya selalu katakan, semua ini bermula dari dalam minda anda. Kaya atau miskin bukan penentu kepada budi pekerti, akhlak atau sikap seseorang. Jika seseorang memilih untuk lupa diri, dia lupa diri. Jika dia memilih untuk lebih merendah diri, dia pastinya merendahkan diri. Sebab itu, siapa yang ada di sekeliling anda adalah sangat penting. Seperti sabda Rasulullah SAW, kita adalah seperti rakan-rakan atau orang yang ada di sekeliling kita. Mudah-mudahan, dengan anda duduk di dalam lingkungan mereka yang saling ingat-mengingati, anda terpelihara dari kebinasaan. Sesungguhnya,

rezeki yang berkat itu adalah rezeki yang membawa anda semakin hampir denganNya dan begitulah sebaliknya.

Tukarlah minda dan daya pemikiran anda sekarang. Percayalah bahawa harta kekayaan boleh menjadi bekalan untuk anda di dunia serta alam yang kekal abadi kelak. Kuncinya terletak di tangan anda sendiri. Tepuk dada, tanyalah iman anda.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB TUJUH

Trauma Manusia

Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

– Surah Al-Baqarah, ayat 155

Rasa atau perasaan adalah satu anugerah yang unik kepada manusia. Perasaan itu sempurna bagaikan adonan resipi yang mempunyai pelbagai rasa; manis, masam, pahit, pedas dan sebagainya. Jika anda hanya pernah merasa bahagia, maka perasaan anda masih belum sempurna. Jika anda hanya pernah merasa sengsara, perasaan anda juga masih belum sempurna. Rasa juga mempunyai berbagai unsur seperti suka, duka, takut, berani, kecewa, cemas, berdebar-debar, malu, yakin dan banyak lagi. Kesemua rasa ini mempunyai signifikannya yang tersendiri di dalam pembentukan karakter dan modal insan seseorang individu itu. Di dalam bab ini, saya ingin memfokuskan kepada satu jenis perasaan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Jika anda bijak mengawal perasaan ini, ia membawa kebaikan kepada anda tetapi jika anda gagal mengawalnya, ia menyebabkan kerugian kepada anda. Perasaan itu ialah TAKUT.

Fear knocked at the door. Faith answered.

No one was there.....

Sejak bilakah sebenarnya anda mula merasa takut? Perhatikan seorang anak kecil yang baru mula merangkak. Dia dengan tidak teragak-agak menuju ke anak tangga dan terus memanjatnya. Adakah anak itu tidak mempunyai perasaan takut? Bagaimana pula dengan anak-anak kecil yang bermain api. Dari mana anak kita belajar tentang takut 'hantu' atau 'momok', jika tidak dari ibu bapa atau penjaganya sendiri? Siapakah yang selalu menegah anak-anak yang belum mengenal rasa takut dari menerokai dunia yang baru mereka diami. Apa yang selalu kita katakan kepada mereka, "...jangan panjat, takut nanti jatuh...", "...tak boleh pergi sana, gelap... takut...", "...tengok tu ada anjing, takutlah..." dan macam-macam lagi. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah pilihan kata-kata dan cara ibu bapa menyusun ayat untuk mencegah seseorang daripada melakukan sesuatu yang mungkin membahayakan adalah penting untuk memastikan apakah mesej sebenar yang mahu disampaikan.

Menerusi pengalaman hidup seawal bayi lagi, kita telah ditanam dengan perasaan takut. Kita takut kepada perubahan, takut kepada cabaran, takut menghadapi risiko, takut untuk memasang impian, takut untuk bertindak sehingga akhirnya perasaan takut bermaharajalela dan membelenggu seluruh jiwa serta menghalang perasaan-perasaan lain untuk timbul. Di dalam apa sahaja yang ingin kita lakukan, takut ialah perasaan pertama yang muncul dalam hati dan minda kita. Oleh kerana rasa takut ini adalah lebih dominan daripada rasional, maka ketakutan itu selalu mengalahkan logik akal dan hati seseorang. Ketakutan yang boleh mengalahkan rasional ialah ketakutan yang gagal dikawal dengan bijak di mana hasilnya, rasa takut

menjadi satu emosi negatif di dalam individu tersebut.

Perasaan takut didefinisikan sebagai satu perasaan yang melampaui batas rasional seseorang dan menyebabkan emosi negatif terhasil apabila ia mematuhi tiga syarat di bawah ini:

- Cemas, risau dan tertekan setiap kali perlu berurusan dengan seseorang individu, objek atau situasi tertentu.
- Sebolehnya mahu mengelak daripada bertemu atau berhadapan dengan perkara yang ditakuti tersebut seumur hidupnya.
- Dihantui ketakutan atau trauma untuk satu jangka masa yang lama.

Ketiga-tiga faktor di atas ialah pita ukur mengenalpasti tahap ketakutan atau trauma yang sedang dialami. Seterusnya, anda perlu belajar bagaimana menguruskan perasaan takut ini supaya emosi yang terhasil adalah emosi yang positif, bukan sebaliknya. Skil mengurus dan mengawal ketakutan atau trauma ini sangat berguna, bukan hanya untuk individu bahkan boleh diaplikasikan di dalam sesebuah organisasi kerana setiap seorang manusia pasti mempunyai ketakutannya yang tersendiri.

Ketakutan Yang Membinasakan Manusia

Sama ada secara sedar atau tidak, setiap manusia mempunyai 11 jenis ketakutan utama. Ketakutan atau trauma ini terjadi disebabkan oleh programming yang salah semasa seawal usia bayi, pengalaman lampau atau pengaruh orang sekeliling. 11 jenis ketakutan itu adalah:

Fear of Rejection

– Takut Ditolak

Fear of Failure

– Takut Gagal

Fear of Poverty

– Takut Miskin

Fear of Criticism

– Takut Dikritik

Fear of Sickness

– Takut Sakit

Fear of Losing Love or Someone

– Takut Kehilangan Yang Tersayang

Fear of Success

– Takut Berjaya

Fear of Being Alone

– Takut Keseorangan

Fear of Aging

– Takut Tua

Fear of Death

– Takut Mati

Fear of Losing

- Takut Kehilangan Sesuatu

Apabila anda berjaya menguruskan semua ketakutan di atas, anda pasti dapat melihat diri dan seluruh hidup anda dari perspektif yang berbeza. Apabila saya menggunakan perkataan ‘mengawal ketakutan’ atau ‘menguruskan ketakutan’, itu bermakna, walau dalam apa keadaan sekalipun anda tidak dapat lari dari perasaan takut. Seperti yang telah saya jelaskan di awal topik perbincangan tadi, perasaan anda hanya jadi sempurna apabila ia teradun dengan semua jenis rasa, termasuk rasa takut. Menjadi berani membuta tuli juga adalah bahaya.

Oleh itu sedikit perasaan takut adalah perlu, supaya anda lebih berhati-hati dalam mengatur langkah. Dengan teknik yang betul, sudah pasti rasa takut tadi dapat diterjemahkan kepada satu emosi yang positif. Sebagai contoh, jika anda takut rugi di dalam berniaga, carilah mentor yang sesuai dengan industri anda. Dalam sektor pelaburan pula, ambil masa untuk menyelidik dengan teliti supaya anda mengetahui apa risiko yang bakal anda hadapi. Inilah apa yang saya maksudkan sebagai takut yang positif.

Sebaliknya, jika semua ketakutan-ketakutan di atas dibiarkan melarat tanpa dirawat, hidup anda dibayangi oleh sangkaan yang wujud kerana perasaan takut itu tadi. Anda hidup dalam 'rasa selamat' palsu yang anda cipta sendiri untuk menipu hati dan fikiran anda. Ketakutan ini hanya membuatkan anda gagal walaupun sebelum mencuba. Umpamanya, jika ketakutan itu mendiami hati, maka matilah jiwa anda. Maka hiduplah anda bagai katak di bawah tempurung. Biarpun sempit atau gelap, anda 'gembira' kerana anda takut menghadapi dunia luas yang terang benderang. Anda takut menghadapi cabaran dan mengharungi dugaan. Jadi, biarlah susah atau payah asalkan anda rasa selamat dan selesa sekalipun anda tahu ianya palsu dan khayalan anda semata-mata.

7.1 *Fear of Rejection* – Takut Ditolak

Dalam hidup ini, kita semua pasti pernah melalui saat-saat ditolak atau dikecewakan. Saat yang kita rasa bahawa dunia ini berubah menjadi sangat gelap. Kita hilang arah dan keyakinan diri serta merasa sangat malu dan rendah harga diri. Ada antara kita ditolak lamaran cinta, ada yang dilemparkan usulnya, gagal dalam temuduga dan ada juga situasi di mana impian diketawakan dan tidak diterima oleh keluarga.

Semua jenis penolakan ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam pembinaan karakter dan emosi seseorang. Pengalaman pahit ini mengakibatkan terbinanya sistem minda yang negatif. Jika dahulu anda seorang kekasih, pengalaman ditolak cinta mendidik anda untuk takut bercinta lagi kali kedua. Begitu juga di dalam kerjaya. Sekali usul anda ditolak oleh pihak pengurusan, anda takut tampil ke hadapan lagi kerana takut cadangan anda akan sekali lagi ditolak dan diremehkan. Jadi, sampai bila-bilapun anda kekal berada di dalam ketakutan yang tidak pasti. Impian anda hanya nyata di dalam minda anda seorang sahaja.

Ada di antara anda yang menghadapi simptom-simptom seperti sukar bernafas, berpeluh, tangan dan kaki menjadi sejuk dan tidak keruan sebelum menghadapi sesi temuduga. Di fikiran anda pula sudah terbayang pelbagai soalan mencabar minda yang bakal diajukan oleh penemuduga. Anda seolah-olah terdengar-dengar suara penemuduga mengetawakan kelemahan anda. Anda bagai terbayang-bayang orang di sekeliling sedang mengejek-ejek anda. Drama ini sebenarnya anda yang cipta sendiri di dalam minda kita. Anda lihat betapa kecilnya diri anda. Anda nampak jelas dalam fikiran anda sendiri bagaimana rasa kegagalan itu.

Di dalam keadaan ini, bukankah anda sebenarnya telah gagal sebelum mencuba. Anda biarkan ketakutan anda memandu impian anda manakala anda hanya menjadi penumpang sahaja. Jika pemandunya ialah ketakutan, bayangkan ke mana anda dibawa, jika tidak kepada kegagalan.

Jika anda takut dengan kegagalan semata-mata kerana anda takut berdepan dengan kebarangkalian anda mungkin ditolak oleh orang lain, maka lupakanlah impian anda untuk hidup lebih kaya dan berjaya. Cuba lihat kereta apa yang sedang anda pandu sekarang dan, teruslah memandu kereta itu. Cuba lihat di mana anda tinggal sekarang dan teruslah tinggal di situ. Bayangkan ibu anda yang semakin uzur menghabiskan sisa usianya di dalam serba kekurangan kerana anda tidak mampu membahagiakannya.

It is better to try and die than never to try at all.

Pada pendapat saya, orang yang tidak mahu berusaha dan mencuba adalah orang yang telah mati. Tidak malukah anda kepada Dia yang Maha Esa yang telah memberikan anda nyawa dan anda pilih untuk mati sebelum ajal anda sampai. Anda berasal dari satu juara sperma daripada berjuta yang lain, yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk berenang menuju telur ibu anda untuk disenyawakan. Mengapa anda kini, yang telah dikurniakan nafas dan akal pula, yang tidak berdaya? Tuhan yang Maha Agung telah menganugerahkan kehidupan anda sebagai juara, tetapi anda pula yang memilih untuk hidup dalam ketakutan. Jadilah seorang pejuang! Biarlah kita kalah tertiarap, tetapi kita tetap bermaruah. Janganlah jadi si pengecut yang belum melangkah tetapi telah berundur!

“I wrote for twelve years and collected 250 rejection slips before getting any fiction published, so I guess outside reinforcement isn’t all that important to me.”

– Bestselling author Lisa Alther

Semua jenis perasaan seperti juga ketakutan, mempunyai fungsinya yang tersendiri. Begitu juga dengan ketakutan. Secara positifnya, rasa takut ini boleh menjadi benteng kepada sikap terburu-buru. Sekurang-kurangnya, dengan bisikan suara kecil yang melagukan kerisauan di hati, anda boleh mengambil inisiatif untuk mencari jawapan kepada setiap ketakutan dan kerisauan anda. Kembalikan rasional anda ke tempat asalnya dan bantu sistem minda anda berfungsi dengan wajar supaya ketakutan tidak lagi dapat menguasai anda.

Hadapi ketakutan anda dan hiduplah dengan tenang. Suburkan hati anda dengan keyakinan yang mantap kepada Dia yang Maha Penyayang. Terimalah penolakan itu sebagai satu proses pembelajaran. Ubahlah persepsi anda dan segala-galanya turut berubah. Teruskan berusaha, *try and adjust*. Ingat, apa yang anda fikir dan rasa ialah satu doa. Jadikanlah ketakutan anda sebagai satu motivasi untuk anda melangkah lebih jauh ke hadapan.

7.2 *Fear of Failure* – Takut Gagal

Satu berita baik untuk anda semua ialah tidak ada manusia di dunia ini yang tidak pernah gagal. Takut kepada kegagalan adalah sama seperti takut kepada penolakan. Anda sebenarnya takut kepada realiti hidup yang telah menetapkan bahawa kegagalan itu adalah salah satu rencah kehidupan. Oleh kerana masakan kegemaran saya adalah asam pedas, saya beri satu contoh berkenaan masakan kegemaran saya itu. Kesedapan masakan asam pedas hanya terhasil dengan campuran ramuan asam jawa, cili dan beberapa bahan lain. Sekalipun asam jawa itu masam rasanya dan cili itu pula pedas tetapi gabungan kedua-dua rasa itulah yang menyebabkan masakan asam pedas itu enak. Begitu jugalah dengan kehidupan ini. Gabungan kegagalan dan kekecewaan adalah salah satu ramuan dalam

kehidupan yang tanpanya, tidak sempurna rasa hidup ini. Jadi, kenapa anda harus takut kepada sesuatu yang pasti.

Namun, adalah lebih baik jika anda gagal selepas mencuba daripada tidak mencuba langsung, atau gagal kerana takut mencuba. Jalan mana pun yang anda pilih, anda pasti bertemu dengan kegagalan dahulu. Segala ciptaan yang dijadikan oleh Allah Taala adalah berpasang-pasang. Kalau ada kehidupan dan kematian, pasti ada juga kejayaan dan kekecewaan. Terpuhlah kepada anda untuk menerima kegagalan itu sebagai satu musibah atau nikmat. Jika anda menerima kegagalan sebagai satu bentuk nikmat dari Tuhan, anda tidak mungkin takut mencuba lagi. Sebaliknya, jika anda melihat kegagalan dari perspektif yang negatif, maka negatiflah seluruh hidup anda kelak.

Masihkah anda ingat bagaimana anda mula berjalan semasa kecil dahulu? Sudah tentu kita semua telah jatuh banyak kali sebelum kita berjaya berjalan. Kita, berdiri dan terjatuh, berdiri lagi, melangkah setapak dan jatuh lagi. Berdiri lagi, melangkah lagi dan jatuh lagi. Begitulah berulang-ulang kali sehingga kita berjaya dan kini sudah boleh melompat dan berlari. Bayangkan jika kita takut jatuh, takut gagal atau takut sakit, dan tidak mahu mencuba? Tidak berjalanlah kita sehingga kini atau adakah itu yang anda mahukan?

Bayangkan pertama kali anda menaiki kapal terbang. Apabila kapal terbang mula terbang tinggi, anda mula rasa gayat. Di kepala anda mula berfikir-fikir yang bukan-bukan terutama apabila kapal terbang bertembung dengan awan tebal dan bergegar kuat. Anda jadi lebih cemas. Situasinya berbeza sangat di antara kereta yang melanggar lubang di atas jalanraya

dengan kapal terbang yang melanggar awan. Jadi, adakah anda masih menaiki kapal terbang di masa datang atau anda terus takut dan trauma dan tidak menaiki kapal terbang lagi? Jika anda ingin maju dan tidak mahu ketinggalan dalam arus pembangunan dunia, anda terpaksa menguruskan ketakutan anda supaya boleh menaiki kapal terbang lagi. Tanpa anda sedar, setelah mengharungi situasi yang sama beberapa kali, anda berasa semakin berani dan yakin.

Kunci untuk membuka pintu ketakutan anda ialah terus mencuba dan mencari ilmu atau maklumat berkenaan perkara yang anda takuti. Dengan ilmu yang betul anda boleh mengatasi risiko kegagalan anda. Jangan biarkan ketakutan meragut impian anda. Ketakutan yang tidak diurus dengan betul, boleh memendamkan bakat anda.

Tips untuk mengatasi rasa takut kegagalan adalah:

- Bayangkan betapa ruginya anda jika anda tidak mengeksploitasi peluang yang anda ada. Anda tidak tahu bila lagi peluang sedemikian mungkin datang semula ke dalam hidup anda. Ingatlah, hidup ini sangat pendek. Jangan bazirkan setiap saat yang ada dengan melayan perasaan takut itu. Sesungguhnya, berjaya atau gagal usaha anda itu adalah hak Dia yang Maha Berkuasa. Walau bagaimanapun, sebagai khalifah di bumi ini, kita mesti berusaha dan terus berusaha kerana itu adalah tanggungjawab kita bersama.
- Ambil masa melakukan penyelidikan berkenaan bidang anda. Carilah mentor dan belajar dengan mereka supaya dapat mengurangkan risiko kegagalan anda. Sekalipun anda terpaksa mengambil risiko, sekurang-kurangnya ia telah dipertimbangkan dengan segala kepakaran yang anda ada. Saya tidak pernah mengajar sesiapa menjadi berani

membuta tuli. Apa yang saya mahu sampaikan kepada anda ialah, ketakutan yang tidak diurus dengan baik boleh menjadi virus yang merosakkan sel positif anda. Sebaliknya, ketakutan yang dikawal dan diurus sebaiknya mungkin boleh menjadi pemangkin kepada semangat dan motivasi, serta kayu ukur sejauh mana kemampuan anda untuk bermula.

- Belajar untuk melihat kegagalan dari sudut yang berbeza. Seperti yang saya jelaskan di atas tadi, kegagalan adalah satu proses kejayaan. Anda gagal dahulu supaya anda boleh belajar dengan baik. Kita gagal supaya kita boleh memahaminya dengan lebih baik. Jika anda tidak pernah menangis, bagaimana anda mungkin dapat menghargai nikmat suka dan ketawa. Jika anda tidak pernah sakit, bagaimana mungkin anda boleh menghargai nikmat sihat dan kuat. Begitulah kehidupan ini. Semuanya telah diatur oleh Allah Taala dengan sempurna supaya anda kekal sebagai insan yang sentiasa insaf dan bersyukur.

7.3 *Fear of Poverty* – Takut Miskin

Tidak ada sesiapa pun yang mahu hidup dengan serba kekurangan dan keadaan yang tidak sempurna. Jika hari ini anda tidak kaya raya sekalipun, sekurang-kurangnya anda masih lagi bernafas dan boleh hidup walaupun, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Pola kehidupan masa kini telah menjadi satu keselesaan kepada ramai orang, terutama bagi orang yang makan gaji. Walaupun mereka sebenarnya tidak senang tetapi, kerana takut, mereka memilih untuk percaya bahawa hidup mereka ini 'ok'. Kononnya, kedudukan mereka lebih baik dari ramai orang lain. Sebenarnya, mereka takut menjadi lebih miskin dari hari

ini. Mereka takut, sekiranya mereka berhenti kerja dan mula berniaga, mereka kehilangan punca pencarian tetap mereka sekaligus. Jika selama ini mereka masih lagi boleh makan dua kali sehari, mungkin selepas mereka berniaga sendiri, mereka mungkin tidak mampu makan langsung. Jika selama ini, bagaimana teruk prestasi kerja mereka sekalipun, mereka masih boleh menerima gaji setiap hujung bulan. Tetapi, jika mereka bekerja sendiri, mereka tiada majikan untuk bergantung hidup. Semuanya berada di atas usaha dan tanggungjawab mereka sendiri. Bisikan-bisikan kecil seperti, bagaimana seandainya perniagaan mereka tidak berhasil lalu mereka menjadi papa kedana, menghalang mereka keluar dari bawah tempurung, sekalipun tempurung itu sangat sempit dan gelap.

Allah Azza Wajalla berfirman,
*Apabila berdamping hambaKu kepadaKu umpamanya
sejengkal, hampirlah kepadanya rahmatKu sehasta. Dan
apabila berdamping ianya sehasta, hampirlah rahmatKu
sedepa. Dan apabila dia datang kepadaKu berjalan,
maka Aku akan datang kepadanya berlari.*

Saya minta maaf jika saya katakan anda sebenarnya tidak percaya kepada Allah SWT. Anda boleh marah pada saya dan saya akui saya tidak berhak langsung mempersoalkan perkara ini. Tetapi, alang-alang anda sudah memilih dan bersetuju memberi komitmen membaca perkongsian saya ini, berilah saya sedikit autoriti. Saya bukan bertujuan hendak menghakimi anda atau sesiapa. Saya cuma mahu mengingatkan sesuatu perkara yang mungkin anda telah sedia maklum, tetapi anda terlupa atau tidak sedar.

Anda sudah tahu bahawa setiap manusia dilahirkan sebagai juara dengan potensi dan bakat yang tersendiri. Kita semua adalah unik dan berbeza-beza. Kenapa? Kerana itulah kasih sayang Allah SWT untuk hamba-hambaNya. Apabila Dia membekalkan kita dengan keunikan dan perbezaan, ia membolehkan kita hidup saling sempurna menyempurnai di antara satu sama lain. Sebab itu, ada orang yang pandai memasak, menjahit, menukang rumah, mengajar, menyanyi dan sebagainya. Jika anda sedar dan percaya nilai diri anda, anda sepatutnya tidak hilang sumber rezeki untuk meneruskan kehidupan ini. Walau bagaimanapun, ramai antara kita yang tahu kebolehan masing-masing tetapi memilih tidak menggunakan kebolehan tersebut sepenuhnya.

Anda pandai memasak. Ramai orang lain juga boleh memasak. Bolehkah anda menggunakan kelebihan anda tersebut? Anda pandai menjahit tetapi ada ramai orang pula yang menjual pakaian di pasaran. Jadi, kenapa orang mahu menempah pakaian dengan anda sedangkan mereka boleh terus membeli pakaian yang telah siap di kedai? Di sinilah perlunya ilmu. Dengan ilmu perniagaan yang betul, anda berniaga apa sekalipun pasti boleh berjaya. Sebabnya, Allah itu Maha Kaya. Percayalah, jika semua orang berniaga sekalipun, tidak habis pelanggan di dalam dunia ini. Pemilik restoren juga selalu makan di restoren orang lain. Berapa ramai tukang jahit yang menempah baju keluarga mereka dengan orang lain.

Walaupun semakin ramai manusia yang mati akibat peperangan, kemalangan, faktor usia dan sebagainya, lebih ramai pula bayi yang dilahirkan saban hari. Tahukah anda sewaktu Gaza diserang pihak Zionis baru-baru ini, lebih 100 kanak-kanak telah mati syahid. Walaupun begitu, sepanjang tempoh 10 hari

peperangan tersebut, 1000 bayi lagi telah dilahirkan di bumi Gaza. Adakah fakta ini cukup untuk menguatkan kepercayaan anda bahawa Tuhan itu Maha Kaya lagi Maha Bijaksana. Apa yang perlu hanyalah sedikit keberanian, keyakinan dan usaha, Dia pasti tidak menghampakan kita semua.

Begitulah betapa pentingnya mengenali dan menguasai potensi diri anda sendiri. Jika anda tahu nilai diri anda yang sebenarnya, anda tidak perlu bergantung dengan sesiapa sekalipun. Bak kata orang tua-tua, asalkan benih itu baik, walaupun jatuh ke dalam laut, ia akan menjadi pulau. Jika anda mempunyai nilai diri, ke mana sekalipun anda pergi, cukuplah Allah Azza Wajalla sebagai peneman anda. Jangan takut dengan bayang-bayang anda sendiri. Selagi anda berusaha, pasti ada hasilnya.

*When you know your value, that's it.
You will see how much you are worth.*

7.4 Fear of Criticism – Takut Dikritik

Dan perbandingan kalimah yang buruk adalah seperti pohon yang tidak berguna, yang terjungkit akar-akarnya dari bumi; tidak ada tapak baginya untuk terus hidup.

– Surah Ibrahim, ayat 26

Zaman ini, ramai orang telah bertukar kerjaya menjadi juri awam. Dahulu kala, para juri ini hanya bersembang di anjung rumah atau di kedai-kedai kopi. Tetapi hari ini mereka menjadikan laman sosial sebagai platform penjurian mereka. Mereka ada banyak masa mengkritik dan menghakim seluruh dunia ini tanpa menyedari masalah mereka berada di hadapan mata. Apabila aktiviti mengkritik ini menjadi semakin lumrah, semudah menaipnya di telefon bimbit, anda menjadi takut

menghadapi mereka yang mengkritik, sekalipun anda berada di pihak yang benar.

Anda takut kalau-kalau orang di sekeliling anda punya pelbagai persepsi tentang apa yang ingin anda lakukan. Lebih sedih lagi jika mereka ini adalah dari kalangan ahli keluarga dan sahabat karib anda sendiri. Di dalam situasi yang melibatkan individu yang paling hampir dalam hidup, anda harus bijak menyusun strategi supaya tidak menjejaskan ikatan silatulahim yang telah lama terjalin.

Jika anda seorang anak, jangan sesekali melakukan sesuatu tanpa redha dan restu ibu bapa anda. Anda harus ingat bahawa kunci kebahagiaan dan keberkatan ialah kedua ibu dan bapa. Jika anda seorang isteri pula, jangan melakukan sesuatu tanpa izin dan redha suami anda. Jika anda seorang suami, terangkan dengan jelas kepada isteri anda apa yang anda ingin lakukan dan ambil sepenuh tanggungjawab ke atas keputusan anda itu supaya dalam sebarang kebarangkalian, isteri dan anak-anak tidak terjejas. Jika apa yang bakal anda lakukan itu adalah yang terbaik untuk anda dan orang-orang yang anda sayangi, pasti akan ada jalannya.

Anda perlu bijaksana mengasingkan kritikan yang membina dengan kritikan yang negatif atau yang menjatuhkan imej anda. Jika apa yang anda lakukan itu adalah dengan niat, tujuan dan cara yang baik, maka ketepikan sahaja semua kritikan negatif dengan berlapang dada. Anda tidak perlu membalas kritikan mereka dengan kritikan anda yang negatif juga. Anda hanya perlu abaikan sahaja kritikan mereka melainkan anda rasa bahawa kritikan tersebut adalah satu kritikan yang membina atau yang berniat positif. Anda juga perlukan sedikit kritikan

sebagai pembakar semangat supaya anda terus berusaha membuktikan diri anda. Ibu saya selalu berkata bahawa “... *yang manis itu jangan cepat ditelan, yang pahit pula jangan cepat dibuang...*” Pujian dan kritikan sebenarnya perlu di dalam kehidupan kita kerana kedua-duanya mempunyai kekuatan yang tersendiri.

Oleh itu, jangan sesekali takut dengan kritikan walau dari mana ia datang. Anggaphlah kritikan itu hanya satu cabaran menguji kekuatan dan semangat anda. Hadapilah kritikan dengan sabar dan teruslah berusaha mencapai apa sahaja yang anda impikan. Pada akhirnya nanti, kejayaan anda menjawab setiap kritikan tersebut. Pada waktu itu, anda hanya perlu tersenyum kerana setiap kesabaran lalu telah terbayar kini.

7.5 Fear of Sickness – Takut Sakit

Rasulullah SAW bersabda,

“Setiap muslim yang ditimpa musibah atau sakit, maka Allah SWT akan mengampunkan kesalahan-kesalahan dari sakitnya, sebagaimana daun-daun yang gugur daripada pokoknya.”

Hidup ini adalah satu kitaran. Ia bermula dari dalam rahim ibu, dilahirkan sebagai bayi, menjalani usia kanak-kanak, meningkat remaja, dewasa, menjadi tua sehinggalah akhirnya kita pergi meninggalkan dunia ini. Ada di antara kita yang dirahmati dengan usia yang panjang, manakala ada pula yang dirahmati dengan usia yang singkat. Jatuh sakit ialah sesuatu yang mungkin kepada sesiapa sahaja. Hari ini, kanak-kanak sekalipun boleh menghidap penyakit yang biasa dihidap oleh orang yang lebih berumur seperti, kencing manis dan darah tinggi. Jadi, tidak perlulah kita takut kepada kesakitan kerana ia memang satu proses yang pasti berlaku. Logikinya, setiap

organ yang kita gunakan di sepanjang usia kita pasti sampai tempoh tamat keupayaannya. Kematian menghampiri siapa sahaja mengikut ajalnya pada bila-bila masa. Jadi, hadapilah risiko sakit dengan tenang.

Mengapa ada di antara kita yang baru berumur 30an sudah mengeluh sakit lutut dan ada pula yang sudah menjangkau 60an masih gagah berjalan kaki. Faktor kesihatan seseorang berbeza di antara satu individu dengan yang lain. Jika kita mengamalkan gaya hidup sihat seawal usia muda, Insya' Allah kita meniti usia tua yang lebih cergas dan menggembirakan. Perhatikan apa yang anda makan hari-hari kerana itulah penyumbang utama nutrisi di dalam badan kita. Pilihlah makanan yang halal lagi baik seperti sayur-sayuran dan daging organik. Jauhi sumber makanan yang mengandungi bahan pengawet, perasa dan pewarna tiruan. Amalkan makanan sunnah seperti madu, habbatus sauda, cuka tamar, minyak zaitun, kurma, kismis dan susu kambing setiap hari. Selain itu, jadilah individu yang aktif bersenam. Bak kata pepatah, mencegah adalah lebih baik daripada berubat.

7.6 *Fear of Losing Love or Someone* – Takut Kehilangan Orang Tersayang

Berapa ramaikah antara anda yang benar-benar ingin menjadi lebih kaya dan berjaya? Jika anda benar-benar jelas dengan impian anda ini, anda harus terima kenyataan bahawa semakin anda kaya dan berjaya, anda semakin kehilangan orang-orang yang rapat dengan anda.

Perkara paling utama dalam misi mengubah kehidupan ini ialah, seseorang itu mesti mengubah sistem mindanya terlebih dahulu. Oleh itu, untuk anda mencapai impian anda, anda

berubah sedikit demi sedikit, sama ada dari sudut personaliti ataupun peribadi. Sebabnya, jika dulu anda berfikiran minda miskin, hari ini anda adalah lebih positif, bersangka baik dan kaya hati serta jiwa. Jika dahulu anda mengambil mudah banyak perkara, hari ini anda mengambil berat terhadap setiap perkara. Jika dahulu anda biarkan masa mendahului anda, tetapi hari ini anda yang berlari meninggalkan masa. Sebagai contoh, jika anda ingin meminta izin mengerjakan solat sunat Dhuha, anda pasti mendapat pandangan serong dari rakan sekerja. Rakan-taulan dan ahli keluarga mula menyindir anda. Belum lagi jika anda pula yang mengajak mereka berfikiran positif dan mengubah kehidupan kepada yang lebih baik. Saya pasti anda ditempelak. Pasti mereka menuduh anda telah terpengaruh atau diperdaya oleh seseorang. Mereka yang dahulunya rapat dengan anda mula menjauhkan diri.

Pastinya ini adalah rentetan perjalanan yang anda tempoh sekiranya anda mahu kaya dan berjaya. Adakah anda sudah bersedia menghadapi situasi ini? Bagaimana jika semua rakan sepejabat, malah seluruh jabatan di mana anda bekerja mula memulaukan anda? Bagaimana pula jika ada ahli keluarga yang mula mengejek-ejek usaha anda? Sebagai seorang manusia biasa, anda sangat memerlukan sokongan, kasih sayang dan penerimaan daripada individu-individu yang anda sayangi di sekeliling anda. Mengapa saya sangat pasti dengan perkara ini? Sebab, saya sendiri telah melaluinya dahulu.

Dalam proses mencapai impian, saya terpaksa menempuh seribu satu macam ranjau dan risiko kehilangan sokongan, kasih sayang dan penerimaan daripada orang-orang yang hampir dengan saya. Ia adalah satu pengalaman yang perit. Lebih perit lagi jika orang-orang tersebut adalah ibu bapa,

pasangan atau adik-beradik sendiri. Walau bagaimanapun, saya percaya kepada satu perkara yang saya pegang seumur hidup saya. Kata orang, patah tumbuh hilang berganti. Jika saya hilang kawan semata-mata kerana saya memilih untuk mengubah masa depan, saya redha dan tidak gentar. Biarlah seluruh dunia ini berpaling daripada saya sekalipun, asalkan kedua ibu bapa saya berada di sisi saya. Doa restu ibu bapa dan guru sudah cukup menjadi semangat menguatkan langkah saya. Saya tetap tabah. Tanpa berpaling ke belakang, saya terus mendaki tangga impian sedikit demi sedikit sehingga saya bertemu dengan rangkaian hubungan baru. Hari ini, apabila saya telah buktikan bahawa 'kegilaan' saya dahulu telah menjadi kenyataan, ramai kenalan lama telah muncul kembali ke dalam hidup saya. Hari ini, saya tidak perlu berhabis air liur menegakkan prinsip impian saya lagi kerana kejayaan dan kekayaan saya telah membuktikan segala-galanya.

Janganlah takut jika kehilangan apa yang sememangnya bukan milik anda. Pohonlah belas ihsanNya kerana Dialah yang mentadbir seluruh alam semesta ini. Jika Allah redha dengan apa yang anda lakukan, Insya' Allah bukan sahaja manusia, tetapi para malaikat pun mendoakan kejayaan anda. Sebenarnya, mereka yang memilih meninggalkan anda itu telah melakukan perkara yang betul. Mereka telah menyelamatkan anda dari terus hidup dalam dunia minda miskin yang penuh dengan prasangka buruk, prejudis dan putus asa. Anda berhak merekacipta dunia dunia anda sendiri. Pilihlah siapa yang perlu hadir di dalam dunia anda. Anda tidak memilih orang yang cintakan harta duniawi, tetapi anda mencari orang yang percaya bahawa janji Tuhan itu benar. JanjiNya bahawa kita adalah sebaik-baik kejadian. Kita dilahirkan sebagai juara menjadi khalifah demi memakmurkan dunia ini. Kenapa anda

harus sia-siakan usia anda hidup dengan serba kekurangan, menyalahkan takdir dan mencemarkan nama baik agama Islam. Islam itu tidak pernah miskin. Islam itu amat kaya dan berjaya.

Jika ibu bapa atau pasangan anda menolak impian dan usaha baik anda, carilah jalan secara sabar dan bijaksana menerangkan kepada mereka supaya mereka faham misi anda di dunia ini. Bukan salah mereka jika mereka juga sangsi dan negatif seperti orang lain. Sebenarnya, itulah kasih sayang Allah Taala yang telah memilih anda untuk menerangkan kembali kegelapan yang telah membelenggu fikiran mereka selama ini. Ibu bapa saya juga ragu-ragu dengan usaha saya pada peringkat awal kerana kedua-dua mereka merupakan pegawai kerajaan bersama semua kaum keluarga yang lain. Jadi, apabila saya menyuarakan niat hati hendak berniaga, sudah tentu saya mendapat tentangan dari mereka. Walaupun begitu, saya tidak pernah berputus asa. Saya telah terus berusaha memujuk mereka dan dalam masa yang sama bekerja kuat membuktikan bahawa saya bersungguh-sungguh di dalam apa yang saya lakukan. Akhirnya, ibu dan bapa saya faham dan redha. Hari ini, mereka adalah pendorong utama saya.

7.7 Fear of Success – Takut Berjaya

Apa yang dimaksudkan dengan takut berjaya adalah bila anda mengungkapkan kata-kata sebegini “...bila aku kaya nanti, macam mana kalau aku lupa diri...” atau “...kalau aku kaya, macam mana kalau tiba-tiba akan jatuh semula. Mesti malu...” dan “...nanti bila aku dah kaya, mesti ramai orang datang nak pinjam duit dari aku...” dan macam- macam lagi.

Sebenarnya anda takut apa yang akan terjadi sekiranya anda menjadi kaya dan berjaya. Anda berdrama sendiri dalam minda anda tentang perkara-perkara negatif yang mungkin berlaku jika anda betul-betul kaya dan berjaya. Anda pula terpengaruh dengan drama TV dan telefilem yang kononnya apabila sudah kaya dan berjaya, seseorang itu menjadi tamak haloba, sombong dan sebagainya.

Hakikatnya ialah, kita tidak tahu apa yang bakal berlaku di masa akan datang. Saya tidak pernah mengajar anda meramal masa depan. Tetapi, jika anda mahu meramal sekalipun, ramallah perkara yang baik-baik. Kenapa perkara negatif juga yang anda masukkan ke dalam minda anda? Bukankah lagi *best* jika drama anda itu, anda bayangkan anda sudah menjadi kaya dan berjaya, anda sedang membina masjid di kampung anda, anda membawa ibu bapa dan seluruh keluarga anda menunaikan haji dan umrah. Anda juga boleh bayangkan anda sedang menaja 1000 anak-anak yatim yang belajar di sekolah-sekolah tahfiz, atau cuba bayangkan anda sedang menabur wang emas di tepi jalan pekan anda, ala-ala cerita Ali Baba Bujang Lapok.

Jangan salahkan realiti jika anda yang memilih untuk menanam bayangan-bayangan negatif di dalam minda anda. Anda sebenarnya tidak sedar bahawa apa yang anda percaya, itulah yang akan terjadi. Jika anda takut kepada perkara yang belum berlaku, saya cadangkan lebih baik anda berdoa supaya anda mati cepat. Saya minta maaf! Kasar bahasa saya, tetapi fikirkan perkara ini baik-baik. Anda masih belum lagi kaya, tetapi anda sudah bersangka macam-macam. Anda sebenarnya bersangka buruk terhadap Allah SWT, apabila anda berputus asa sebelum berusaha. Jika anda memilih mencari harta demi redha Allah, kenapa anda harus takut akan lupa diri. Anda takut terpengaruh

atau anda takut orang boleh rompak iman anda?

Sabda Rasulullah SAW,

“Sebaik-baik sedekah itu bahawa mempelajari seseorang Islam akan Ilmu, lalu diajarkanya pula kepada saudaranya.”

– Ibnu Majah

Jika anda jaga hati, dan jaga perhubungan anda dengan yang Maha Suci, kenapa pula anda perlu takut atau lupa diri? Anda takut jika anda kaya dan berjaya, orang ramai beratur di hadapan rumah anda setiap hari meminta bantuan anda. Kalau betulpun, bantulah mereka. Apa yang hendak ditakutkan. Lagi banyak anda memberi, lagi banyak Tuhan membayar balik secara berlipat kali ganda. Tidak percaya? Semak semula rukun iman anda. Maafkan saya, saya bukan ustaz dan tidak ada tauliah untuk berdakwah. Tetapi, apabila saya mati nanti, saya pasti dipersoalkan. Jadi, saya perlu lunaskan tanggungjawab saya sekarang kepada anda semua. Sekurang-kurangnya, di sana nanti saya boleh jawab bahawa saya sudah menulis buku, terbitkan dan jual. Saya juga telah menyampaikan beberapa patah dari ilmuNya melalui seminar-seminar saya dan buku ini. Jadi, teruslah membantu sesiapa yang meminta jika anda mampu.

Sebab itu saya berasa aneh apabila ada manusia yang takut kepada kejayaan. Anda sebenarnya bukan tidak mahu berjaya. Anda hanya mencari alasan cuba untuk menyedapkan hati anda dan menipu diri sendiri, kononnya hidup anda hari ini ialah ok. Fikirlah sendiri sedalam-dalamnya. Jika anda pilih untuk takut dengan drama melayu yang anda arahkan sendiri itu, teruskanlah.

Orang berjaya memilih mencipta masa depan mereka sendiri. Mereka tidak benarkan sesiapa pun mencorakkan kehidupan mereka. Jika mereka berjaya, itu adalah usaha mereka. Jika mereka gagal pula, itu bermakna mereka masih perlu belajar dan terus berusaha lagi. Pilihlah benih yang mahu anda tanamkan dalam minda anda. Jika baik benihnya, maka baiklah hasilnya. Begitulah juga sebaliknya. Fikir-fikirkanlah.

7.8 *Fear of Being Alone* – Takut Keseorangan

Anda takut bersendirian? Apa yang anda perlu lakukan apabila takut bersendirian adalah angkat tangan dan jerit sekuat hati anda “tolong saya”. Sebenarnya sangat senang untuk anda mendapat bantuan dan sokongan. Sangat ramai orang di luar sana yang sudi dan teringin menemani anda. Tetapi, bantuan dan sokongan yang bagaimana anda mahukan? Itu yang penting. Ingat, dalam dunia ini ada pelbagai jenis manusia. Ada yang *opportunist* atau pandai mengambil kesempatan dan ada yang pandai memutar belit atau *manipulative*. Tiada salahnya dengan mereka ini, cuma pastikan mereka ini sesuai dengan situasi anda supaya perhubungan itu memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak.

Di dalam situasi tertentu kadangkala saya rasa lebih baik jika anda sendirian daripada dikelilingi oleh orang yang anda tidak pasti motifnya. Saya mahu anda ubah persepsi bahawa berada keseorangan itu bukan sesuatu yang harus anda takut. Apa yang penting adalah anda mendapat sokongan penuh dari ahli keluarga dan individu yang dekat dengan anda. Percayalah, seiring dengan perjalanan masa, anda pasti membina jaringan kenalan yang positif sama ada di dalam industri anda mahupun industri yang lain. Kematangan pengalaman anda membantu anda menyesuaikan situasi anda dengan lebih bijak lagi, di

dalam membuat penilaian.

Saya sendiri tidak pernah menghakimi sesiapa pun kerana saya sangat tahu bahawa itu bukan hak saya. Cuma saya juga sangat tahu bahawa saya berhak memilih siapa yang layak berada di dalam lingkungan dunia saya. Memang ada masanya saya juga bersendirian. Isteri saya sendiri kadang-kadang tidak bersetuju dengan saya tentang perkara-perkara tertentu. Tetapi, berbalik kepada asal tujuan mengapa kita buat apa yang kita buat hari ini, saya tetap berlapang dada. Saya percaya, jika saya di landasan yang betul, isteri saya pasti kembali menyokong saya.

Oleh itu, jangan takut untuk bersendirian tanpa sokongan manusia asalkan anda tidak keseorangan tanpa sokonganNya. Jangan lupa, Dialah yang mentadbir seluruh semesta ini. Berdoalah kepadaNya semoga anda dipertemukan dengan rakan-rakan yang bersama-sama saling sokong-menyokong di dalam perjuangan ummah membina ekonomi negara ini.

7.9 *Fear of Aging* – Takut Tua

Isteri saya sering merungut bahawa uban-uban di rambut saya semakin menyubur. Saya cuma ketawa dan berkata bahawa uban itu adalah tanda kematangan dan kebijaksanaan saya. Inilah hakikat kehidupan. Kita lahir di dunia, membesar, menjadi semakin tua, jatuh sakit dan akhirnya kita meninggal dunia. Hidup ini tidak ubah seperti satu proses dan suburnya uban di kepala saya ini adalah sebahagian petanda daripada proses kematangan dalam hidup saya. Apa yang pastinya ialah kita semua akan meninggalkan dunia ini. Sama ada kita sempat tua atau tidak, itu rezeki individu. Jadi, kenapa kita perlu takut tua. Syukurlah jika kita dapat merasa usia tua. Syukur seandainya kita dapat melihat wajah kita di usia tua. Semua

itu adalah bukti kebesaran Tuhan. Kenapa harus takut? Jika hati kita cantik, maka wajah kita tetap cantik walaupun telah dimamah masa.

Memikirkan apa yang terjadi di usia tua nanti mungkin menyeramkan sedikit. Agaknya, anak-anak kita masih sudikah untuk menjaga kita? Adakah kekayaan yang kita himpun di masa muda dulu membantu kita nanti? Bagaimana pula agaknya ekonomi negara? Berapa tinggikah nilai kadar inflasi pada masa itu?

Oleh itu, adakah berbaloi jika anda menghabiskan usia anda dengan hanyut dalam bayangan ketakutan yang anda sendiri tidak pasti. Memandangkan anda pun tidak tahu bila temujanji anda denganNya, jadi apakah yang boleh anda lakukan ialah hadapi setiap saat dengan tenang. Suka atau tidak, masa tetap berlalu pergi. Kita tidak boleh menghentikan detik waktu. Cara yang terbaik mengatasi ketakutan adalah dengan anda menghadapinya. Jadi, hadapilah hari-hari anda dengan tabah. Kita memang tidak tahu apa yang bakal berlaku di usia tua kita kelak, tetapi kita boleh merancang untuknya. Sebab itu, carilah ilmu hari ini bagaimana untuk anda jadi bebas kewangan (*financial freedom*) supaya jika lanjut usia anda nanti, anda dapat harunginya dengan baik tanpa perlu bergantung kepada sesiapa pun. Jangan lupa menjaga kesihatan anda sebab walaupun kekayaan boleh memastikan anda mendapat rawatan kesihatan yang terbaik, tetapi kekayaan tidak mungkin boleh mengembalikan kesegaran dan kecergasan tubuh badan anda. Ia satu nikmat yang tidak boleh digalang ganti. Jadi, jangan takut menghadapi usia tua. Anda cuma perlu lebih bersedia.

7.10 *Fear of Death* – Takut Mati

Saya berpendapat bahawa semua orang yang waras pasti mempunyai rasa takut untuk mati. Kematian ibarat satu noktah yang mengakhiri perjalanan hidup di dunia ini. Noktah itu menjadi tanda tamatnya segala tanggungjawab dan hak kita sebagai seorang manusia dan hamba Allah. Kematian bukan setakat terhentinya nyawa dari badan tetapi kematian juga ialah jambatan kita lahir semula ke dunia lain yang lebih kekal.

Sepanjang saya menuntut ilmu agama, lazim saya mendengar bahawa kematian itu amat sakit sekali. Setahu saya, sakit yang paling menyakitkan di dalam dunia ini adalah menghadapi sakaratul maut. Mungkin kerana itu kita takut menghadapi kematian. Agama kita juga turut membahaskan perjalanan roh selepas kematian dan selalunya, apa yang ditekankan pastinya sesuatu yang dahsyat dan mengerikan. Ini menambahkan lagi ketakutan kita menghadapi kematian. Tetapi, kita juga belajar berkenaan nikmat yang bakal menanti kita di hari Pembalasan kelak, jika kita kembali dengan bekalan yang cukup. Bukankah hidup kita hari ini ibarat seorang petani yang bertungkus-lumus bercucuk tanam untuk menuai hasilnya di kemudian hari.

Setiap impian yang anda bina dan capai di dalam hidup anda di dunia ini adalah merupakan bekalan yang anda bawa apabila anda kembali kepadaNya kelak. Jangan buang masa anda dengan sia-sia. Anda tidak boleh lari dari kematian. Semakin anda menjauhkan diri, semakin rapat pula kematian itu mengejar anda. Jadi, kenalilah erti kematian sedalam-dalamnya. Bak kata orang, tidak kenal maka tidak cinta. Hanya selepas kita faham tentang erti kematian, maka kita sedar bahawa mati itu sebenarnya adalah satu nikmat. Mati merupakan satu jambatan impian bagi mereka yang kasih

kepadaNya kerana tidak sabar hendak menatap wajah Allah yang Maha Hidup. Semoga kekayaan dan kejayaan yang kita bina hari ini terus menjadi kebajikan yang menyalurkan pahala tanpa henti kepada kita di hari pembalasan kelak.

Selagi kita masih punya masa untuk hidup, selagi itulah kita berpeluang menentukan bagaimana kehidupan kita selepas mati nanti. Perjalanan hidup ini adalah merupakan satu pilihan. Kita mungkin tidak boleh menentukan bila kita mati, tetapi kita masih boleh mencorakkan bagaimana kita hidup di dunia ini untuk menjamin kehidupan yang lebih bahagia selepas kita mati nanti. Sedikit peringatan daripada saya, buat anda semua dan diri saya sendiri. Dunia ini hanyalah jambatan untuk kita menuju ke alam yang kekal dan abadi. Jika kukuh jambatan yang kita bina, maka mudahlah perjalanan kita. Tetapi jika jambatan yang kita bina tidak kuat, maka sulitlah perjalanan kita ke akhirat nanti. Anda pilihlah...

Katakanlah wahai Muhammad; Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami.

Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan kepada Allah jualah kami bertawakkal.

– Surah At-Taubah, ayat 51

7.11 Fear of Losing – Takut Kehilangan Sesuatu

Sebelum ini saya telah menyentuh tentang rasa takut kehilangan kasih sayang, sokongan ataupun seseorang. Dalam topik ini saya lebih menekankan kepada rasa takut kehilangan sesuatu yang lebih berbentuk material. Sebagai contoh, bagi anda yang sangat mementingkan kesempurnaan, kemungkinan terlepas sesuatu projek itu adalah umpama satu mimpi ngeri bagi anda. Kadang-kadang, individu seperti ini takut kepada perkara-

perkara yang masih belum berlaku. Mereka takut jika apa yang mereka rancang tidak menjadi seperti yang sepatutnya. Ada juga yang takut kehilangan kuasa dan status yang sedang mereka sandang selama ini. Ketakutan ini hanya memberikan tekanan yang menyebabkan anda hilang rasional.

Anda pernah melihat pegawai tinggi dalam jabatan anda yang selalu marah-marah tanpa sebab? Atau mungkin anda sendiri yang mengalami situasi demikian? Anda mudah rasa takut kepada sesuatu yang tidak pasti kerana bagi individu yang mementingkan kesempurnaan, semua perkara mestilah berjalan mengikut aturan dan perancangan anda. Jadi, bagaimana hendak menghadapi situasi begini?

Bagus jika anda seorang yang suka meletak *target* dalam apa sahaja yang anda lakukan. Tetapi, jika *target* anda itu yang menjadi duri dalam hidup anda, bermakna ada sesuatu yang tidak kena. *Target* haruslah berfungsi sebagai satu parameter untuk mencapai kejayaan dan bukan menjadi punca tekanan dan ketakutan. Sama ada kita berjaya atau gagal dalam mencapai impian bukan hak kita tetapi, Dia yang Maha Berkuasa yang menentukan. Hak kita ialah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan janji Allah Taala ialah, jika kita berusaha kita pasti berjaya.

Kehilangan satu projek atau kegagalan dalam satu misi, bukan ukuran anda gagal dalam hidup keseluruhannya. Dalam banyak hal, kita perlu gagal sebelum berjaya. Oleh itu, anda hanya perlu buat yang terbaik dan bertawakkal. Hiduplah dengan bebas. Jika anda berjaya sekalipun, kejayaan itu hanyalah pinjaman dan ujian dariNya dan boleh diambil semula. Begitu juga jika anda gagal. Itu juga satu nikmat yang

boleh menjadikan anda lebih tekun dan bersabar sehingga anda berjaya. Campakkan ketakutan anda jauh-jauh dan bersangka baiklah kepada kehidupan ini kerana apabila anda percaya apa yang anda percayai, itulah yang akan terjadi. Pilihlah apa yang anda ingin percayai.

7.12 Bagaimana Trauma Manusia Tercipta

Ketakutan atau trauma berlaku kerana anda masih lagi duduk di dalam sistem minda yang lama. Pengalaman pahit anda di masa lampau, seakan-akan merantai anda dari keluar ke dalam paradigma yang baru. Hasilnya, anda lebih senang memilih duduk di takuk yang sama sekalipun ianya sempit dan gelap asalkan, anda merasa 'selamat'. Sebagai contoh, anda pernah melalui kegagalan yang pahit, dan ia ibarat satu luka dalam, yang meninggalkan kesan di hati anda sehingga ke hari ini. Jadi, setiap kali anda ingin melakukan sesuatu, anda pasti teringat luka lama yang tidak sembuh-sembuh itu lagi. Kesakitan itulah yang menghentikan anda daripada bertindak mencapai impian anda sekalipun anda sedar bahawa sedikit penyesuaian ke atas pengalaman kegagalan lalu itu, boleh memberi peluang untuk anda berjaya mencapai kejayaan.

Selain itu, ketakutan dan trauma juga boleh berlaku disebabkan kegagalan seseorang itu menerima hakikat kehidupan ini. Sebagai contoh, setiap pertemuan pasti ada perpisahan. Jadi, ada individu yang takut mempunyai pasangan hidup sematamata kerana takut suatu hari nanti, dia mungkin dikecewakan. Kadang-kadang, anda jadi trauma sesuatu yang bukan kerana kisah silam anda atau kerana anda takut menghadapi kebenaran, tetapi ketakutan itu hadir kerana anda menyaksikan kisah hidup orang lain. Contohnya, anda melihat bagaimana jiran sebelah rumah terpaksa bergolok gadai kerana gagal

dalam bisnes dan anda pula yang merasa takut berbisnes.

Lihatlah di sekeliling dan perhatikan bagaimana persekitaran anda mempengaruhi tingkah laku anda. Setiap hari pasti ada peristiwa yang berlaku yang meninggalkan kesan ke dalam minda anda. Malah, masyarakat kita sendiri gemar membudayakan konsep takut ini ke dalam kehidupan seharian mereka. Di dalam institusi kekeluargaan, anak-anak diterapkan dengan konsep takut kepada ibu bapa atau orang yang lebih tua. Di sekolah pula, para pelajar dididik supaya takut kepada guru disiplin. Apakah bentuk generasi yang sedang kita bina sebenarnya? Kita cuba melahirkan generasi yang menurut kata kerana takut dan bukan kerana hormat atau memahami serta menghargai sesuatu prinsip itu. Jadi, jika anak bangsa kita tidak menyerlah dan tidak berdaya saing, salah siapakah itu?

Lebih kurang 20 tahun dahulu, tidak ada seseorang pun yang bercakap mengenai apakah itu sistem minda serta faedahnya. Hari ini, buku-buku barat dan seminar antarabangsa serta tempatan sudahpun mula membahaskan berkenaan sistem minda serta kekuatannya. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan di Malaysia masih belum mengambil inisiatif menerokai subjek ini. Sebab itu, saya memilih wadah ini untuk berkongsi dengan anda betapa ruginya masyarakat Malaysia yang masih hidup di dalam kemiskinan minda yang teramat sangat. Anak-anak kita membesar dengan ketakutan yang diprogramkan ke dalam minda mereka sejak mereka masih di dalam rahim ibu masing-masing. Tetapi, ini bukan salah mereka dan bukan juga salah ibubapa atau guru kerana mereka juga merupakan mangsa kepada budaya suka menakut-nakutkan ini dari dahulu lagi.

Berita gembiranya ialah saya telah jelaskan kepada anda semua apakah itu ketakutan dan trauma serta bagaimana anda boleh mengawal dan mengatasinya. Mungkin penjelasan saya ini terlalu asas dan umum, maklumlah saya bukannya seorang pakar psikologi. Walau bagaimanapun, saya yakin ia sudah memadai untuk membantu anda memahami konsep-konsep tertentu.

Apa yang paling penting sekarang adalah saya mahu anda bangkit dan keluar dari dunia anda yang lama. Tinggalkanlah semua ketakutan anda di belakang. Kalau anda masih memilih untuk takut, takutlah pada satu perkara sahaja iaitu kepada Dia yang Maha Pengasih lagi Maha Sempurna. Selainnya, selagi apa yang anda buat tidak melanggar hukum-hakam agama dan undang-undang negara, maka teruskanlah usaha anda itu.

Fokus kepada apa yang anda mahukan. *When u focus, what u focus will expand.* Apabila anda memandu, adakah anda sedang fokus untuk mengelak kereta di laluan kiri dan kanan atau anda fokus untuk sampai ke destinasi dengan selamat? Jika anda asyik fokus dan berfikir tentang kereta yang banyak meluncur di kiri kanan anda, potensi anda terlibat dalam kemalangan adalah sangat tinggi. Sebaliknya, jika anda fokus untuk sampai ke destinasi anda dengan selamat, anda memandu dengan tenang dan sampai ke tempat yang dituju tanpa anda sedari. Anda faham maksud saya? Apabila anda berlari atau berjalan di atas *treadmill*, adakah anda berlari sambil fokus yang anda mungkin terjatuh, tersembam di atas lantai treadmill dan muka anda tercedera? Atau anda berlari sambil fokus kepada matlamat anda untuk berjaya menguruskan badan?

7.13 Kembali ke Zaman Superman Kecil

Apa kata kita kembali ke zaman kanak-kanak dahulu. Zaman di mana kita berani melakukan apa sahaja. Zaman di mana kita punya banyak impian dan cita-cita. Waktu itu, kita tidak takut pada apa-apa. Kita panjat tangga, panjat pokok dan apa-apa sahaja yang menarik perhatian kita. Waktu itu, kita tidak takut dengan deras air, kita terjun sahaja ke dalam sungai itu. Kita juga tidak takut untuk berangan-angan, sambil menjerit, melaung “...Akulah Superman..!” Itulah zaman tatkala minda kita tidak mempunyai sempadan. Kita yakin dan percaya pada diri kita sendiri sahaja. Cuba anda fikir sejenak, di mana agaknya sifat ketakutan itu telah mula ditanamkan dalam diri anda.

Sekarang, saya mohon anda semua luangkan sedikit masa untuk anda buat latihan ini bersama-sama saya. Pejamkan mata anda dan bayangkan anda sewaktu berusia 5 tahun. Bayangkan anda seorang kanak-kanak yang ceria, riang, berani dan aktif. Anda berlari ke sana sini, bermain dengan kawan-kawan di halaman rumah. Anda sangat gembira meneroka dunia baru anda. Tetapi, sesuatu yang menyedihkan telah berlaku. Anda pilih sendiri apakah peristiwa masa silam anda yang masih meninggalkan kesan dalam hidup anda sehingga ke hari ini. Saya pasti setiap seorang daripada kita mempunyai kisah tersendiri. Satu situasi yang membuatkan anda rasa rendah diri, menggeletar dan berpeluh-peluh ketakutan. Bawa kembali memori ini ke dalam minda anda.

Sekarang, bayangkan pula anda yang sudah dewasa ini sedang menghampiri anda yang masih berusia 5 tahun itu tadi. Anda peluk diri anda yang kecil itu sambil berkata kepadanya, tidak ada apa yang harus ditakutkan. Semuanya baik-baik sahaja. Beritahu juga kepadanya bahawa anda sentiasa berada bersama

untuk melindunginya.

Buka mata anda sekarang, duduk diam sebentar dan cuba selami apa yang anda rasakan. Saya pasti anda beremosi sedikit dan mungkin merasa sedih bercampur lega. Ambil masa anda untuk kembali tenang.

Latihan yang kita buat sebentar tadi ialah satu proses untuk mengreset minda kita. Saya telah bawa anda kembali ke masa lampau anda mengikuti memori lama yang tidak pernah padam dari dalam sistem minda anda. Kemudian kita telah masukkan satu babak baru (apabila anda yang sudah dewasa ini menenangkan anda yang masih kecil tadi) supaya minda anda sekarang mula percaya kepada perkara yang berlainan. Ini bermakna, dalam sistem yang lama, minda anda percaya bahawa dia telah merasa takut. Jadi, apabila anda melakukan sedikit *interruption* melalui proses visualisasi, minda anda mula mempercayai bahawa anda tidak lagi perlu merasa takut.

7.14 Zon Selesa Adalah Zon Ngeri Anda

Adakah anda hidup di dalam zon yang selesa? Cuba semak sama ada anda pernah mengalami situasi di bawah ini;

- Anda masih bekerja makan gaji dengan syarikat yang sama sekalipun setiap hari anda mengutuk bos anda?
- Anda masih kekal dengan gaya hidup yang sama sekalipun anda tahu yang saiz baju anda tidak lagi ada dijual di kedai-kedai biasa?
- Anda berbangga dengan berapa ramainya anak anda sedangkan anda sentiasa menanti-nanti untuk bekerja di luar daerah selama beberapa bulan?

- Apabila anak-anak meminta dibelikan mainan, anda kata jangan membazir. Tetapi wang subsidi kerajaan yang diperuntukkan untuk mereka, anda yang gunakan?

Mungkin anda tidak berada di dalam mana-mana situasi di atas atau mungkin situasi anda lebih berat dari itu lagi. Tetapi, apakah yang anda harus lakukan? Adakah anda terus kekal di situ, berganjak sedikit dan kembali ke tempat asal atau anda betul-betul bertindak untuk berubah.

Sebenarnya anda takut untuk keluar dari zon selesa. Bagi saya, ketakutan ini adalah yang paling merbahaya kerana individu yang memilih untuk kekal dalam keselesaan ialah individu yang telah menipu diri sendiri. Anda sebenarnya takut untuk berubah. Anda takut mengambil risiko untuk berubah. Anda lebih sanggup terus hidup bertahun-tahun lamanya semata-mata untuk tetap kekal 'selamat'.

Cuba anda audit masa-masa yang sudah berlalu, betapa anda hidup dalam dunia yang penuh kepura-puraan. Anda selesa dengan serba kekurangan. Anda kata, ramai lagi yang lebih susah dari anda. Kasihan anak-anak anda. Mereka menjadi mangsa kepada zon selesa anda. Kasihan orang tua anda, mereka juga mangsa dunia 'selamat' anda. Jikalau ibu anda sedang menderita kesakitan, suruhlah dia bersabar dan bawanya ke hospital kerajaan. Ibu anda pun selama ini telah hidup dalam serba sederhana, jadi kenapa hari ini dia perlu diberi layanan istimewa dan luar biasa? Betulkan!

Berilah peluang kepada diri anda melihat apa yang ditawarkan oleh dunia ini. Jika anda tidak mahu berlaku adil kepada anak atau ibu bapa anda sekalipun, berlaku adillah kepada diri anda

sendiri. Kekal hidup di takuk lama sebenarnya satu kezaliman terhadap diri sendiri kerana setiap seorang daripada kita telah dikurniakan potensi tersendiri yang berbeza-beza. Janganlah dibiarkan ia sia-sia begitu sahaja. Betul, tidak ada perkara yang senang dalam hidup ini. Makan pun susah, mesti disuap, mesti dikunyah baru boleh ditelan. Bukannya boleh kenyang dengan tiba-tiba. Cuba lihat bagaimana anak-anak kecil belajar menyuap makanan. Mereka mula dengan kegagalan demi kegagalan sehinggalah akhirnya mereka berjaya. Beritahu saya, berapakah umur anak-anak anda mula belajar makan sendiri dan pada umur berapa pula mereka boleh makan dengan baik dan sempurna? Bukan sehari, ataupun setahun malah, ada kanak-kanak yang sudah bersekolah pun masih makan berterabur. Tetapi tidak pula anak kita berputus asa untuk makan.

Beginilah proses kehidupan. Kita mencuba, kita berusaha, kita *adjust*, kita perbaiki, kita konsisten dan akhirnya kita pasti berjaya. Risiko bukanlah sesuatu yang harus anda takuti, sebaliknya pelajari dan fahami semua risiko yang mungkin anda hadapi. Ilmu boleh menyelamatkan anda dalam banyak perkara. Sebab itu agama kita sangat menyuruh kita menimba ilmu. Jika anda mahukan akhirat, anda perlukan ilmu. Jika anda mahukan dunia, anda juga perlukan ilmu. Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang diamalkan. Itulah namanya TINDAKAN.

“There are costs and risks to a program of action, but they are far less than the long-range risks and costs of a comfortable inaction.”

– John F Kennedy

Pecahkanlah zon selesa anda. Tawan rasa takut anda. Takut itu tidak pernah wujud. Ia tidak berbentuk fizikal. Ia hanyalah satu mainan perasaan. Jadi, bangunlah, bertatih, berjalan dan kemudian berlailah. Tuju destinasi dan genggamlah impian anda. Tiada siapa yang boleh melarang anda dari mencapai kejayaan melainkan diri anda sendiri. Ingat, selesa di dunia tidak menjanjikan keselesaan di akhirat. Anda masih ditanya kenapa dibiarkan kudrat empat kerat anda tidak digunakan. Anda masih ditanya kenapa akal yang bijak anda dibiarkan berkarat.

BAB 8 LAPAN

Keperluan Manusia Untuk Berjaya

Selain daripada ilmu pemasaran dan jualan, saya juga sangat minat mengkaji berkenaan perangai dan sikap manusia yang pelbagai. Sebagai seseorang yang ingin menjadi pakar di dalam pemasaran dan jualan, memahami emosi dan karakter orang di sekeliling adalah sangat penting. Sebab itu, ahli perniagaan yang bijak, memikat hati pelanggan bukan dengan menjual produk, tetapi dengan mengeksploitasi emosi mereka. Saya kongsiikan di sini salah satu dari pelbagai kaedah profiling yang boleh membantu anda, mengenali dan memahami karakter dan emosi anda sendiri termasuk individu-individu terdekat di sekeliling anda.

Setiap manusia mempunyai keutamaan dan fokus yang berbeza untuk berjaya, yang mana setiap keutamaan dan fokus ini membentuk keperibadian mereka yang tersendiri. Ada antara kita yang fokus kepada kestabilan, ada pula yang fokus kepada perhubungan dan kasih sayang sementara ada pula yang memilih sumbangan ataupun pembangunan/perkembangan. Kepelbagaian fokus ini saya namakan sebagai Keperluan Kejayaan Manusia. Setiap keutamaan dan fokus ini menjadi satu keperluan untuk kejayaan, bukan setakat garis ukur sahaja. Kita perlu untuk rasa stabil, rasa penting, rasa disayangi dan sebagainya. Keperluan-keperluan inilah yang

mendorong seseorang itu dalam mengharungi, membina serta mencapai impian masing-masing.

Terdapat 6 jenis keperluan untuk manusia berjaya seperti di bawah ini:

Need of Certainty

– Keperluan Kepada Sesuatu Yang Pasti

Need of Uncertainty

- Keperluan Kepada Sesuatu Yang Tidak Pasti

Need of Significance

- Keperluan Kepada Signifikan

Need of Connection or Love

– Keperluan Kepada Perhubungan Kasih Sayang

Need to Grow

– Keperluan Untuk Membangun

Need of Contribution

– Keperluan Untuk Menyumbang

8.1 *Need of Certainty* – Keperluan Kepada Sesuatu Yang Pasti

Sesetengah manusia sangat inginkan kestabilan dan jaminan dalam semua aspek kehidupan mereka. Sebagai contoh, mereka mahukan perhubungan yang stabil serta kedudukan kewangan yang selamat. Dari aspek kerjaya pula, mereka mahukan pekerjaan yang kukuh dan terjamin. Individu yang tergolong dalam kategori ini suka kepada sesuatu yang pasti Mereka sangat *straight forward* dan tidak gemar kepada cabaran, apatah lagi kejutan. Mereka mahu apa yang berlaku adalah seperti apa yang telah mereka rancang. Minda mereka diprogramkan untuk menerima setiap perkara menurut turutan kelaziman dan mereka tidak selesa dengan perubahan.

Jika dalam aspek kerjaya, mereka lebih cenderung bekerja di dalam institusi yang besar dan kukuh. Jika kita lakukan sedikit *survey*, rata-rata penjawat awam terdiri daripada mereka yang menjadikan kestabilan dan jaminan sebagai fokus dan keutamaan. Mereka mahukan kerjaya yang boleh menjanjikan jaminan masa depan mereka sehingga mereka bersara wajib. Sebab itu individu-individu seperti ini lazimnya menjadikan sektor awam sebagai sasaran hidup mereka, sekalipun jawatan yang disandang hanyalah sebagai buruh am. Mereka ini tidak mengejar gaji yang lumayan atau hidup yang mewah. Mereka hanya mahukan *security* dan jaminan bahawa mereka mempunyai pendapatan selepas bersara.

Keutamaan kepada jaminan dan kestabilan bukan penghalang bagi mereka untuk menceburi bidang perniagaan. Cuma bezanya mereka dengan ahli perniagaan yang lain, mereka lebih selesa dengan bisnes yang berkonsep konvensional dan *straight forwards* seperti perusahaan dobi, kedai runcit dan restoran makanan. Perniagaan seperti ini selalunya mempunyai pasaran yang tetap dan sistem yang standard untuk tempoh yang lama. Sebab itu apabila kita perhatikan, mereka ini berniaga seperti kerja makan gaji. Mereka selesa dengan pendapatan tertentu yang mereka perolehi, asalkan mereka dapat membayar sewa kedai, gaji pekerja dan cukup untuk keperluan hidup seharian.

Apa yang penting bagi mereka ialah mereka sentiasa mahu berada di atas di dalam apa-apa keadaan sekalipun. Maksudnya, mereka mahu semua perkara berada di dalam kawalan dan bidang kuasa mereka. Mereka jarang menyerahkan tanggungjawab kepada orang lain, melainkan mereka sangat percaya kepada orang tersebut. Ini ialah kerana mereka tidak sukakan perubahan dan tidak gemar mengambil risiko. Mereka

mudah selesa dengan pencapaian mereka selama ini dan tidak meletakkan impian yang lebih tinggi. Bukan kerana mereka tidak ingin menjadi lebih berjaya, cuma mereka tidak selesa dengan ketidakpastian dan merisikokan pendapatan mereka walaupun sedikit.

Begitu juga dalam perhubungan, mereka tidak berkawan atau bercinta tanpa hala tujuan. Jika mereka meminati seseorang, mereka berterus terang dan fokus membawa perhubungan tersebut ke peringkat seterusnya. Sangat beruntung jika anda mendapat pasangan yang mengutamakan jaminan dan kestabilan dalam perhubungan. Walau bagaimanapun, mereka ini tetap setia dan kekal dalam perhubungan sekalipun mereka tidak bahagia sebab mereka takut jika rumahtangga atau perhubungan mereka itu runtuh, hidup mereka tidak terjamin lagi. Seperti juga di dalam aspek kerjaya, mereka tidak mementingkan berapa banyak pendapatan yang diperolehi setiap bulan, asalkan mereka punya gaji tetap yang cukup. Dalam perhubungan pula, apa yang penting ialah mereka mempunyai pasangan dan berkeluarga. Ini kerana mereka percaya bahawa itulah sistem kehidupan yang harus dilayari oleh semua manusia yang normal.

Memandangkan karakter yang dibina adalah berdasarkan keperluan mendapatkan kestabilan dan jaminan, mereka ini rata-ratanya bersikap sangat berhati-hati, bertanggungjawab, penyabar, setia, sederhana dalam hidup, sukakan *security* dan kehidupan yang teratur. Pada sudut yang berbeza pula, mereka ini sedikit negatif kepada perubahan dan cabaran, mudah berpuas hati, tidak berimpian tinggi dan suka kepada keselesaan. Jika anda berada di dalam golongan ini, anda jelas sekarang di manakah kekuatan dan kelemahan anda. Tiada

sesiapa antara kita adalah sempurna. Paling penting, kita kenal di manakah kelemahan dan kekurangan kita supaya kita boleh memperbaikinya untuk menjadi individu yang lebih baik lagi serta dapat menyumbang kembali kepada masyarakat.

8.2 *Need of Uncertainty* – Keperluan Kepada Sesuatu Yang Tidak Pasti

Berbeza dengan kumpulan manusia di atas, mereka yang berada di dalam kategori ini pula sukakan kehidupan yang pelbagai. Variasi, dinamik dan berwarna-warni adalah satu keperluan bagi mereka. Berada di satu tempat dan situasi dalam jangka masa yang lama boleh menjadikan mereka bosan dan gila. Dalam aspek kerjaya, sama ada bekerja atau berniaga, mereka sukakan cabaran. Begitu juga dengan kehidupan peribadi, mereka sukakan pelbagai corak aktiviti menghiasi hidup mereka. Mereka ini mempunyai pelbagai prinsip hidup yang boleh bertukar-tukar mengikut kesesuaian masa dan boleh menerima pelbagai pandangan mengenai sesuatu perkara.

Tidak suka kepada rutin dan menjadikan cabaran sebagai motto hidup menyebabkan perniagaan menjadi pilihan kerjaya yang terbaik mereka. Terlibat di dalam perniagaan boleh menyebabkan seseorang itu belajar mengawal emosi dan tekanan, menghadapi risiko, memahami dan menyusun strategi serta melatih minda menjadi kreatif dan pantas. Semua elemen ini ialah 'makanan' bagi mereka yang menjadikan kepelbagaian atau ketidakpastian sebahagian daripada keperluan hidup. Mereka boleh menjawat jawatan awam ataupun swasta, tetapi mereka sentiasa menasaskan jawatan yang berkedudukan lebih tinggi dan menyumbang secara langsung kepada syarikat. Mereka tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian mereka dan sentiasa cuba memperbaiki diri supaya mereka boleh

mendaki ke posisi yang lebih tinggi dalam kerjaya.

Di dalam perhubungan pula, mereka ini melihat perhubungan dan institusi keluarga bukan sekadar untuk memenuhi tuntutan hidup sahaja, tetapi lebih daripada itu, mereka mahukan kasih sayang dan kebahagiaan. Oleh itu, mereka sangat kreatif, penuh dengan aktiviti serta kejutan untuk memastikan kedua-dua elemen penting ini sentiasa segar dalam perhubungan mereka.

Semak diri anda, sama ada anda memiliki ciri-ciri seperti di atas. Semua ciri-ciri ini adalah sikap yang positif dan sangat membina. Sifat dinamik dan kreativiti menjadikan anda seorang yang berdaya saing dan tidak pernah kenal erti penat. Inilah kelebihan mereka yang sukakan kepada kepelbagaian dan ketidakpastian di dalam hidup. Walau bagaimanapun, berhati-hatilah dengan fokus anda. Minat anda melakukan bermacam-macam perkara adalah sangat bagus tetapi tanpa fokus, anda tidak mungkin dapat mencapai apa-apa kejayaanpun. Kesibukan anda boleh mengalihkan perhatian anda dari perkara yang sepatutnya anda utamakan kepada perkara lain yang tidak beberapa penting. Nasihat saya untuk individu yang berada dalam kategori ini ialah, rancanglah apa yang anda ingin lakukan terlebih dahulu sama ada urusan kerjaya, peribadi mahupun keluarga. Lakukan sesuatu perkara satu persatu dan pastikan supaya sasaran anda dicapai terlebih dahulu sebelum beralih kepada perkara yang lain.

Anda juga harus belajar bersabar dan beristiqamah di dalam melakukan satu-satu perkara kerana sikap sukakan kepelbagaian boleh menyebabkan anda cepat berpindah dari satu perkara kepada satu perkara yang lain dengan sangat cepat. Di dalam perhubungan, contohnya, anda mungkin

mempunyai pasangan yang tidak serupa dengan keperluan kejayaannya anda. Jadi, janganlah anda cepat beralih rasa, sekiranya pasangan anda tidak sama-sama memainkan peranan seperti mana yang anda harapkan. Sebaliknya terangkan kepada beliau terlebih dahulu tentang bagaimana anda melihat hidup ini. Selepas itu, barulah anda membuat keputusan sama ada mahu meneruskan perhubungan atau tidak.

Di dalam institusi pekerjaan yang besar, cuba kawal kelajuan minda anda bekerja. Jika anda dapati orang di bawah anda tidak dapat mengikut langkah anda dengan pantas, sesekali berpalinglah ke belakang. Mereka mungkin telah jauh ketinggalan. Situasi inilah yang selalunya menyebabkan anda, rakan sejawat mahupun pekerja di bawah anda, tidak dapat berkomunikasi dan bekerjasama secara baik dengan anda. Ini menjadi penghalang untuk anda mencapai sasaran kejayaan anda kerana sama ada anda suka atau tidak, kejayaan tidak boleh dicapai seorang diri. Kejayaan yang cemerlang memerlukan kerjasama berpasukan yang erat di antara semua pemain-pemain (*team-players*).

8.3 Need of Significance – Keperluan Kepada Signifikan

Sepanjang pengalaman hidup saya yang singkat ini, saya telah berjumpa sangat ramai individu yang memilih signifikan sebagai satu keperluan kejayaan mereka. Pemerhatian saya mendapati bahawa walau di mana sekalipun kedudukan seseorang individu itu, dia masih mahu menjadi seseorang yang signifikan. Signifikan dalam kehidupannya sendiri adalah berbeza dengan signifikan dalam kehidupan orang lain. Mereka yang berada dalam kategori ini gemar menjadikan pengiktirafan, penghargaan, perhatian dan sanjungan sebagai motivasi utama mereka. Dalam dunia material pula, mereka ini

gemar menjadikan rumah yang besar, kereta yang hebat dan kemewahan hidup sebagai dorongan.

Di dalam aspek kerjaya, mereka boleh melibatkan diri dengan perniagaan ataupun bekerja dengan mana-mana organisasi, kerajaan atau swasta. Apa yang penting bagi mereka ialah peluang untuk mereka mengketengahkan potensi diri dan menyumbang kepada syarikat dan masyarakat. Mereka ini merupakan individu yang sangat rajin, inovatif, manipulatif dan bijak mengambil dan menggunakan peluang yang ada. Antara bidang yang sangat sesuai untuk mereka yang berada dalam kategori ini ialah politik. Ini adalah kerana, orang politik harus bijak menggunakan potensi diri dan memanipulasikan peluang untuk menonjolkan diri mereka sendiri. Jika mereka berkecimpung dalam bidang perniagaan, mereka mungkin berniaga produk atau servis. Mereka menjadikan diri mereka sendiri sebagai produk untuk memberi khidmat kepada masyarakat. Populariti, sanjungan, kepercayaan, pengaruh dan perhatian yang mereka terima, dari masyarakat setempat dan negara luar adalah nikmat dan dorongan mereka.

Dalam aspek kehidupan yang lebih peribadi pula, mereka ini mahu sentiasa dilihat dan diberi keutamaan. Setiap pandangan mereka mestilah diberi perhatian dan mereka pula tidak suka diremehkan. Mereka juga sangat mudah ambil hati dan merajuk walaupun disebabkan oleh perkara-perkara yang kecil.

Inilah indahnya kepelbagaian ragam keperluan-keperluan manusia. Sebenarnya, tidak ada salahnya jika anda seorang yang sukakan perhatian dan penghargaan serta sentiasa mahu berada di tengah-tengah dan menonjolkan diri anda jika kena pada tempatnya. Secara positifnya, kehadiran anda sangat

membantu di dalam organisasi yang besar untuk terus maju ke hadapan. Mengapa tidak untuk anda menikmati kehidupan yang mewah jika anda benar-benar layak.

Walau bagaimanapun, kita semua sebagai manusia harus sentiasa memperbaiki diri kita sendiri. Jadi, jika anda memilih atau 'terpilih' untuk berada dalam kategori ini, perbaikilah diri anda. Apa kata anda mula perbaiki diri dengan menukar motif anda. Jika sebelum ini anda hanya dambakan penghargaan daripada manusia, sekarang marilah kita buat semata-mata kerana dambakan kasih sayangNya. Tuhan itu Maha Adil. Jika anda bekerja kerana inginkan cintaNya, maka dihantar kepada anda cinta dari seluruh alam ini. Jadi, jika anda seorang CEO, ahli politik, ahli perniagaan, ketua jabatan, guru, menantu, suami, anak atau sesiapa sahaja, berlapang dadalah. Penghargaan bukan untuk dicari tetapi ia hanya datang kepada orang yang layak menerimanya. Pandanglah sekeliling anda dan sebarkanlah cinta. Di dalam kita membina cita-cita, kita secara sedar atau tidak, mengguris perasaan kaum keluarga, sahabat-handai atau sesiapa sahaja. Menjadi signifikan adalah satu kelebihan yang harus digunakan untuk faedah dan manfaat, diri sendiri dan seluruh masyarakat.

8.4 *Need of Connection or Love* – Keperluan Kepada Perhubungan Kasih Sayang

Secara semula jadinya setiap manusia ingin menyayangi dan disayangi. Perhubungan erat dan kasih sayang antara manusia ialah ibarat air yang menyiram pepohon. Tanpa air, keringlah daun, layulah bunga dan matilah akarnya. Begitu juga dengan manusia. Manusia memerlukan siraman cinta dan kasih sayang yang berterusan untuk memastikan jiwa, tubuh badan dan minda mereka terus hidup dengan sihat dan sempurna. Sebab

itu ada di antara kita yang menjadikan kasih sayang sebagai dorongan utama. Mereka mementingkan kasih sayang dan perhubungan sebagai motif utama dalam apa sahaja yang mereka lakukan.

Dalam kerjaya, mereka ini sangat sesuai memegang sebarang jawatan yang menuntut mereka untuk berhubung dengan orang ramai seperti di jabatan sumber manusia, *event & training* dan jualan & khidmat pelanggan. Selain peluang bekerjasama dengan orang ramai, ada antara mereka yang memilih kerjaya semata-mata memenuhi permintaan ibu bapa atau individu yang berpengaruh di dalam hidup mereka. Bagi mereka, masa depan mereka tidak penting. Apa yang penting ialah mereka mendapat kasih sayang serta sokongan daripada orang yang mereka kasihi.

Kesunyian dan keseorangan adalah musuh utama kepada individu yang berada dalam kategori ini. Justeru itu, mereka sanggup melakukan apa sahaja asalkan mereka diterima dan tidak diketepikan. Dari satu perspektif yang berbeza, silap memilih fokus boleh menafikan kejayaan seseorang itu kerana kadang-kadang dia terlalu memikirkan apa pandangan orang lain terhadapnya berbanding dengan impiannya sendiri. Perjalanan mendaki gunung kejayaan bukan beralaskan hamparan permaidani merah yang lembut dan sangat menyenangkan. Sebaliknya, perjalanan tersebut penuh dengan ranjau berduri, sakit dan melukakan. Walaupun kasih sayang dan sokongan amat penting kerana ia menjadi kekuatan untuk terus tabah menghadapi setiap dugaan, namun, jika kerana mahukan kasih sayang dan sokongan orang lain, anda melupakan impian anda. Bagi saya itu adalah salah dan tidak tepat.

Dan di antara tanda-tanda keagungan Allah, Dia menciptakan untuk kamu, pasangan dari jenis kamu sendiri, supaya kamu mendapat ketenangan hidup dengannya dan menjadikan cinta dan kasih sayang di antara kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu menjadi tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

– Surah Ar-Ruum, ayat 21

Saya ingin berkongsi sedikit pengalaman peribadi saya yang sangat berkait rapat dengan situasi ini, mudah-mudahan ia boleh memberi satu perspektif kefahaman yang baru kepada anda. Saya juga dahulu menjadikan kasih sayang dan sokongan sebagai motivasi utama saya dalam membina impian. Dahulu saya bekerja dan mencari wang membahagiakan orang lain. Saya cuba berniaga mencari pendapatan yang lebih, juga untuk orang lain. Saya buat macam-macam perkara untuk memenuhi keperluan hidup orang lain. Pada masa itu saya percaya bahawa dengan mengembirakan mereka, saya juga gembira. Malangnya, mereka tidak mempunyai keperluan kejayaan yang serupa dengan saya. Saya buat apa yang saya buat kerana mahukan kasih sayang mereka dan demi untuk menjaga perhubungan kami, manakala mereka pula menjadikan jaminan dan kestabilan sebagai keperluan kejayaan mereka.

Akhirnya saya menjadi penat. Saya telah berusaha tidak mengira siang dan malam, tetapi saya tidak mendapat apa yang saya harapkan. Saya buat apa yang saya buat demi kasih sayang dan sokongan mereka, sebaliknya apa yang mereka harapkan daripada saya hanyalah jaminan dan kestabilan hidup. Kenyataan ini telah meruntuhkan motivasi saya dan menyebabkan saya kerap jatuh dan jatuh lagi. Puncanya ialah kerana kami berbeza dari segi keperluan kejayaan dan saya pada masa itu gagal memahami unsur kepelbagaian keperluan

ini. Belajar dari kegagalan tersebut, saya letak ke tepi soal sokongan dan penerimaan orang lain terhadap saya. Apa yang penting adalah saya jelas dengan hala tuju saya dan saya hanya mengambil kira pandangan ibu saya sahaja. Membahagiakan beliau adalah sumber motivasi saya kerana sebagai seorang ibu, beliau tidak sesekali menghampakan saya.

Mungkin di atas berkat membahagiakan hati seorang ibu, hari ini saya dikurniakan seorang isteri dan anak-anak yang kuat menyokong saya. Alhamdulillah, dengan ilmu ini, saya lebih memahami karakter orang ramai dan membolehkan saya melihat daripada pelbagai perspektif, berbanding satu masa dulu. Saya juga beruntung apabila isteri saya juga turut memahami unsur kepelbagaian ragam manusia ini. Ini sangat membantu hubungan kami sebagai sepasang suami isteri, ibu bapa, rakan kongsi di syarikat, sahabat-karib dan rakan-rakan yang lain. Komunikasi yang baik dan berkesan ialah kunci persefahaman kami.

Sebab itulah saya memilih topik keperluan kejayaan ini sebagai salah satu perkongsian saya di dalam wardah penulisan saya kali ini. Memahami kepelbagaian keperluan untuk berjaya dan perbezaan ke atas setiap individu itu sangat penting, kerana dalam apa keadaan sekalipun kita tidak mungkin boleh hidup bersendirian. Walaupun kita memasang angan-angan sendiri untuk mencapai impian, kita masih memerlukan orang di sekeliling kita untuk merealisasikan impian kita itu.

Mementingkan kasih sayang dalam kehidupan adalah sangat murni. Cuma, janganlah kerana terlalu mementingkan kasih sayang orang lain, anda pendamkan potensi diri anda sendiri. Berilah masa untuk anda menyakini potensi dan bakat anda

sendiri serta berilah masa kepada orang yang anda sayangi untuk menerima dan memahami anda.

8.5 *Need to Grow* – Keperluan untuk Membangun

Resam pusingan hidup manusia di dalam dunia ini bermula dari setitis air mani yang kemudiannya membesar di dalam rahim ibu, dilahirkan sebagai seorang bayi lalu membesar menjadi kanak-kanak, remaja dan kemudiannya menjadi dewasa dan tua. Sebagai manusia kita melalui beberapa proses pertumbuhan dan pembesaran baik dari segi fizikal mahupun intelektual. Membesar, berkembang dan menjadi lebih maju dari satu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi ialah sebahagian daripada proses kehidupan kita. Namun tidak dinafikan, bahawa ada sesetengah daripada kita yang berhenti berkembang sama ada dari sudut intelektual ataupun pencapaian.

Sebenarnya tidak ada istilah berhenti dari terus membangun dalam kamus individu yang menghargai kehidupan sekalipun setelah mereka menjengah usia senja. Sebabnya, setiap hari kita dilahirkan sebagai individu baru dan kita harus memperbaiki diri kita menjadi lebih baik dari semalam. Bagi individu yang menjadikan growth sebagai keperluan kejayaan, mereka sentiasa bergerak dalam sasaran. Setiap hari, bulan atau mungkin tahun, mereka mempunyai target atau sasaran tertentu, sama ada dari sekecil-kecil perkara seperti menjaga diet pemakanan yang seimbang sehingga kepada perkara yang lebih penting dan kompleks seperti pendapatan tahunan, target jualan dan sebagainya.

Sebagai contoh mudah, jika anda seorang kerani ingin menetapkan impian mendaki ke jawatan yang lebih tinggi, anda harus kuatkan usaha serta menambah pengetahuan dan kemahiran untuk berjaya. Jika pendapatan bulanan anda sekarang adalah sekitar RM3000, maka pasanglah impian untuk membina pendapatan yang lebih tinggi. Mudah-mudahan dengan pendapatan yang lebih baik anda boleh memberi kehidupan yang lebih berkualiti kepada ibu bapa serta anak-anak anda. Perbezaan antara masa lalu dan hari ini yang menunjukkan perkembangan dan penambahbaikan menjadi kepuasan bagi mereka yang memilih kategori ini sebagai keperluan kejayaan mereka. Mereka ini sentiasa dahagakan ilmu yang baru dan sentiasa berada di hadapan untuk merebut setiap peluang baru yang ditawarkan bagi menambah nilai diri mereka sendiri.

Mereka tidak gembira hidup di dalam zon selesa kerana mereka rasa seperti jiwa mereka mati jika mereka berhenti dari menimba ilmu memperbaiki mutu diri. Apalah gunanya hidup jika tidak dipenuhi dengan usaha-usaha sebegini. Saya percaya jika kita semua sibuk memperbaiki diri sendiri, maka tidak ada lagi gejala hasad dengki yang berlaku sebab kita tidak mahu melihat kehidupan orang lain lagi. Sebaliknya kita semua sibuk menambahbaik kehidupan masing-masing.

Bukan hanya setakat dalam urusan kerjaya, peribadi, perhubungan dan keluarga, malah dalam soal ibadah juga kitaharus memperbaiki mutu persembahan kita kepada Tuhan Yang Maha Penyayang. Jika dahulu, anda menunaikan solat semata-mata kerana rasa takut kepadaNya, apa kata hari ini anda menunaikan solat kerana cinta kepadaNya pula. Pasanglah impian, mudah-mudahan anda dapat menziarahi

rumahnya di tanah suci bersama-sama ahli keluarga anda. Jika anda mempunyai perniagaan, anda boleh jadikan ibadah umrah dan haji sebagai insentif kepada pekerja cemerlang anda berkunjung ke Mekah setiap tahun dan banyak lagi insentif lain.

8.6 *Need of Contribution* – Keperluan Untuk Menyumbang
Keperluan dan keinginan untuk menyumbang kepada masyarakat adalah satu bentuk kepuasan mental dan spiritual yang sangat tinggi. Ramai kenalan saya melakukan apa yang mereka lakukan hari ini semata-mata untuk menyumbang kepada masyarakat dan agama. Pengisian mental dan spiritual ini menyebabkan mereka tidak pernah merasa penat, jemu atau berputus asa. Malahan, kerana niat untuk menyumbang kepada orang ramai, seringkali saya dapati mereka ini sangat berjaya dalam setiap misi yang mereka lakukan. Lazimnya, mereka yang memilih kategori ini sebagai landasan hidup merupakan individu-individu yang berjiwa besar, berani, berkeyakinan tinggi, ikhlas dan amanah. Waktu kerja mereka bukan office hour, atau mengikut aturan waktu seperti yang termaktub di dalam Akta Buruh. Sebaliknya, mereka bekerja selagi masyarakat memerlukan mereka.

Antara lain, mereka ini lazimnya merupakan orang kaya yang sudah mencapai segala impian mereka. Jika dahulu mereka ingin membina rumah sebesar istana, kini mereka telah melakukannya. Jika dahulu mereka ingin membina empayar perniagaan sehingga ke Asia Tenggara, mereka telahpun membinanya. Tetapi hari ini mereka meletakkan masyarakat dan agama sebagai fokus keutamaan kehidupan mereka. Mereka mahu berkongsi segala ilmu kejayaan mereka bersama anak-anak muda yang sedang mencari-cari hala tuju, sama

seperti yang telah mereka lalui berpuluh tahun dahulu. Mereka kini ingin berkongsi kemewahan hidup dengan anak-anak yatim dan golongan ibu tunggal yang tidak bernasib baik. Jika dulu mereka hidup dalam serba kemewahan, hari ini mereka mencari kesederhanaan. Mereka kini mencari ketenangan dan kepuasan dengan membantu dan menyumbang kepada anak bangsa.

Kebajikan itu ialah, berimannya seseorang kepada Allah, dan hari Akhirat, segala Malaikat, segala Kitab dan sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang-orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang yang menyempurnakan janji, orang yang sabar dalam kesempitan dan kesakitan, dan di dalam peperangan.

– Surah Al-Baqarah, ayat 177

Ramai juga di antara mereka yang menjadikan kekayaan sebagai media untuk mendekati diri mereka kepada Tuhan Pencipta alam. Lebih indah lagi apabila semakin ramai golongan muda yang mula menjinak-jinakkan diri dengan aktiviti menyumbang atau menderma ini. Mereka mula berminat dan ringan tulang melibatkan diri di dalam mana-mana aktiviti sosial dan kebajikan, jika tidak menyumbang dalam bentuk kewangan sekalipun. Saya selalu mengingatkan semua pelajar di dalam seminar saya bahawa menyumbang ini adalah jambatan rezeki. Sekalipun anda mungkin rasa anda belum cukup kaya untuk menghulurkan bantuan, berilah sebanyak mana yang anda mampu. Biasakan tangan anda untuk memberi. Kata orang, tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Sedikit sahaja yang anda beri, Allah akan membalasnya berlipat

ganda.

Namun, jika anda suntuk kewangan, bantulah dengan cara yang lain walaupun ianya hanya merupakan satu senyuman kerana senyuman itu juga adalah satu sedekah. Senyumlah kerana dengan memberi sedikit senyuman anda juga dapat membantu meringankan masalah orang lain. Seseorang orang pula hanya mahu berkongsi perasaan dengan orang lain untuk meredakan masalah yang dihadapi. Jika anda sebagai pendengar, dengarlah dengan hati dan fikiran yang terbuka. Anda semua boleh menyumbang mengikut kapasiti dan kemampuan anda tersendiri.

8.7 Mengapa Saya Buat Apa Yang Saya Buat

Wahai Tuhan kami, Berilah kami kebaikan di Dunia dan kebaikan di Akhirat, dan peliharalah kami dari azab api neraka.

– Surah Al-Baqarah, ayat 201

Kesemua keenam-enam keperluan kejayaan di atas, mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Saya telah terangkan sedikit sebanyak mengenai setiap satu daripadanya supaya anda boleh mengenalpasti di mana anda berada. Tujuannya adalah supaya anda boleh memperbaiki diri anda di mana perlu dan mengubahsuaikan fokus dan keutamaan anda mengikut situasi dan keadaan. Berjaya mengenalpasti keperluan kejayaan anda adalah penting, sama pentingnya mengenalpasti keperluan kejayaan mereka yang dekat serta berurusan secara langsung dengan anda. Mudah-mudahan dengan mengetahui apakah fokus dan keutamaan anda semua, anda boleh berkomunikasi dengan lebih baik dan efektif lagi.

Secara peribadinya saya dapati bahawa keperluan kejayaan yang paling baik adalah keperluan menyayangi dan disayangi, keperluan untuk maju dan membangun serta keperluan untuk menyumbang. Walau bagaimanapun, jika anda berada di kategori yang lain, janganlah bimbang kerana setiap seorang daripada kita mempunyai proses kehidupan yang berbeza. Malah, sewaktu saya muda dahulu, di zaman saya terpacu mencari apakah tujuan hidup saya, saya juga sama seperti ramai orang lain. Ada waktunya saya mahukan kestabilan dan jaminan. Tetapi, sesudah itu, saya mahukan cabaran dan kepelbagaian dalam hidup. Mungkin kerana kurangnya ilmu dan pengalaman, saya sendiri tidak pasti apakah fokus dan keutamaan saya pada masa itu.

Hanya selepas melalui beberapa proses kegagalan dan muhasabah diri yang mendalam, saya bertemu dengan diri saya sendiri. Hari ini saya menjadikan kasih sayang sebagai keutamaan saya, ilmu sebagai harta dan kekuatan saya sementara, masyarakat adalah tujuan hidup saya. Saya tidak berhenti mencari ilmu sekalipun uban semakin banyak memutih di rambut saya. Ini adalah kerana saya sangat faham bahawa hanya dengan membangunkan diri sendiri secara berterusan, saya mampu membantu masyarakat di dalam negara ini.

Keluarga, jiran tetangga, saudara-mara jauh dan dekat serta rakan-taulan, saya jadikan sebagai kewajipan saya memastikan silaturahim antara kami sentiasa segar dan harmoni sekalipun masa sangat mencemburui saya. Menjadi hamba Allah yang memilih untuk berdiri di atas pentas, berkongsi sedikit ilmu dan pengalaman kepada orang ramai adalah satu kepuasan buat diri saya. Jika ada bertanya sampai bila saya bercakap, saya pun tidak tahu akan jawapannya. Ya, saya memang

penat. Untuk berdiri dalam jangka masa yang lama dengan berat badan yang melebihi normal ini bukanlah satu perkara yang mudah. Jika atas nama mencari rezeki, saya percaya saya mempunyai kepakaran lain yang boleh saya gunakan untuk meneruskan hidup, menyara anak dan isteri dengan mudah. Insya' Allah, saya mempunyai nilai harga diri yang tinggi untuk diperdagangkan, dan jika saya tidak buat apa yang saya sedang buat sekarang sekalipun, saya yakin kehidupan kami anak beranak, masih sempurna dan terjamin.

Walau bagaimanapun, Alhamdulillah, saya kini merasa sangat gembira dan puas yang tidak boleh diungkapkan dengan kata-kata, apabila saya berjaya melahirkan seorang demi seorang bertaraf jutawan di dalam negara ini. Mereka ini adalah anak bangsa dan saudara seagama saya. Zakat dan sedekah yang mereka sumbangkan kerana Allah Taala, saya juga dapat sedikit ganjarannya untuk diri saya kerana telah membantu mereka menjadi siapa mereka hari ini, Insya' Allah. Melihat kejayaan demi kejayaan yang dicapai ramai anak didik saya, telah dapat mengubat semua kesakitan dan keletihan saya itu. Melihat realiti bahawa dunia ini tidaklah seindah mana, memberi semangat kepada saya untuk terus menimba ilmu, untuk dikongsikan dengan anda yang bernama Melayu. Keyakinan yang sangat tinggi kepadaNya, telah memimpin hati dan jiwa saya memilih jalan hidup ini. Insya' Allah, saya terus melangkah ke hadapan dan berusaha menyumbang apa yang termampu kepada anda semua yang bersedia bertindak, untuk mengubah serta menambah nilai hidup anda sendiri.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB SEMBILAN

Deklarasi Minda Jutawan

*Berlumba-lumbalah kamu mengerjakan amal yang baik untuk
mendapat keampunan daripada Tuhanmu, dan kamu mendapat
Syurga yang bidangnya seluas langit dan bumi.*

– Surah Al- Hadid, ayat 21

Dalam kebanyakan seminar saya, para peserta diberikan teks Deklarasi yang bersesuaian dengan misi atau tujuan seminar tersebut diadakan. Deklarasi itu bertujuan menyuntik programming baru ke dalam sistem minda peserta. Informasi baru ini harus ditanam sedalam-dalamnya ke dalam minda semua peserta supaya ia boleh tumbuh subur dan positif. Sebab itu, di kesemua sesi seminar saya, kami sangat-sangat memerlukan tenaga dan semangat yang tinggi. Anda mungkin pernah mengalaminya sendiri atau mendengar daripada perkongsian mereka yang pernah menghadiri seminar saya. Mengapa saya menjerit dan melompat dan, mengapa pula saya menyuruh mereka juga menjerit dan melompat serta melakukan pelbagai lagi aktiviti fizikal yang lain? Ini adalah kerana setiap apa yang saya lakukan bermotif menghidupkan semula sel-sel mati para peserta walaupun mereka masih boleh bernafas. Saya mahu sel-sel ini kembali bertenaga melalui programming informasi baru dan betul yang saya telah berikan. Inilah peranan Deklarasi yang perlu dibaca dengan penuh semangat bersama

energi yang tinggi dan bersatu.

Apa yang kami lakukan di seminar adalah yang terbaik untuk anda. Saya selalu ingatkan semua peserta untuk terus membaca Deklarasi tersebut supaya benih yang mereka tanam semasa di dalam program boleh tumbuh dan sentiasa bercambah dengan subur. Anda pasti masih ingat eksperimen yang saya lakukan ke atas segelas air jernih dengan beberapa titis kopi bukan? Melangkah sahaja anda keluar dari dewan seminar saya, dunia luar yang penuh debu hitam sedang menanti anda. Satu saat pun sudah cukup membuatkan titisan negatif mencemari minda anda. Sebab itu, usaha anda untuk sentiasa bersikap positif dan mengekalkan energi dan motivasi diri yang tinggi mestilah berterusan. Saya kongsi Deklarasi tersebut dalam bab terakhir buku ini supaya ia boleh memanfaatkan anda yang pernah dan bakal menghadiri seminar saya.

Baca dan fahamilah 16 deklarası tersebut dengan hati yang terbuka dan ubahlah sistem minda anda kepada yang lebih positif.

Enam belas (16) Deklarasi Minda Jutawan adalah:

1. Saya adalah seorang pengurus kewangan yang hebat
2. Saya sentiasa bayar diri saya terlebih dahulu
3. Saya menabung ke dalam akaun bebas kewangan saya setiap hari
4. Wang saya bekerja keras untuk saya dan membantu saya membina lebih banyak kekayaan
5. Saya mempunyai pendapatn pasif yang cukup untuk menampung gaya hidup pilihan saya
6. Saya bebas kewangan

7. Bisnes sampingan saya ialah mengurus dan melaburkan wang saya dan membina pendapatan pasif yang kukuh
8. Saya mempunyai sistem dan strategi kewangan yang betul
9. Saya menjadikan individu yang telah berjaya sebagai contoh dan sumber inspirasi saya
10. Saya percaya wang mempunyai nilai yang boleh menjadikan hidup saya lebih bermanfaat
11. Saya percaya wang itu penting kerana ia adalah lambang kebebasan
12. Saya layak untuk menikmati kekayaan kerana saya menambah nilai kepada ramai orang
13. Saya adalah orang yang suka memberi dan juga seorang penerima dengan baik
14. Saya sangat bersyukur dengan kekayaan yang saya miliki hari ini
15. Peluang-peluang keemasan sentiasa berkunjung ke dalam hidup saya
16. Pencapaian saya semakin maju hari demi hari

Deklarasi #1 – Saya Adalah Seorang Pengurus Kewangan Yang Hebat

Semat dalam fikiran dan hati anda bahawa anda adalah seorang pengurus kewangan yang baik. Anda mampu menguruskan setiap sen yang masuk ke dalam akaun anda dengan baik dan efektif. Kemampuan menguruskan kewangan bukan bergantung kepada banyak mana wang yang anda ada. Jika anda ada banyak wang, uruskan yang banyak itu dan jika anda ada sedikit wang, uruskan juga yang sedikit itu dahulu, maka lebih banyak lagi yang datang. Pengurus kewangan yang baik tidak kesuntukan wang kerana anda tahu apa yang harus diutamakan dan bagaimana hendak berbelanja dengan

bijak. Di dalam masa yang sama, anda juga boleh menetapkan sebahagian simpanan sebagai bekalan tunai dan sebahagian lagi dilabur untuk bekalan jangka masa panjang.

Rujuklah kepada mana-mana pakar kewangan untuk anda memahami dengan lebih lanjut lagi perkara ini. Ramai perancang kewangan boleh menasihati anda bagaimana menyimpan dalam jangka masa pendek dan panjang. Tetapi jika saya jadi anda, saya berjumpa dahulu dengan individu yang boleh menerangkan kepada saya konsep pengurusan kewangan yang baik sebelum saya memilih mana-mana produk kewangan di luar sana. Macam yang saya cakapkan sebentar tadi, belajarlah menguruskan wang anda bermula dari sen pertama yang anda miliki. Bukan menunggu sehingga anda mampu melabur ke dalam mana-mana pelan atau skim yang banyak ditawarkan oleh bank-bank di seluruh Malaysia. Di dalam bidang ini, sahabat karib saya Abang Abu boleh membantu anda memahami dan memulakan pengurusan kewangan dari peringkat paling asas.

Deklarasi #2 – Saya Sentiasa ‘Membayar’ Diri Saya Terlebih Dahulu

Utamakan diri anda sendiri terlebih dahulu, terutama dalam urusan kewangan. Fokus untuk mengasingkan sebahagian daripada pendapatan anda setiap bulan untuk keperluan ekonomi anda sendiri. Ambil bahagian tersebut untuk disimpan, dilaburkan atau dibelanjakan untuk menambah ilmu atau meningkatkan nilai kesihatan anda. Sebagai contoh, ambil 10% daripada pendapatan anda dan masukkan ke dalam satu tabung/akaun khas setiap bulan. Namakan tabung ini sebagai tabung pelaburan, yang mana apabila ia telah mencapai jumlah yang tertentu mengikut sasaran anda, keluarkan wang

tadi dan laburlah ke dalam mana-mana pelaburan yang telah anda selidiki dan fahami secara terperinci. Contoh mudah, duit tadi boleh digunakan sebagai deposit membeli hartanah. Kelazimannya, ramai orang selalu mengutamakan hutang dan pelbagai bil sebaik sahaja mendapat gaji. Seheinggakan tidak sampai seminggu, semua gaji telah habis dibelanjakan untuk perkara-perkara yang tidak memberi pulangan kepada ekonomi masa depan mereka.

Mengutamakan diri anda sendiri bukanlah bermaksud mengenyepikan tanggungjawab anda. Sebab itu kebijaksanaan menguruskan kewangan itu penting. Rancang perbelanjaan anda supaya bil-bil dapat ditunaikan segera dan di dalam masa yang sama anda dapat membuat sedikit pelaburan atau simpanan masa depan anda. Kita sering terlupa bahawa wang yang kita belanjakan kadangkala boleh menjadi sia-sia dan selalunya habis begitu sahaja.

Kita selalu lupa untuk mengutamakan diri kita terlebih dahulu seolah-olah kita ini tidak ada nilai, sedangkan diri kita inilah sebenarnya adalah aset yang paling berharga. Sebab itu, saya telah mencadangkan kepada para peserta seminar saya mengetepikan 3% - 5% daripada pendapatan mereka setiap tahun untuk disimpan bagi tujuan percutian. Berbelanja untuk menggembirakan diri sendiri dan keluarga pasti memberi pulangan positif kepada kita sekalipun ia bukan dalam bentuk wang ringgit. Bukankah diri kita ini adalah aset paling tidak ternilai dan sangat wajar untuk kita menjaga dan menghargai amanah pemberian Allah Taala ini. Pergi bercuti sesekali merehatkan jasad yang penat membanting tulang saban hari adalah sangat menguntungkan.

Deklarasi# 3 – Saya Menabung Ke Dalam Akaun Bebas Kewangan Saya Setiap Hari

Simpan dalam minda, semat dalam hati dan bertindaklah untuk menyimpan sedikit wang setiap bulan ke dalam tabung/akaun bebas kewangan anda. Apakah tabung/akaun bebas kewangan ini? Saya namakan ia sebagai tabung financial freedom kerana wang yang anda simpan dalam tabung ini tidak boleh anda gunakan langsung walau dalam apa keadaan sekalipun. Saya mencadangkan bahawa jumlah yang harus anda ketepikan untuk tabung inilah ialah sekitar 20%, atau bergantung kepada kemampuan ekonomi anda. Mulakanlah sekarang walau dari peratusan yang rendah seperti 5% atau 10%. Sekurang-kurangnya anda telah mengambil inisiatif membina kewangan bebas, dan berusaha untuk meningkatkannya dari bulan ke bulan.

Jika anda sedang memilih di mana untuk menyimpan wang ini, pilihlah mana-mana skim pelaburan yang selamat dan memberipulangan yang terbaik kepada anda, sebagai contoh Amanah Saham, Tabung Haji, simpanan emas dan lain-lain. Rujuklah kepada mana-mana perancang kewangan bertauliah yang boleh memberi nasihat terbaik kepada anda. Letak sasaran anda dalam masa yang tertentu kerana tabung bebas kewangan ini bertujuan membolehkan anda tidak bekerja tetapi masih mempunyai pendapatan. Memiliki tabung bebas kewangan ini memang bukan budaya orang kita sebab itu ramai dari mereka terpaksa bekerja sehingga umur pencen. Selepas pencen sekalipun masih ramai yang ingin menyambung pekerjaan lagi. Maafkan saya, saya bukan hendak mengata sesiapa. Ini adalah kesilapan yang dilakukan oleh ramai orang termasuk ahli keluarga saya sendiri. Malah saya sendiri telah gagal untuk menyedari betapa pentingnya untuk bebas kewangan pada usia yang lebih muda. Hanya selepas tersungkur beberapa kali dan

belajar daripada rakan-rakan berbangsa lain, saya mula sedar betapa pentingnya membina kewangan yang bebas.

Deklarasi #4 – Wang Saya Bekerja Keras Untuk Saya Dan Membantu Saya Untuk Membina Lebih Banyak Kekayaan

Siapakah yang harus bekerja keras untuk kita? Diri kita sendiri, orang lain atau wang kita? Kita memang harus bekerja kuat. Tiada orang kaya yang saya kenal yang tidak rajin. Mereka memang suka bekerja kerana bekerja adalah hobi mereka. Orang kaya bukan lagi bekerja untuk membina lebih kekayaan tetapi pekerjaan adalah ibarat satu tanggungjawab sosial kepada mereka. Isteri saya berkata, bahawa apa yang kami lakukan hari ini bukan lagi untuk kami. Jika dahulu, kami mencari wang untuk membina impian tetapi hari ini, kami mencari wang untuk membina impian orang lain, seperti para pekerja kami dan individu-individu lain yang kami pilih untuk turut berkongsi hak dan kebahagiaan di atas kehidupan kami ini.

Orang yang berjaya bukan hanya rajin dan kuat bekerja. Mereka sebenarnya bijak berstrategi dengan menggaji para pekerja yang berpengalaman dan hebat. Mengambil barisan pekerja yang pakar pastinya menuntut pelaburan yang tinggi, tetapi di sinilah kebijaksanaan orang kaya. Untuk menjadi kaya dan berjaya, anda tidak perlu melakukan semua perkara. Anda cuma perlu tahu bagaimana anda boleh berkongsi platform perniagaan anda dengan orang ramai yang mempunyai kepakaran yang berbeza-beza.

Begitulah permainannya, anda perlu bina asas yang kukuh dan jana ekonomi syarikat dengan baik. Kemudian, bersedialah menyerahkan kemudi ke tangan orang lain. Ini bukan bermakna

anda melepaskan semua tanggungjawab anda, tetapi belajarlah memberi kepercayaan kepada orang lain secara berperingkat dan bersistematik supaya syarikat terus beroperasi dengan maju walau tanpa kehadiran anda.

Jadi, siapakah yang sebenarnya bekerja lebih kuat? Pada peringkat awal, andalah yang harus memberikan seluruh tenaga yang ada untuk membina kedudukan kewangan syarikat yang stabil. Kemudiannya, wang anda pula yang bekerja untuk anda apabila dilaburkan untuk mendapatkan sistem yang terbaik dan pekerja yang berkualiti.

Paris Hilton bukan sahaja terkenal kerana kecantikan dan pelbagai kontroversinya di layar perak. Beliau merupakan salah seorang daripada pewaris harta kekayaan Hotel Hilton yang telah diasaskan oleh moyangnya Conrad Hilton pada tahun 1919. Pada masa itu, Conrad Hilton telah bekerja kuat membangunkan jenama Hilton sehingga ia menjadi satu empayar yang boleh diwarisi oleh keturunannya. Sekarang, segala kerja kuat beliau telah terbayar apabila generasinya tidak lagi perlu bersusah-payah kerana empayar Hilton kini terus berkembang maju dan bekerja untuk mereka. Oleh itu, susunlah strategi anda sekarang supaya semua penat lelah anda nanti berakhir dengan kejayaan lumayan apabila pelaburan anda pula yang bekerja untuk anda.

Deklarasi #5 – Saya Mempunyai Pendapatan Pasif Yang Cukup Untuk Menampung Gaya Hidup Yang Saya Pilih

Apakah itu pendapatan pasif? Pendapatan pasif ialah pendapatan yang diperolehi tanpa perlu bekerja. Umpamanya, anda membeli sebuah rumah, ansuran bulanannya ialah RM3000 dan anda sewakan dengan nilai RM3500. Baki RM500

tadi adalah apa yang dipanggil sebagai pendapatan pasif. Bayangkan jika anda mempunyai 10 atau mungkin 100 buah rumah untuk disewakan. Berapakah pendapatan pasif yang boleh anda miliki? Pendapatan pasif juga boleh datang dari pelbagai bisnes yang lain seperti *vending machines*, e-book atau produk-produk yang dijual secara automatik melalui online, royalti dari buku dan cakera padat, yuran dari program-program licensing atau franchising dan dividen daripada pelbagai saham, dana atau pelaburan.

Pelaburan merupakan satu bentuk pendapatan pasif yang sangat menarik kerana pulangan yang diberikan lebih tinggi berbanding yang lain. Namun begitu, pelaburan juga boleh menjadi lebih tricky dan risky, setanding dengan pulangannya. Oleh itu, anda mesti melakukan sedikit due diligence untuk memahami struktur dan aktiviti saham atau perniagaan tersebut, dan yang paling penting sekali hasil pulangannya untuk tempoh beberapa tahun yang lepas. Dapatkanlah nasihat dan pandangan daripada pakar-pakar yang bertauliah supaya anda dapat menjana pendapatan pasif yang pelbagai dan berprofil tinggi.

Sahabat karib saya, seorang jutawan yang sangat sederhana dalam kehidupannya banyak menjana pendapatan pasif daripada pelaburan hartanah dan saham, termasuk pelaburan emas dan beberapa bentuk pelaburan lain yang berisiko rendah. Beliau masih bekerja kerana itu adalah fardhu kifayah untuk beliau terus menambah nilai kepada masyarakat. Apabila tiba hari-hari istimewa untuk meraikan isteri, anak atau ahli keluarga yang lain, beliau tidak perlu menggunakan pendapatan aktifnya. Sebaliknya, semua perbelanjaan untuk memenuhi keperluan gaya hidupnya datang dari pendapatan

pasif beliau.

Seperti saya, sahabat saya ini juga sangat suka melancong di dalam dan di luar negara, bersama isteri dan keluarganya setiap bulan. Beliau tidak pernah menggunakan wang dari pendapatan aktifnya untuk menampung segala perbelanjaan ini. Malah, apabila beliau ingin menambah pelaburan, beliau menggunakan wang dari pendapatan pasif juga. Beliau selalu mengingatkan supaya jangan sesekali menggunakan wang yang diperuntukkan bagi masa depan anak-anak untuk melabur. Mungkin beliau memilih bentuk pelaburan yang berisiko tinggi dalam menjana pendapatan pasifnya, tetapi dalam masa yang sama juga beliau sangat berhati-hati dalam menjaga dan melindungi simpanannya supaya kedudukan keluarga beliau tidak akan terjejas. Inilah apa yang saya katakan sebagai pelabur yang bijak. Berani mengambil risiko tetapi bijak menguruskan setiap kemungkinan.

Deklarasi #6 – Saya Bebas Kewangan

*Saya bebas kewangan. Saya pilih untuk bekerja,
dan bukan kerana terpaksa bekerja.*

Berapa ramai daripada anda yang ingin bebas kewangan? Lazimnya, bebas kewangan dan menyimpan memang bukan budaya kita. Sejak kecil lagi, kita telah dididik untuk bekerja keras supaya boleh membina kehidupan yang baik tetapi kita tidak pernah dididik untuk bekerja dengan bijak, supaya wang boleh bekerja untuk kita di kemudian hari. Ini bukan salah nenek moyang, guru atau pemerintah kita. Kesemua ini adalah satu proses revolusi. Jika di sekolah tidak ada orang yang mampu mengajar kita tentang ilmu kewangan, apalah yang boleh kita harapkan dari ibu bapa yang juga tiada asas kewangan yang

betul. Berapa ramai pula antara kita yang mempunyai latar belakang keluarga yang berniaga? Jika kita berniaga sekalipun, berapa ramai pula yang mempunyai struktur perniagaan yang betul? Ramai yang sehingga hari ini masih tiada syarikat Sendirian Berhad. Ramai yang tidak mempunyai akaun kira-kira yang tepat. Ramai yang berniaga, tetapi tidak ubah seperti bekerja makan gaji, habis bulan habis pendapatan.

Oleh itu, saya ingin mengajak anda mengubah senario ini. Hari ini, selain daripada terus memupuk budaya mencari ilmu di kalangan anak-anak, didiklah mereka juga kepentingan ilmu kewangan supaya nanti apabila mereka dewasa, mereka bukan bekerja sekadar untuk mengejar kebendaan sahaja. Sebaliknya mereka membanting tulang kerana sedar akan fardhu kifayah untuk menambah nilai dan membantu masyarakat membangunkan agama, bangsa dan negara kita.

Bekerja kerana keperluan dan bekerja kerana kepuasan adalah dua perkara yang berbeza. Itulah sebabnya saya buat apa yang saya buat hari ini. Saya penat dan kurang masa bersama keluarga dan masyarakat sekarang. Saya juga menghadapi pelbagai tuduhan dan cacian. Semuanya sangat betul. Saya sebenarnya tidak perlu mengharungi semua ini. Saya boleh pilih jalan lain yang masih boleh memberi, malah mungkin lebih banyak pulangan pendapatan kepada saya. Tetapi, di setiap seminar yang saya anjurkan, saya pasti mendapat kisah-kisah kejayaan yang sentiasa menjadi penawar bagi setiap penat lelah dan kesedihan di hati saya. Apabila ada yang berkongsi kisah kejayaan di dalam hidup mereka, segala keperitan dan luka di hati saya bagaikan terubat dengan serta merta. Saya yang sebelumnya telah berputus asa, kembali bertenaga dan sekali lagi masuk berlari ke dalam gelanggang perjuangan saya.

Semua ini berlaku berulang-ulang kali, dan saya sendiri tidak pasti bila dan di mana nanti tiba nokhtahnya.

Apabila melakukan sesuatu demi kepuasan jiwa, bukan kerana memenuhi keperluan hidup, saya berasa sangat bahagia. Namun, demi membolehkan saya berdiri sebagai saya hari ini, di sinilah pentingnya ilmu menguruskan kewangan supaya saya tidak dipenjara oleh bebanan tuntutan kehidupan saya sendiri. Bebas kewangan adalah fokus saya, sebab saya tidak tahu bila saya pergi dan saya mahu pastikan, jikalau saya pergi lebih awal, isteri dan anak-anak saya tetap dapat hidup selesa, Insya' Allah. Oleh itu, menabung, melabur dan berbelanja dengan bijak. Wang, walau setinggi gunung pun pasti habis jika anda tidak ada ilmu menguruskannya.

Deklarasi #7 – Bisnes Sampingan Saya Ialah Mengurus Dan Melaburkan Wang Saya Dan Membina Pendapatan Pasif Yang Kukuh

Tuntutan hidup masa kini terutamanya di bandar-bandar besar memang mencabar. Apatah lagi jika anda telah berkeluarga dan mempunyai anak. Kita dapati ada di antara rakan-rakan kita yang walaupun menjawat jawatan sebagai guru, jurutera, doktor, akauntan dan pelbagai lagi terpaksa menjalankan perniagaan secara sampingan untuk menambah pendapatan keluarga. Ada antara mereka yang berniaga kecil-kecilan seperti mengambil tempahan makanan, mengajar tuition, terlibat dengan MLM dan macam-macam lagi. Inilah adalah realiti kehidupan. Realiti inilah yang pernah saya lalui sendiri satu masa dahulu, dan juga yang sedang saya lihat berlaku di sekeliling saya.

Barisan pekerja-pekerja saya kebanyakannya terdiri daripada anak-anak muda yang sedang bersemangat dan dahagakan ilmu kemahiran. Apa yang menjadi motivasi mereka bekerja kuat adalah wang. Saya sering mengingatkan mereka menguruskan wang dengan baik, menyimpan dan mula melabur, sekurang-kurangnya dengan membeli rumah yang pertama mengikut kemampuan masing-masing. Seperti yang saya katakan, menyimpan, melabur dan menjana pendapatan pasif bukanlah budaya orang kita. Sebab itu, menguruskan kewangan, menyimpan, melabur dan membina kewangan yang bebas mestilah diuruskan sebagai satu bisnes sampingan. Ia harus diberi fokus, tumpuan dan disiplin seperti mana fokus, tumpuan dan disiplin yang kita berikan kepada bisnes-bisnes sampingan kita.

Berapa sekalipun pendapatan bulanan anda bukan ukuran kemampuan anda untuk mula menyimpan dan melabur. Jika sedikit yang anda dapat, mulakanlah dengan sedikit. Apa yang penting ialah disiplin dan konsisten dalam menguruskan kewangan anda. Anda boleh mempunyai beribu, malah berjuta wang pendapatan sampingan tetapi semua itu tidak bernilai sekiranya anda tidak bijak menguruskan kewangan anda. Sebab itu, fokus dalam menjana kekayaan adalah penting, tetapi fokus menguruskan kekayaan adalah lebih penting lagi kerana hanya dengan pengurusan kewangan yang baik melipat gandakan kekayaan anda. Kekayaan ini bakal dinikmati bukan hanya untuk anda, malah untuk beberapa generasi anda lagi, dan pastinya lebih ramailah masyarakat yang dapat sama-sama berkongsi manfaatnya. Tanpa pengurusan kewangan yang baik, segunung emas sekalipun pasti boleh habis dalam sekelip mata. Fikir-fikirkanlah...

Deklarasi #8 – Saya Mempunyai Sistem Dan Strategi Kewangan Yang Kukuh

Saya menggunakan strategi kewangan untuk menang. Walau bagaimanapun, ramai daripada usahawan gagal kerana mereka tidak pandai mengatur strategi kewangan di dalam perniagaan mereka. Mereka kurang berilmu dan tidak tahu bagaimana menguruskan setiap sen yang mereka terima supaya dapat membina tahap kewangan yang kukuh untuk perniagaan serta masa depan keluarga.

Oleh yang demikian, anda perlu mengatur aliran tunai serta keseimbangan pengurusan kewangan secara disiplin yang ketat agar anda dapat membina kekayaan yang melimpah-ruah untuk jangka masa panjang. Di dalam masa yang sama, anda mampu memberi sumbangan berupa harta, wang ringgit atau bersedekah kepada orang-orang yang memerlukan.

Jika anda mempunyai sistem dan strategi kewangan yang efektif dan self-automated, sistem itu boleh bekerja dengan sendirinya untuk anda, tanpa anda mengawasinya. Ini bermakna anda tidak perlu berada di pejabat setiap masa, lantas mempunyai lebih banyak masa yang berkualiti di rumah untuk diri anda sendiri atau bersama keluarga tersayang.

Deklarasi #9 – Saya Menjadikan Individu Yang Telah Berjaya Sebagai Mentor Dan Sumber Inspirasi Saya

Maka dari sebab rahmat dari Allah, wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah lembut kepada mereka dan, kalaulah engkau bersikap kasar dan keras hati, tentulah mereka akan lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka dan pohonlah ampun bagi mereka dan juga, bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu, maka apabila kau telah berazam, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya

Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepadanya.

– Surah Ali Imran, ayat 159

Apabila anda melihat seseorang menjadi kaya dan berjaya, anda harus berdoa agar Allah SWT mengurniakan kekayaan dan kejayaan yang sama kepada anda juga. Sekiranya anda tidak menginginkannya, secara psikologinya anda semakin jauh daripada kejayaan itu.

Rasulullah SAW adalah sebaik-baik contoh idola yang perlu diikuti manusia di dalam setiap aspek kehidupan. Nilai-nilai murni seperti kejujuran, sifat pemaaf dan amanah, lemah lembut, bijaksana, usaha gigih serta bertawakkal di dalam menjalankan perniagaan menghasilkan keuntungan yang berlipat ganda kerana orang ramai, tidak kira muslimin dan kafir, yakin bahawa mereka akan tidak ditipu, dan berpuas hati apabila berurusan dengannya.

Di dalam seminar saya, saya sering berkata bahawa “*Saya menghargai wang. Saya tahu bagaimana untuk berkawan dengan wang. Saya tahu bagaimana untuk menjaga wang dengan baik agar wang membawa lebih ramai/banyak kawan kepada saya.*” Jika anda tahu bagaimana menguruskan yang sedikit, lama kelamaan anda pandai bagaimana menguruskan yang banyak, tetapi sebaliknya, jika anda tidak mampu menguruskan yang sedikit, agak mustahil untuk anda menjadikan ia lebih banyak apatah lagi mengurusnya.

Sentiasa jadikan mereka yang sudah berjaya sebagai mentor anda. Ikuti bagaimana cara mereka menimba kejayaan. Contohi setiap perkara yang bermanfaat yang ditonjolkan oleh mereka yang berjaya kerana ia akan memudahkan anda untuk

mengulangi kejayaan yang sama tanpa anda perlu mencuba dan gagal. Jadikan mentor anda seorang Business magnet dan seorang Money magnet dengan kepakaran yang ada pada dirinya. Tiada apa yang mustahil di dalam dunia ini, hanya sikap negatif yang ada di dalam diri anda perlu dikeluarkan.

Deklarasi #10 – Saya Percaya Bahawa Wang Mempunyai Nilai Yang Boleh Menjadikan Hidup Saya Lebih Bermanfaat

Wang adalah satu komoditi yang sangat penting dan berharga di dalam setiap kehidupan manusia. Tanpa wang, agak sukar manusia memenuhi keperluan dan semua keinginan nafsu keduniaan, fizikal dan emosinya seperti minuman, makanan, pakaian, tempat tinggal, kenderaan, keceriaan, hiburan, ibadah dan sebagainya. Dalam kata lain, wang boleh memenuhi segala impian dan cita-cita anda menjadikan hidup anda dan orang-orang yang anda sayangi lebih selesa, bahagia dan lebih sempurna. Wang, jika digunakan dengan betul boleh menjadi kawan dan sebaliknya, jika digunakan dengan sikap tamak dan sombong, menjadi musuh dan merosakkan hidup anda. Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa sesungguhnya kemiskinan itu menghampiri kekufuran. Ini bermakna bahawa kita mungkin jadi kafir kerana tidak mensyukuri nikmat lain yang dikurniakan Allah oleh sebab kesusahan yang sedang kita alami itu.

Naluri manusia memang menginginkan kemewahan dan keselesaan setiap masa. Tidak ada salahnya dengan kekayaan, asalkan kita mensyukuri nikmat Allah ini serta menggunakannya untuk memberi manfaat kepada orang lain. Uruskanlah kewangan anda dengan baik menggunakan strategi dan perancangan kewangan yang kukuh dan berkesan.

Deklarasi #11 – Saya Percaya Wang Itu Penting Kerana Ia Adalah Lambang Kebebasan

Seperti yang telah saya terangkan di atas, wang adalah sangat penting dan berharga di dalam kehidupan setiap manusia. Walaupun wang tidak mampu membeli kebahagiaan atau kasih sayang, hampir kesemua benda fizikal memerlukan wang sebagai alat untuk ditransaksi dan ditukar beli dengan sesuatu produk atau perkhidmatan.

Walaupun untuk beribadah, kaum muslimin masih memerlukan wang bagi membeli pakaian menutup aurat untuk mengerjakan solat lima waktu. Begitu hebat kepentingan wang di dalam kehidupan manusia.

Apa yang saya maksudkan dengan wang adalah lambang kebebasan ialah apabila kita mempunyai wang yang mencukupi, kita bebas membeli apa saja yang kita idam-idamkan. Kepada seorang miskin, dia menggunakan kebebasan wangnya memenuhi keperluan asas hidupnya, seperti makanan, pakaian atau tempat tinggal. Manakala bagi seorang yang kaya dan mempunyai banyak wang, dia bebas menggunakan wangnya membeli apa yang diinginkan tanpa ada sesiapa yang boleh menyekatnya.

Deklarasi #12 – Saya Layak Untuk Menikmati Kekayaan Kerana Saya Menambah Nilai Kepada Orang Ramai

Nabi Muhammad SAW sangat menggalakkan umatnya untuk berniaga. Ini adalah kerana 90 peratus daripada sumber rezeki datangnya dari sumber perniagaan. Di antara faedah sebenar berniaga adalah membantu orang ramai mendapat apa yang mereka perlukan bagi menyelesaikan masalah serta menambah nilai hidup mereka.

Sebagai contoh, apabila anda membuka kedai makan, orang yang sedang lapar datang ke kedai anda untuk makan. Jika hidangan makanan yang anda sediakan adalah enak dan berkualiti, lebih ramai orang datang dan datang lagi ke kedai anda. Secara tidak langsung, anda telah dapat menyelesaikan masalah orang ramai yang sedang kelaparan dan, sebagai ganjarannya, orang ramai membayar makanan yang anda sediakan dengan wang ringgit sehingga anda menjadi kaya.

Anda layak menikmati semua kekayaan dan ganjaran yang anda perolehi hasil keikhlasan dan titik peluh anda menjual makanan kepada orang ramai. Anda sepatutnya bersyukur rezeki yang dikurniakan Allah itu, dan sudah pasti Allah melipat gandakan rezeki anda lagi.

*“Aku ingin menambahkan nilai dalam diri individu lain.
Kekayaan aku hari ini adalah titik peluh aku selama ini.
Aku layak menjadi kaya.”*

Deklarasi #13 – Saya Adalah Seorang Yang Suka Memberi Dan Juga Penerima Dengan Baik

“Memberi adalah satu kaedah yang penting untuk berjaya dan diberkatiNya. Inilah yang dinamakan kuasa memberi.”

Firman Allah SWT, dalam surah Al-Baqarah ayat 261, berkenaan orang yang suka memberi atau menderma ke jalan Allah adalah ibarat sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan setiap tangkai itu pula mengandungi 100 biji buah. Allah yang Maha Pemurah telah mengurniakan satu kebaikan yang kita berikan kepada orang lain dengan ganjaran yang berlipat-lipat ganda sebanyak 700 kali. Ini adalah juga apa yang dimaksudkan dari pepatah Inggeris, *the more you give, the more you get*.

Bersyukurlah kita kerana kita dapat menjadi tangan yang di atas dan bukan tangan yang di bawah (meminta). Allah SWT juga berfirman bahawa apabila kita bersyukur di atas nikmatnya, Allah menambah nikmat rezeki itu berlipat ganda lagi mengikut kehendakNya.

Jika seseorang itu sedang bercakap dengan anda tetapi anda tidak mendengar apa yang dikatakannya, bermaksud anda bukan seorang penerima yang baik. Anda tidak tahu bersyukur. Orang yang tidak tahu bersyukur, Allah tarik balik segala nikmat secara perlahan-lahan daripadanya. Kesimpulannya ialah sesiapa yang bersyukur, Tuhan menambah lagi nikmat rezekinya.

Deklarasi #14 – Saya Sangat Bersyukur Dengan Kekayaan Yang Saya Miliki Hari Ini

“Jangan menilai berapa banyak kita ada tetapi berapa banyak kita bersyukur.”

Siapakah yang memilih sama ada anda boleh mempunyai banyak duit atau sedikit? Ya, andalah yang menentukan sama ada anda menjadi seorang yang kaya dan berjaya atau anda tetap berada ditakuk yang anda berada sekarang. Berusaha dan bertawakkallah jika anda ingin menjadi kaya dan berjaya.

Apabila anda telah kaya, panjatkanlah kesyukuran dan puji-pujian kepada Allah SWT di atas segala rahmat dan nikmat yang telah dilimpahkan kepada anda. Walau bagaimanapun setelah anda berusaha tetapi masih belum mencapai apa yang dikehendaki, janganlah berputus asa. Berdoa dan berusahalah secara istiqamah lagi sehingga anda menikmati kejayaan.

*Jangan menunggu kaya baru bersedekah tetapi,
Bersedekahlah agar menjadi kaya.
Jangan menunggu sukses baru bersyukur tetapi,
Bersyukurlah agar bertambah sukses*

Deklarasi #15 – Peluang-Peluang Keemasan Sentiasa Berkunjung Ke Dalam Hidup Saya

Terlalu banyak peluang-peluang keemasan yang ada di luar sana sekarang ini. Anda mempunyai hak memilih mana satu peluang yang boleh menguntungkan anda serta yang serasi dengan niat atau misi yang anda pegang. Kuasa memilih terletak ditangan anda. Anda tidak menjadi miskin kerana rezeki Allah berada di mana-mana sahaja di dalam alam ini. Alam ini tersangat luas untuk semua kehidupan manusia, dan setiap manusia yang hidup memerlukan sesuatu yang anda mampu bantu menambah nilai hidupnya, sama ada dari segi kebendaan maupun perkhidmatan.

Janganlah pandang kepada perkara yang remeh temeh yang tidak mendatangkan hasil. Yakini bahawa anda diciptakan yang terbaik oleh Tuhan dan hanya diberikan yang terbaik olehNya. Bersangka baiklah dengan Tuhan dengan meyakini bahawa hanya peluang-peluang yang menguntungkan sahaja yang datang kepada anda jika anda bersikap positif serta komited mengambil peluang-peluang keemasan itu dan bertindaklah untuk berusaha sehingga berjaya.

Deklarasi #16 – Pencapaian Saya Semakin Maju Hari Demi Hari

Deklarasi yang terakhir ini bermaksud bahwa kebolehan anda mengurus wang dan kekayaan anda seharusnya meningkat hari demi hari. Semakin hari pencapaian anda bertambah

dan menjadi semakin membesar. Seandainya, pencapaian itu adalah sedikit, anda hendaklah bersyukur dan meraikannya kerana lama-kelamaan yang sedikit itu menjadi banyak dengan izinNya.

Di dalam masa yang sama, kapasiti anda untuk memberi dan berkongsi bersama rakan perniagaan atau masyarakat sekeliling anda melalui sedekah juga haruslah bertambah dan membesar hari demi hari.

Ulang baca semua Deklarasi di atas setiap hari sehingga ia tersemat di dalam fikiran anda. Ia seterusnya menggantikan kepercayaan kolot anda yang tidak selari dengan keperluan anda untuk menarik kekayaan dan kejayaan ke dalam kehidupan anda.

Ingat, **ANDA** punya pilihan untuk **BERUBAH**.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

BAB SEPULUH

10

Transformasi Hidup Anda Sekarang

Adakah anda berasa penat selepas mengkhatamkan dan menghadamkan pembacaan setiap ilmu di dalam Buku ini? Adakah minda anda pada saat ini berasa sangat huru hara? Sebenarnya perubahan mula berlaku dalam kehidupan anda selepas ini. Tinggal lagi anda perlu tahu cara bagaimana hendak meneruskan kelangsungan perubahan ini.

Akhir kata, anda hendaklah sentiasa berpegang kepada matlamat yang jelas di dalam fikiran anda serta bersyukur dan berdoa kepada Tuhan agar mempermudah segala usaha anda mencapai impian anda menjadi kaya dan berjaya melalui perniagaan.

Saya mengucapkan selamat maju jaya, selamat menjalani kehidupan luar biasa hebat, selamat menjadi jutawan dan selamat memberi lebih banyak kepada masyarakat dan alam sejagat.

Salam kejayaan.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

INTENSIF MAGNET KEKAYAAN & KEJAYAAN (IMKK)

Program **Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK)** adalah program intensif 4 hari 3 malam dan merupakan satu-satunya program intensif bertaraf antarabangsa yang diinspirasi oleh jutawan, usahawan dan pengasas lebih 27 buah syarikat bernilai jutaan ringgit Richworks Group of Companies iaitu Dr Azizan Osman.

Anda akan belajar langkah demi langkah bagaimana membina kebahagiaan dengan memahami strategi membina kewangan dan pelaburan yang sistematik sama ada di dalam kerjaya atau perniagaan anda.

Anda juga akan diajar untuk mengenal pasti halangan yang menyebabkan anda hidup tertekan dengan masalah duit, hutang, tekanan hidup, stres, kebocoran wang, ditipu dan tidak bahagia. Hakikatnya ramai orang yang hidup di kelilingi oleh pelbagai masalah tanpa mencari punca masalah itu berlaku.

Anda Akan Pelajari:

- Bagaimana untuk mengenali 'ketakutan' anda serta ramai manusia lain yang mungkin menjadi penghalang utama banyak kejayaan anda.
- Bagaimana mengubah pandangan anda tentang wang dan cara pengurusan wang dengan betul dan efektif.
- Bagaimana untuk hidup lebih bahagia, sihat, kaya, berjaya dan diberkati.
- Bagaimana menguasai 7 aspek kejayaan hidup anda supaya hidup anda dan keluarga akan lebih berkualiti dan meningkat dengan segera.
- Bagaimana untuk mendalami lebih jelas matlamat anda serta berani untuk mencapainya.
- Bagaimana untuk memaksimumkan potensi diri anda dengan menguasai sikap diri anda seperti sikap mereka yang telah berjaya dalam hidup mereka.

Apa Impak Selepas Program?

- Perubahan hidup yang luar biasa.
- Menjadi lebih Kaya & Berjaya.
- Diri akan lebih dekat dengan Maha Pencipta.
- Hubungan antara makhluk menjadi lebih baik.
- Ingin menyumbang dan menambah nilai dalam kehidupan orang lain.

Hubungi kami di +603 – 5519 1260 atau emel ke inquiries@richworks.com.my

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

MILLIONAIRE MARKETING MASTERY (MMM)

Program **Millionaire Marketing Mastery (MMM)** adalah satu program untuk usahawan atau pemilik perniagaan yang ingin meningkatkan potensi kekayaan, kejayaan dan pendapatan mereka sehingga 400% sama ada melalui perniagaan dari rumah, perniagaan kecil, sederhana atau besar.

Apa yang akan dipelajari:

- Anda akan diberikan satu *roadmap* yang sangat jelas bagaimana anda memperbaiki hidup & kewangan anda melalui bisnes dengan mempunyai peningkatan pendapatan sebanyak 3 kali ganda dari apa yang anda dapat sekarang dalam masa 3 – 12 bulan, tetapi yang paling laju adalah dalam masa 3 – 7 hari.
- Anda akan mempunyai *Blue Print* Bisnes anda untuk 3 – 5 tahun akan datang serta 7 fasa yang anda akan lalui sehingga anda capai RM1 juta anda yang pertama dan seterusnya.
- Anda akan ditunjukkan bagaimana untuk mengenalpasti perniagaan yang bagus serta sesuai dengan anda, menggunakan teknik yang telah dicipta oleh mentor Dr Azizan iaitu Brian Tracy dan Napoleon Hill, penulis buku Think & Grow Rich.
- Anda akan menguasai formula P.O.W.E.R dengan mendalam dan bagaimana untuk mengaplikasikannya di dalam bisnes samada kecil atau besar.
- Bagaimana untuk bukan sahaja memulakan bisnes tetapi bagaimana menguasai pasaran dan memposisikan anda atau bisnes anda menjadi Brand yang dikenali dan rujukan dalam masa yang pantas kurang dari 3 bulan.
- Bagaimana membina kekuatan skrip Marketing Power langkah demi langkah supaya anda mendapat keyakinan pelanggan dalam masa kurang dari 11 saat. Skrip ini anda boleh gunakan di dalam setiap bahan pemasaran dan kempen pemasaran anda nanti.
- Belajar menulis kempen strategi pemasaran P.O.W.E.R anda sendiri dan diberikan lebih 200 strategi pemasaran yang boleh anda gunakan di dalam bisnes anda nanti.
- Belajar sistem sokongan pemasaran & pengiklanan yang anda perlukan supaya anda mendapat *Return On Revenue (ROR)* yang sangat tinggi dengan setiap sen yang anda gunakan untuk pemasaran & *branding* nanti.
- Bagaimana memilih nama *brand*, motto *brand*, *mascot*, *tagline*, warna *brand* dan banyak lagi agar anda dilihat sebagai bisnes yang bertaraf antarabangsa walaupun bermula dari dapur rumah.
- Bagaimana untuk melonjakkan perniagaan anda dengan belajar daripada *real case studies Live* yang bakal kami bawakan nanti di dalam salah satu sesi 3-hari MMM nanti.

Hubungi kami di +603 – 5519 1260 atau emel ke inquiries@richworks.com.my

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

MASTER YOUR BUSINESS (MYB)

Program yang sangat luar biasa ini akan memberikan anda semua strategi yang diperlukan untuk mencapai kejayaan di dalam perniagaan anda di dalam tempoh yang singkat.

Ramai orang menjalankan perniagaan untuk mencari makan sahaja, tetapi di **Master Your Business** anda akan diajar langkah demi langkah untuk menguruskan serta membina pendapatan aktif yang lumayan dari perniagaan anda untuk jangka masa panjang.

Anda akan diajar secara praktikal oleh pakar-pakar yang telah berjaya di dalam perniagaan mereka.

Jangan buang masa dengan taktik atau strategi yang kurang hasilnya atau kurang berjaya.

Anda akan pelajari:

- Bagaimana membina perniagaan dengan sistem yang betul sebagaimana syarikat-syarikat besar?
- Bagaimana mendapatkan idea yang bernilai berjuta-juta ringgit setiap masa?
- Bagaimana melancarkan strategi-strategi pemasaran yang efektif dan menguntungkan?
- Bagaimana membina satu perniagaan yang boleh difrancaiskan?
- Bagaimana membina perniagaan yang akan bekerja untuk anda 24-jam sehari tanpa pengurusan harian anda?
- Bagaimana membina '*Branding*' untuk perniagaan anda yang memberikan pulangan yang berpanjangan?
- Bagaimana mengembangkan perniagaan anda ke peringkat yang lebih tinggi?

Hubungi kami di +603 – 5519 1260 atau emel ke inquiries@richworks.com.my

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

RETIRE YOUNG RETIRE RICH (RYRR)

Adakah anda bersedia untuk menggantikan pendapatan dari pekerjaan atau perniagaan anda dengan pendapatan pasif?

Kita telah diajar untuk bekerja selama berpuluh tahun dan bersara pada umur 55 atau 60 tahun. Masalahnya, ramai yang telah bersara mengikut proses ini dan mereka menghadapi masalah kesempitan wang dan terpaksa mendapatkan pekerjaan atau menceburi perniagaan yang mereka sendiri tidak mempunyai ilmu atau pengalaman, demi menampung hidup mereka selepas bersara.

Jika diberi pilihan, mahukah anda bersara dan tidak perlu bekerja lagi dalam masa 2 atau 3 tahun dari sekarang? Anda tidak perlu bekerja lagi melainkan anda memilih untuk berbuat demikian.

Anda akan pelajari:

- Bagaimana membuat wang bekerja untuk anda?
- Strategi pelaburan yang efektif untuk membina pendapatan pasif yang konsisten.
- Bagaimana membina pendapatan pasif sebanyak RM20,000 ke RM100,000 setiap bulan sehingga akhir hayat anda?
- Strategi membina pendapatan pasif yang dijamin akan membuatkan anda mempunyai lebih banyak masa dan wang.
- Bagaimana membina perniagaan yang akan bekerja untuk anda 24-jam sehari?
- Bagaimana memilih dan mengenalpasti pelaburan-pelaburan yang bagus?
- Bagaimana mengumpul kekayaan untuk disumbangkan kepada orang lain?
- Bagaimana mewariskan kekayaan untuk generasi yang akan datang?

Hubungi kami di +603 – 5519 1260 atau emel ke inquiries@richworks.com.my

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

RAHSIA KUASA MINDA JUTAWAN (RKMJ)

Di dalam kehidupan yang penuh dengan pancaroba ini, ramai yang terperangkap dengan pelbagai situasi yang menyebabkan diri mereka sentiasa tidak gembira, tidak bahagia yang masalahnya membawa kepada banyak kegagalan dari segi kekeluargaan, kerjaya, perniagaan, perhubungan atau kewangan.

Di dalam program ini, anda akan melalui satu proses '*Reprogramming* Minda' yang akan menyebabkan anda "*install*" tarikan kekayaan, kejayaan, kesihatan, kebahagiaan dan keberkatan di dalam hidup anda hampir serta-merta.

Apa yang anda akan pelajari:

- Bagaimana membongkar punca masalah kegagalan yang berakar umbi di dalam minda anda?
- Bagaimana mengenali diri serta menguasainya supaya anda boleh menguasai kehidupan anda untuk selama-lamanya.
- Kaedah mudah dan berkesan untuk tarikan kekayaan, kejayaan, kesihatan, kebahagiaan dan keberkatan dalam kehidupan diri, keluarga serta anak-anak anda.
- Bagaimana mencapai kepuasan dan kebahagiaan hakiki?
- Bagaimana mengubah kehidupan anda menjadi seorang yang sentiasa berjaya di dalam apa sahaja yang anda akan lakukan?
- Bagaimana mencapai apa sahaja keinginan anda dalam tempoh masa yang singkat menggunakan kaedah Alpha?

Hubungi kami di +603 – 5519 1260 atau emel ke inquiries@richworks.com.my

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

Mengenali Penulis – Azizan Osman

“Matlamat hidup saya adalah untuk memanfaatkan serta menambah nilai hidup rakyat Malaysia secara amnya melalui ilmu perniagaan. Penilaian Allah SWT terhadap diri saya adalah lebih penting daripada semua penilaian manusia.”

– Azizan Osman

Azizan Osman merupakan Pengasas kepada Kumpulan Syarikat Richworks dan lebih dikenali sebagai seorang “Jurulatih Kejayaan & Pemasaran” nombor satu di Malaysia dan Asia. Sehingga hari ini, beliau telah berjaya membantu ratusan ribu rakyat Malaysia untuk menambah nilai hidup mereka supaya menjadi lebih bahagia, kaya dan berjaya.

Kepakaran beliau selama lebih 12 tahun di dalam bidang perniagaan dan pemasaran telah membantu para usahawan dari pelbagai industri, untuk meluaskan empayar perniagaan mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

Sebagai seorang usahawan dan jutawan yang telah melalui proses kegagalan dan kejayaan di dalam perniagaan, beliau telah berjaya membina empayar perniagaannya sendiri di dalam pelbagai industri menggunakan formula ciptaannya sendiri yang mudah difahami serta diamalkan. Formula yang diasaskan oleh Azizan Osman iaitu M.E.S.T.I (Mentor, Ilmu, Sistem, Tindakan, Impian), telah berjaya mewujudkan satu landasan di dalam kecemerlangan keusahawanan serta perniagaan yang hebat dan luar biasa, kepada sesiapa yang ingin menjadikan hidup mereka lebih berkualiti dan sejahtera.

Buku Magnet Kekayaan & Kejayaan ini ditulis untuk menyampaikan ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman serta kejayaan yang telah dilalui oleh Penulis. Ia adalah juga sebuah Buku yang membongkarkan rahsia minda jutawan untuk melakukan transformasi dalam hidup untuk menjadi lebih bahagia, kaya dan berjaya di dalam kehidupan.

Azizan Osman


Pengasas & Pengerusi Eksekutif Kumpulan Richworks

Jurulatih Kejayaan & Pemasaran No. 1 Malaysia

www.AzizanOsman.com

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY

FOR REFERENCE PURPOSES ONLY INSPIRASI MINDA JUTAWAN



21 FORMULA HIDUP LUAR BIASA ASRAFF AYOB & AZIZAN OSMAN

Perkongsian 21 formula yang merupakan 'rahsia dalam rahsia' untuk mencapai kehidupan yang lebih cemerlang, kaya, berjaya dan luar biasa.



INSPIRASI KAYA & BERJAYA SIRI 1

AZIZAN OSMAN & AQIF AZIZAN


Menceritakan kisah-kisah kejayaan yang hebat sebagai panduan dan inspirasi kepada pembaca untuk mengubah hidup menjadi lebih kaya dan berjaya.



INSPIRASI KAYA & BERJAYA SIRI 2

AZIZAN OSMAN & AQIF AZIZAN

Lanjutan daripada edisi pertama, buku ini mempunyai pendekatan yang lebih tajam dalam membongkar rahsia kekayaan dan kejayaan.



KUASAI PEMASARAN, RAHSIA MENARIK PELANGGAN AZIZAN OSMAN

Sebuah legasi kekayaan dan kejayaan, penuh dengan kisah-kisah kejayaan untuk memberi manfaat dan inspirasi yang luar biasa kepada semua.



PLANET BISNES AZIZAN OSMAN

ZAFROL RIZAL MAT &
DATO' ROSLAN AB. HAMID

Himpunan peristiwa, fakta dan peribaldan kata dari sesi-sesi kendalian Dr. Azizan Osman, diolah mengikut perspektif penulis.